



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli — Kebenaran:

Y.B. Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah)

Y.B. Tuan Wang Choon Wing (Lipis) [Ruangan 2769]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2769]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2872]

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1988 [Ruangan 2873]

Jawatankuasa

Maksud P.7 [Ruangan 2910]

Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 2912]

Maksud P.17 [Ruangan 2928]

Maksud P.18 [Ruangan 2934]

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Banjir di kawasan Pilihanraya Seputih — Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputih)
[Ruangan 2946]

Kem Tahanan Perlindungan Kemunting — Kemudahan Kesihatan,
Y.B. Dr Tan Seng Giaw (Kepong) [Ruangan 2950]

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi)

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

” Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut)
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN
BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan
Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH
(Gopeng).
- ” TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim
Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok
Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.
(Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan
Chepa).
- ” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K.
(Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

- ” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).
- ” TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- ” TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- ” DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- ” TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

- " PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- " TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- " TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- " DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N, P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- " TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- " TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- " TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- " DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- " TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- " TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- " TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- " DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Ipoh).

- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIOW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

Yang Berhormat DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).

” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin .

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 28hb Jun, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI-AHLI -
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalakan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:-

1. Y.B. Tuan Hashim bin Safin, Ahli bagi Kawasan Tanah Merah dari 27hb Jun hingga 8hb Julai, 1988 dan
2. Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Ahli bagi Kawasan Lipis dari 27hb Jun hingga 8hb Julai, 1988.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELARIAN DI SABAH

1. **Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pada suatu masa dahulu Kerajaan Persekutuan telah bercadang untuk menjalankan operasi pendaftar-

an pendaftar-pendaftar haram dan pelarian di Sabah tetapi telah ditolak oleh Kerajaan Negeri Sabah. Adakah Kerajaan Persekutuan khususnya pihak Kementerian Dalam Negeri menerima laporan daripada operasi itu dan apakah motif awal Kerajaan Negeri menolak niat baik dari Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Persekutuan menjalankan operasi membanci pelarian yang terdapat di negeri Sabah dan bukannya membanci pendaftar tanpa izin di negeri tersebut dan banciaan ini dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat banciaan tersebut telahpun selesai.

Untuk latarbelakang atas perkara ini ingin saya jelaskan bahawa di negeri Sabah terdapat pelarian Filipina yang masuk ke negeri itu sejak tahun 1968. Kerajaan Malaysia atas dasar perike-manusiaan telah membenarkan mereka masuk dan tinggal untuk sementara waktu di negeri Sabah. Walau bagaimanapun Kerajaan Malaysia tidak pernah dan tidak akan menghalang mereka kembali ke kampung halaman mereka di Filipina. Kerajaan merasa perlu untuk mengetahui bilangan mereka, latarbelakang kedatangan mereka di Sabah dan mengenalpasti kawasan-kawasan di mana mereka tinggal di dalam negeri Sabah. Tujuan gerakan banci ialah:-

- (i) untuk memastikan jumlah sebenar pelarian-pelarian Filipina di Sabah;

- (ii) untuk memudahkan Kerajaan menguatkuasa undang-undang perjalanan keluar masuk ke negeri Sabah;
- (iii) untuk membolehkan Kerajaan mengetahui tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang didiami oleh pelarian-pelarian Filipina di Sabah;
- (iv) untuk membolehkan Kerajaan membuat atau mengatur rancangan bagi menempatkan pelarian-pelarian Filipina di tempat-tempat yang lebih sesuai dan lebih selamat;
- (v) untuk membolehkan dan memudahkan pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang lain memberi apa jua pertolongan dan bantuan seberapa yang boleh dan termampu; dan
- (vi) untuk mencegah dan mengawal kemasukan secara tidak sah atau secara haram orang-orang Filipina di negeri Sabah di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud banci, kesemua pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah sama ada orang dewasa atau kanak-kanak telah dibanci. Di dalam hal ini Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah telah menubuhkan 8 buah pusat banci di seluruh negeri Sabah dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan. Pusat-pusat banci itu adalah seperti berikut:-

- (i) Kota Kinabalu
- (ii) Kudat
- (iii) Labuan
- (iv) Keningau
- (v) Sandakan
- (vi) Semporna
- (vii) Lahat Datu
- (viii) Tawau

Di samping itu Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah juga menubuhkan beberapa unit banci kecil termasuk unit bergerak untuk membanci pelarian-pelarian Filipina yang tinggal di

kawasan terpencil seperti di pendalaman dan di pulau-pulau.

Pelarian-pelarian Filipina adalah dikehendaki membawa bersama-sama 6 keping gambar foto hitam-putih berukuran 1.5 inci × 1.25 inci serta tebal gambar sekurangnya 0.003 inci dan tidak melebihi 0.007 inci. Mereka juga dikehendaki membawa apa-apa dokumen pengenalan yang ada pada mereka.

Setiap pelarian Filipina yang telah dibanci akan dikeluarkan dengan resit banci rasmi. Resit banci rasmi disimpan oleh pelarian-pelarian kerana resit tersebut dianggap oleh Kerajaan sebagai dokumen peribadi yang penting dan apa jua urusan semasa pelarian berkenaan berada di negeri Sabah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jumlah orang-orang pelarian yang beragama Islam dan jumlah orang-orang pelarian yang beragama Kristian yang disebutkan, dan sejauhmana orang-orang pelarian ini mengancam keselamatan negara. Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut bancian yang telah kita buat, jumlah pelarian yang beragama Islam ialah 61,282 orang, yang beragama Kristian ialah 7,613 orang, Anamisma - 59 orang dan lain-lain agama 560 orang. Jumlahnya 69,508 orang, ini yang mengetahui bila mereka masuk, tetapi jumlah besar yang masuk ialah hampir 75,000 orang yang dibanci, yang lebihannya itu tidak mengetahui tarikh yang sebenarnya mereka masuk ke Sabah.

Daripada kajian yang dibuat di atas ke semua yang dibanci ini mereka tidaklah menggugat keselamatan di negeri Sabah, kecuali yang datang tanpa izin yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang tertentu.

HELIKOPTER JENIS WESTLAND WASP

2. **Dr. Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab sebenar mengapa Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) membeli sebilangan helikopter jenis Westland Wasp HAS MKI yang sudah dipakai lebih 20 tahun oleh Tentera Laut British dan tidakkah pembelian ini akan mendedahkan juruterbang-juruterbang TLDM kepada berbagai bahaya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan dasar operasi Angkatan Tentera Malaysia, helikopter adalah perlu untuk ditempatkan di kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia yang beroperasi di laut untuk mempertingkatkan keupayaan atau, force multiplier, dengan izin, dalam bidang pengawasan, peperangan menentang musuh di permukaan air, di bawah air serta di udara dan juga berbagai tugas lain.

Sebagai mengorak langkah pertama, Kerajaan membeli helikopter jenis "Wasp" dari Kerajaan British bagi memulakan perkhidmatan udara dalam Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga memulakan latihan dalam aspek mengurus suatu cawangan udara, mengendalikan penerbangan helikopter, menyelenggara pesawat dan latihan operasi. Sungguhpun helikopter "Wasp" terpakai itu berusia lebih 20 tahun, keadaannya adalah amat baik dan tidak menimbulkan keraguan. Dengan senggaraan yang telah dan akan dilaksanakan, keselamatan operasi helikopter jenis ini adalah tidak kurang dari jenis helikopter yang lain.

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak TLDM mempunyai pilihan lain iaitu membeli helikopter-

helikopter yang lebih sesuai, umpamanya daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Perancis dan Italy dan saya juga difahamkan bahawa helikopter biasanya umur pakainya adalah 25 tahun sahaja dan memandangkan helikopter jenis "Wasp" ini telahpun lebih daripada 20 tahun, maka tidakkah pihak TLDM berasa bimbang atas keselamatan juruterbang-juruterbang dan juga anak-anak kapal lain?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Tentera Laut Diraja Malaysia telah memilih helikopter "Wasp" ini oleh kerana ia adalah sejenis helikopter yang dedicated, dengan izin, untuk Tentera Laut seperti digunakan oleh Tentera Laut British dan inilah satu-satunya platform yang digunakan untuk kita melatih juruterbang-juruterbang helikopter untuk Tentera Laut Diraja untuk permulaannya dan harga helikopter ini sangat murah untuk dipakai sebagai platform latihan.

Kedua, dari segi 'flying hours', dengan izin, helikopter-helikopter "Wasp" yang kita beli ini hanya baru dipakai di antara 2,000 ke 3,000 'flying hours', dengan izin, daripada 6,000 'flying hours' life span, dengan izin. Jadi helikopter ini selamat dipakai oleh juruterbang-juruterbang kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat menimbangkan supaya helikopter daripada Indonesia dibeli untuk menggantikan helikopter-helikopter yang lama di negara ini dan kalau ada, berapakah perbelanjaan yang akan diperuntukkan untuk pembelian helikopter daripada Indonesia?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini khas untuk Tentera Laut Diraja Malaysia. Untuk menjawab soalan Ahli Yang

Berhormat itu, helikopter dari Indone-sia yang dibuat oleh IPTN di Bandung telah dibeli sebuah oleh Tentera Udara Diraja Malaysia, bukan Tentera Laut.

**LEMBAGA KEMAJUAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA -
PROJEK PELABURAN**

3. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelabur yang melakukan permohonan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk melabur pada tahun 1987. Daripada jumlah tersebut berapa banyak yang benar-benar melabur dan jumlah modal yang kurang menentu akhir-akhir ini menjejaskan minat pelabur dalam dan juga luar negeri untuk melabur dilihat dalam jangka masa Januari hingga Mei 1988.

1-7-88

43. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir permohonan untuk projek-projek pelaburan yang diterima oleh pihak Perbadanan Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) bagi tahun 1988.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab sekali soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan Seputeh yang dijadualkan pada 1hb Julai, 1988 mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya benarkan.

Dato' Kok Wee Kiat: Pada tahun 1987 sejumlah 398 permohonan untuk menubuhkan projek perkilangan telah diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Pada tahun yang sama, sejumlah 333 projek perkilangan telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan jumlah cadangan modal dibayar sebanyak \$1,529.4 juta.

Bagi tempoh Januari hingga Mei, 1988, sejumlah 344 permohonan telah diterima berbanding dengan 131 permohonan yang diterima pada tempoh yang sama dalam tahun 1987. Jumlah cadangan modal pelaburan dalam projek yang diterima bagi tempoh Januari hingga Mei, 1988 adalah sebanyak \$4,851.5 juta di mana \$1,869.8 juta adalah modal terkumpul dan \$2,981.7 juta adalah pinjaman. Daripada jumlah cadangan modal terkumpul, sebanyak \$890.4 juta adalah ekuiti tempatan dan \$979.4 juta ekuiti asing. Projek-projek tersebut bercadang untuk mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 63,899. Adalah dijangka kesemua projek-projek tersebut akan dilaksanakan oleh pelabur-pelabur berkenaan. Berdasarkan kepada angka-angka yang tersebut di atas, didapati bahawa keadaan politik tidak sedikit-pun menjejaskan minat pelabur dari dalam dan luar negeri. Malah jumlah cadangan modal dibayar tempatan sebanyak \$890.4 juta dan modal asing sebanyak \$979.4 juta telah menunjukkan pertambahan masing-masing lebih dari dua kali ganda dan empat kali ganda dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada projek-projek yang telah dikemukakan kepada MIDA setakat ini, adakah pihak MIDA telah meluluskan satu projek untuk menubuhkan sebuah kilang, aluminium amelter yang akan terletak di bandar Bintulu di negeri Sarawak? Jika ya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi butir-butir? Soalan ini adalah spesifik sedikit tetapi saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri memang ingat butir-butir berkenaan kerana

pelaburan ini paling besar, ianya mungkin kurang lebih \$1,000 juta lebih dan saya ingin butir-butirnya.

Yang keduanya, jika kita bandingkan dengan pelaburan dari asing dengan keluaran modal tempatan ataupun capital flight, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu gambaran sama ada kita rugi ataupun untung? Ini sahaja.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan Yang Berhormat dari Bandar Kuching spesifik tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, MIDA ada mengkaji projek aluminium tetapi pada masa sekarang tidak ada satu keputusan.

Yang kedua, saya fikir soalan itu lebih elok kalau Kementerian Kewangan menjawabnya.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah MIDA mempunyai dasar-dasar yang menggalak dan mengutamakan jenis-jenis pelaburan seperti berikut:

- (i) pelaburan yang menekankan pengeluaran industrial goods yakni barang-barang yang diperlukan oleh industri-industri lain seperti kimia asas selain daripada besi keluli yang telah kita keluarkan.
- (ii) pelaburan dari sumber dalam negeri.

Soalan saya yang kedua ini adalah berkaitan dengan soalan dari Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi, kerana di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa pelaburan-pelaburan dari sumber luar adalah lebih daripada sumber dalam negeri. Jadi pada pendapat saya dasar yang saya sebut untuk dua-dua pelaburan tadi adalah penting untuk kita menjadikan sebagai satu dengan izin, newly industrialised

countries, seperti apa yang berlaku di Singapura, Taiwan, Korea dan Thailand pada masa ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, perkilangan industrial goods adalah satu perkara yang penting, tetapi pada masa sekarang dasar-dasar kita tentang perkara itu belum ditentukan. Saya harap kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan kepada Kementerian saya.

AHLI DEWAN RAKYAT MENGANGGOTAI BARISAN NASIONAL

4. Tuan Mohammed Tawfik bin Tun Dr Ismail minta Perdana Menteri menyatakan berapa Menteri Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang menganggotai Barisan Nasional sejak bulan Januari 1987 hingga bulan Mei 1988.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Ahli Dewan Rakyat yang menganggotai Barisan Nasional di antara bulan Januari 1987 hingga bulan Mei 1988 adalah seramai 146 orang.

Tuan Mohammed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah Ahli Barisan Nasional daripada UMNO Baru?

Yang kedua, apakah sebabnya penaja-penaja UMNO 88 diberi keahlian dalam sebuah parti komponen Barisan Nasional tetapi penaja-penaja UMNO Malaysia ditolak? Apakah sebabnya Barisan Nasional menolak satu cadangan dari parti baru untuk menyingkir beberapa ahli Parlimen UMNO dari Barisan dan adakah ini satu tanda bahawa satu pindaan kekuasaan politik telah berlaku? Calon Melayu manakah yang akan diberi sokongan dari parti komponen Barisan,

mereka yang memperjuangkan UMNO atau mereka yang mewakili parti baru?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, ada 5 soalan kesemuanya, hanya dua sahaja yang ada relevant dengan soalan yang telah ditanya pada hari ini.

Permohonan oleh beberapa anggota ahli Barisan Nasional untuk dipecat mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sungei Benut mengikut Perlembagaan Barisan Nasional, Barisan Nasional tidak dapat memecat ahli-ahli perseorangan, hanya kita boleh menyingkir parti yang menganggotai Barisan Nasional itu sahaja dan ahli-ahli yang menganggotai sesebuah parti itu hanya boleh dipecat ataupun disingkir oleh parti-parti yang mereka anggotai. Jadi daripada penerangan yang ringkas ini, saya ingat Ahli Yang Berhormat sudah faham mengenai keadaan dan pentadbiran Barisan Nasional.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala perkara ini mengelirukan kerana semasa perhimpunan dikelolakan untuk berikrar menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diadakan bulan Februari tahun ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan kepada umum bahawa ada 23 orang anggota Parlimen Barisan Nasional menyokong, berikrar sama-sama menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya tidak boleh nafikan tetapi masalahnya ialah kenapakah apabila sebuah parti memecat ahli daripada menjadi ahli parti itu di sebaliknya apabila ikrar diperlukan untuk menyokong pemimpin, tiba-tiba orang yang telah dipecat – macam saya sendiri – diambilkira tanpa memberitahu saya bahawa nama saya akan dimasukkan. Adakah Yang Berhormat sedar perkara

ini dan dapatkah dijelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ketua Parti kita tidak boleh menafikan apa yang disampaikan dalam satu-satu mesyuarat kerana dialah yang berhak. Untuk menentukan sama ada apa yang dikatakan itu benar atau tidak, saya ingat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak boleh menjelaskan di masa yang akan datang.

DADAH DISALURKAN DALAM PENJARA

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana-kah dadah dapat disalurkan masuk ke dalam penjara dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mendera mereka yang terlibat dalam bencana ini dan apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk menghentikan perbuatan seumpama ini.

29.6.88

33. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada hakikat bahawa penjara-penjara di negara kita begitu sesak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini. Apakah kesesakan ini disebabkan oleh kesalahan-kesalahan bersabit dengan dadah dan jika ya mengapakah Kementeriannya tidak mengambil langkah-langkah positif untuk meremam pesalah-pesalah yang ada kaitan dengan kesalahan-kesalahan bersabit dengan dadah di penjara-penjara yang berasingan lengkap dengan kemudahan-kemudahan pemulihan dan 'detoxification'.

30.6.88

55. Tuan Teoh Teck Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

adakah Kementerian ini telah menyelesaikan laporannya ke atas penganjur dadah di penjara-penjara dan sama ada laporan-laporan ini akan diumumkan dan jika ia, bila, jika tidak, mengapa.

5.7.88

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah serius masalah dadah dalam penjara kita dengan memberi butir-butir penjara terlibat dan bilangan pegawai penjara yang telah dikenalpasti sebagai terlibat dalam menyeludup dadah ke dalam penjara-penjara;
- (b) adakah Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji masalah dadah dalam penjara telah menyiapkan laporannya dan jika ada apakah cadangan-cadangan tertentu jawatankuasa tersebut;
- (c) bilangan pegawai-pegawai penjara yang telah dikenakan tindakan disiplin sehingga akhir Mei, 1988 bagi kesalahan dadah berapa banyak yang dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen 39 (b) Akta Dadah Berbahaya; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pegawai-pegawai penjara daripada menyeludupkan dadah dalam penjara.

6.7.88

20. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan warden penjara, polis dan anggota tentera yang telah diambil tindakan tatatertib berkaitan dengan kesalahan dalam penganjur dadah dan apakah tindakan tegas yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan baha-

wa anggota penjara, polis dan anggota tentera bersih dari kegiatan najis dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang dijadualkan pada 29.6.1988, Yang Berhormat dari Bagan yang dijadualkan pada 30.6.1988, Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang dijadualkan pada 5.7.1988 dan Yang Berhormat dari Kuala Langat yang dijadualkan pada 6.7.1988.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat laporan Jawatankuasa Mengkaji Masalah Penyeludupan Dadah di Penjara telah disiapkan dan dikemukakan ke Kementerian Dalam Negeri.

Hasil dari laporan itu, Kementerian telah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penyeludupan dadah dalam penjara dan golongan yang bertanggungjawab menyeludup dadah ke penjara. Di samping itu Jawatankuasa yang berkenaan juga telah mengemukakan beberapa syor yang tertentu untuk membanteras penyeludupan dadah di dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 60% daripada 20,000 banduan yang ada dalam penjara sekarang ini adalah terdiri daripada penagih dan penganjur dadah. Banduan-banduan seumpama ini memerlukan dadah dan ini bermakna bahawa telah sentiasa wujud permintaan terhadap dadah di dalam penjara. Memandangkan mereka ini dikawal dan dadah sukar didapati maka berlakulah pasaran gelap dadah di dalam penjara. Harga dadah di dalam penjara adalah dua atau tiga kali ganda dari di luar penjara.

Jawatankuasa telah mengenalpasti bahawa penjara-penjara yang terlibat dengan penyeludupan dadah ini ialah:

- (i) Penjara Pudu, Kuala Lumpur
- (ii) Penjara Johor Bahru
- (iii) Penjara Pulau Pinang
- (iv) Penjara Pusat Kajang, Selangor
- (v) Penjara Kuantan; dan
- (vi) Penjara Alor Setar

Penyeludupan dadah di dalam penjara ini dilakukan oleh banduan-banduan, terutamanya oleh banduan remand, keluarga serta kawan-kawan banduan, bekas-bekas banduan dan pegawai-pegawai serta kakitangan penjara. Selain daripada dadah, wang dan barang-barang makanan juga diseludup masuk untuk ditukarkan dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 1,213 banduan telah ditangkap kerana menagih dan memiliki dadah sewaktu dalam penjara dari tahun 1984 hingga penghujung tahun 1987. Tindakan tatatertib telah diambil terhadap mereka sehingga dihukum sebat dengan rotan. Dari bilangan itu 91 orang ditangkap kerana memiliki dadah dan telah dilaporkan kepada polis untuk tindakan lanjut. Di samping banduan-banduan yang terlibat dengan dadah, pegawai-pegawai Jabatan Penjara juga tidaklah bebas dari penyalahgunaan dadah. Seramai 94 orang kakitangan penjara telah ditangkap atas berbagai-bagai kesalahan dadah dari tahun 1980 hingga 1987.

Sesuai dengan syor Jawatankuasa yang mengkaji pengedaran dadah dalam penjara itu, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk membanteras penyeludupan dadah dalam penjara. Jawatankuasa itu telah terus diberi tugas untuk memastikan tindakan-tindakan susulan ke atas perakuan-perakuan yang telah dibuat supaya dilaksanakan dengan serta merta.

Memandangkan Jawatankuasa itu masih lagi meneruskan tugas-tugas mereka Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengumumkan laporan itu kepada orang ramai kerana tindakan demikian akan menjejaskan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh mereka.

Walau bagaimanapun atas syor Jawatankuasa itu 4 orang kakitangan penjara telah dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak. Penggunaan undang-undang pencegahan seumpama ini adalah kali pertama dibuat ke atas pegawai-pegawai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak mahu pun banduan, kakitangan ataupun orang-orang tertentu yang cuba mengedar dadah dalam penjara. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang bertanggungjawab melakukan jenayah tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dengan jelas membayangkan bahawa penyeludupan dadah ke dalam penjara di negara kita adalah serius, sungguhpun pada suatu ketika Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menafikan. Tetapi di sini saya ingin bertanya bahawa semasa menunggu rekomendasi-rekomendasi yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah ke dalam penjara di negara kita, ingin saya mendapat tahu apakah langkah-langkah sementara yang dapat diambil oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk memastikan bahawa masalah penyeludupan dadah ini dapat dihentikan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita

membuat tindakan walau tindakan jangka pendek atau jangka panjang pihak penjara terpaksa mengkaji dahulu cara-cara dadah diseludupkan dan cara mereka menyeludup dadah ini kadang-kadang sungguh luar biasa.

Ada banduan yang sanggup menukarkan seketul lauk ayam untuk menghidu sekali hidu dadah. Banduan pernah menelan cincin selepas itu dikeluarkan kembali untuk dijualkan kepada pihak-pihak tertentu. Ada dadah yang disimpan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam jubur banduan. Ibu bapa ditipu kononnya makanan tidak cukup dan ibu bapa yang kasihan telah menambah wang yang begitu banyak kepada banduan-banduan. Kadang-kala dadah disumbat di dalam ubat gigi oleh ibu bapa untuk diberikan kepada anak-anak yang ada dalam penjara.

Jadi, dengan keadaan yang demikian tindakan-tindakan ini adalah satu perkara yang sungguh menyulitkan. Bagaimanapun tindakan-tindakan yang sedang diambil ialah mengeluarkan perintah-perintah tetap dan arahan-arahan dari masa ke semasa bagi membanteras penyeludupan dadah ke penjara dan dalam penjara.

Bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan menggunakan anjing-anjing bagi mengesan dadah dalam penjara. Bekerjasama dengan Jabatan Polis, Cawangan Anti Dadah di setiap negeri bagi mengenalpasti pengedar-pengedar dadah di kalangan kakitangan penjara dan banduan.

Membatalkan penerimaan bungkusan oleh banduan-banduan untuk mengelakkan penyeludupan dadah ke penjara melalui bungkusan, bukan sahaja melalui bungkusan, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kad biasa dilipat dua, di antara dua lipatan itu ditaburkan sedikit dengan dadah, begitu sekalilah penyeludupan yang telah dibuat.

Melakukan pemeriksaan yang rapi ke atas pegawai dan kakitangan penjara dan banduan-banduan yang keluar masuk penjara supaya tidak menyeludupi dadah.

Mengambil tindakan tegas ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan penjara yang terbabit dengan penyeludupan dadah di penjara sama ada dikenakan tatatertib atau pun dihadapkan ke mahkamah mengikut perbekalan undang-undang yang ada.

Itu cadangan yang telah pun dilaksanakan dan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa pula adalah begitu panjang sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya akan memberi hitam putih kemudian kepada Wakil dari Bukit Bintang. Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kerajaan bercadang hendak meminta bantuan dari David Copperfield (*Ketawa*) ahli sihir untuk mencari jalan macam mana hendak mengawal dadah ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak gunakan ahli sihir lebih banyak lagi masalah yang besar negara ini, lebih baik kita gunakan ahli sihir daripada mengancam dadah di penjara.

PENYELEWENGAN TERHADAP KWSP

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan keanggotaan Ahli Panel Penyiasatan kes-kes penipuan dalam KWSP. Sejauh manakah bidang tugas yang telah ditetapkan kepada panel ini bagi menentukan bahawa setiap sen wang caruman KWSP ini selamat dan terjamin. Adakah Kerajaan akan menentukan hukuman yang lebih berat kepada pesalah yang membuat penipuan dalam Wang Caruman KWSP.

25. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah ada sindiket yang telah menggelapkan wang caruman pekerja sebanyak \$1,000,000 atas alasan pinjaman perumahan tanpa pengetahuan pencarumnya. Jika benar, adakah pihak KWSP sudah dapat mengenal pasti sindiket yang berkenaan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan keyakinan orang ramai khususnya para pencarum KWSP perkara seperti itu tidak akan berulang lagi.

4.7.88

39. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada KWSP telah menyiapkan siasatannya mengenai pelbagai pihak termasuk pemaju-pemaju perumahan yang terlibat dalam mengemukakan permohonan-permohonan palsu kepada KWSP untuk mengeluarkan sebahagian simpanan pencarum-pencarum untuk membeli rumah-rumah yang tidak wujud. Jika ada, sila nyatakan jumlah bilangan pencarum-pencarum, pemaju, skim perumahan dan sindiket-sindiket yang terlibat. Apakah tindakan yang telah diambil oleh KWSP ke atas penipu-penipu dan apakah langkah yang akan diambil untuk mencegah masalah ini dari berulang semula.

58. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan jika satu siasatan telah dijalankan ke atas tuduhan-tuduhan bahawa lebih kurang 1 juta ringgit wang KWSP telah disalah keluarkan di bawah Skim Pengeluaran Rumah KWSP. Jika ia, apakah hasil siasatan ini.

5.7.88

11. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil berhubung dengan penyelewengan keluaran wang KWSP.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, oleh soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar dan Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah pada 28hb Jun, 1988, Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat dan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 4hb. Julai, 1988 dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan pada 5hb. Julai, 1988 adalah mengenai perkara yang sama, saya ingin bercadang bahawa menjawab semua soalan-soalan ini serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dibenarkan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada laporan yang telah dibuat dalam akhbar-akhbar tempatan berkenaan dengan penyelewengan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) satu Jawatankuasa Penyiasatan yang dianggotai oleh tiga pegawai kanan KWSP telah ditubuhkan pada 5hb. Mei, 1988 untuk menyiasat dengan lebih mendalam lagi kes penipuan pengeluaran membeli rumah yang dilaporkan berlaku di Pulau Pinang.

Jawatankuasa ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyiasat dengan mendalam berkenaan dengan penipuan tersebut khususnya untuk menentukan sama ada penyelewengan sebenarnya berlaku; sama ada penyelewengan telah dilakukan dengan pengetahuan ahli-ahli sendiri atau tidak; dan sama ada pegawai atau kakitangan KWSP terlibat dalam penyelewengan ini.

Siasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa beberapa ahli KWSP dengan bantuan orang tengah telah melakukan penyelewengan ke atas KWSP supaya meluluskan permohonan pengeluaran perumahan mereka sungguh pun mereka tidak bertujuan

untuk membeli rumah. Daripada penyiasatan ini KWSP telah mengenal pasti 4 pihak yang terlibat di dalam penyelewengan tersebut. Mereka adalah:-

- (i) Dua orang tengah, seorang di Kelang dan seorang lagi di Pulau Pinang.
- (ii) Ahli-ahlinya sendiri.
- (iii) Seorang pemaju perumahan di Butterworth.
- (iv) Beberapa orang Posmen di Pulau Pinang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kes penyelewengan sebagai yang dilaporkan itu melibatkan 114 permohonan yang telah diluluskan bagi tujuan membeli rumah kos rendah di Skim Perumahan Taman Kami di Bukit Mertajam.

Setakat ini 55 permohonan itu telah dikeluarkan waran pembayaran yang telah ditunaikan, bayaran bagi 59 permohonan lagi telah ditahan di samping itu 6 permohonan lagi untuk tujuan yang sama telah ditahan.

Jumlah caruman ahli-ahli berkenaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak \$505,237.39 sen dan bukan \$1 juta seperti yang dilaporkan. Penipuan ini bermula pada bulan Disember, 1987 dan terhenti apabila kegiatan tersebut dibongkar oleh pihak polis pada bulan April lalu.

Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan menunjukkan beberapa ahli KWSP rela menipu untuk mendapat wang caruman mereka sendiri bagi tujuan lain daripada membeli rumah dan menggunakan alasan untuk membeli rumah. Ahli-ahli berkenaan telah menggunakan orang tengah yang membantu mereka mendapatkan wang caruman mereka dengan cara memalsukan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh KWSP sebagai bukti bagi pembelian rumah. Perkara yang berlaku

sebenarnya ialah mereka telah mengeluarkan wang caruman mereka sendiri dan sanggup membayar upah kepada orang tengah.

Penyiasatan telah menunjukkan bahawa upahan di antara \$1,000 hingga \$3,000 telah dibayar oleh ahli berkenaan kepada orang tengah. Penyiasatan juga menunjukkan bahawa tidak ada pegawai atau kakitangan KWSP yang terlibat dalam penyelewengan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa penyiasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa wang caruman KWSP tidak boleh dikeluarkan tanpa pengetahuan pencarum KWSP sendiri. Ahli-ahli KWSP yang berkenaan dengan pengetahuan mereka sendiri telah mengeluarkan caruman mereka mengikut cara-cara yang palsu. KWSP telah melaporkan penyelewengan ini kepada pihak Polis yang sedang diambil tindakan sewajarnya untuk mendakwa mereka yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 16 (1) (a) Akta KWSP 1951, jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih daripada \$10,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada 12 bulan atau kedua-duanya. Mereka juga boleh didakwa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan (Panel Code) yang membawa hukuman yang lebih berat lagi.

Saya ingin memberi pengakuan bahawa sistem kawalan yang sedia ada di KWSP sekarang ini adalah ketat dan ahli-ahli tidak harus bimbang kerana pengeluaran tidak boleh dibuat oleh sesiapa tanpa pengetahuan mereka sendiri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya atas jawapan yang begitu panjang. Saya masih bertanya bagaima-

nakah penglibatan posmen yang dikatakan terlibat sama dalam soal KWSP, sedangkan posmen ini hanya menghantar surat sahaja. Saya hendak tanya apakah penglibatan yang terlibat?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang baik, macam mana posmen terlibat dalam penyelewangan ini. Sebenarnya pihak Polis sedang mengkaji dengan mendalam macam mana posmen itu terlibat. Ada satu kemungkinan bahawa posmen itu mungkin dihubungi oleh pihak yang tertentu supaya surat yang harus dihantar kepada alamat seperti di atas surat itu dihantar ke tempat yang lain. Itu satu kemungkinan sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, pihak Polis sedang mengkaji dengan mendalamnya macam mana posmen itu bekerjasama (cooperate) dengan pihak yang tertentu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, adakah penyiasatan tersebut diselesaikan buat masa sekarang dan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengumumkan supaya Ahli-ahli Parlimen dan khalayak ramai dapat meneliti bagaimana penyelewangan seperti ini dapat dilakukan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat tadi ada dengar saya telah beritahu Dewan yang mulia ini bahawa macam mana penyelewangan ini telah berlaku dan bahawa tidak ada sesiapa pun yang boleh mengeluarkan wang caruman daripada KWSP tanpa pengetahuan pencarum sendiri. Jadi, saya anggap bahawa laporan ini adalah laporan yang lengkap dan jikalau perlu, jikalau ada perkembangan yang baru, mungkin KWSP akan mengumumkannya dengan terperinci.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng. Soalan tadi yang terlepas.

BAHASA INGGERIS – MENINGKATKAN KECEKAPAN

6. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan Bahasa Inggeris (sebagai Bahasa Kedua penting) di kalangan penuntut universiti tempatan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang “mengimport” lebih ramai tenaga pengajar yang berkelayakan mengajar Bahasa Inggeris dari negara-negara barat ke Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi meningkatkan kecekapan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua penting di kalangan penuntut universiti tempatan ialah dengan mempertingkatkan peranan Pusat Bahasa di setiap universiti itu. Dalam masa yang sama, kebanyakan universiti telah mengambil tindakan mewajibkan pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus ini dengan pemberian kredit tertentu bagi maksud pengijazahan.

Setakat ini Kerajaan tidak bercadang mengimport tenaga pengajar yang berkelayakan mengajar Bahasa Inggeris dari negara-negara Barat untuk mengajar di negara ini.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah benar taraf Bahasa Inggeris telah jatuh akibat penekanan yang begitu hebat kepada Bahasa Malaysia oleh penuntut-penuntut universiti tempatan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan soalan 8 (a), "dilaungi", bukan "diluangi".

KLINIK DESA—KEKURANGAN DOKTOR/BIDAN

8. Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil berhubung dengan kekurangan doktor-doktor di klinik-klinik desa yang mana senantiasa dilaungi kekurangan doktor-doktor dan hanya didapati doktor melawat seminggu sekali di klinik-klinik desa; dan
- (b) sama ada bidan juga akan ditambah di klinik-klinik desa kerana masih kepadatan setengah-setengah tempat tidak mendapat perkhidmatan bidan-bidan yang berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar masa ini tidak memperuntukkan untuk doktor-doktor ditempatkan di klinik desa. Mengikut struktur perkhidmatan sekarang, doktor penuh masa ditempatkan di semua Pusat Kesihatan Besar dan di Pusat Kesihatan Kecil yang tertentu sahaja mengikut keperluan. Doktor-doktor hanya melawat klinik-klinik desa mengikut jadual yang ditetapkan untuk merawat kes yang dirujuk.

Kesemua pesakit yang tidak dapat dirawat di klinik desa oleh jururawat desa dan kes-kes kecemasan dirujukkan terus kepada Pusat Kesihatan di mana doktor ditempatkan. Ada juga kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan segera dihantar terus ke hospital.

Buat masa ini, oleh kerana sistem rujukan ini sedang berjalan dengan memuaskan, Kerajaan tiada cadangan untuk menukarnya. Di mana perlu, Kementerian Kesihatan akan menaikkan taraf pusat-pusat kesihatan berperingkat ke pusat kesihatan di mana doktor penuh masa akan ditempatkan.

- (b) Klinik-klinik desa biasanya ditempatkan dengan seorang jururawat desa yang dapat memberi pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat desa selain daripada perkhidmatan perbidanan iaitu rawatan ringan pesakit, jagaan kesihatan kanak-kanak, imunisasi dan sebagainya. Jururawat-jururawat desa telah diberi latihan secara teratur untuk memberi pelbagai perkhidmatan ini. Setiap klinik desa sekarang ada mempunyai jururawat desa dan tidak ada klinik yang tidak mendapat perkhidmatan jururawat desa.

Walau bagaimanapun, di klinik-klinik desa yang tertentu, mengikut keperluan, jururawat desa atau bidan tambahan ditempatkan untuk menampung keperluan masyarakat tempatan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu sebab apakah pihak Kementerian tidak boleh mengadakan doktor-doktor di dalam klinik-klinik desa ini? Adakah keadaan ini disebabkan

kan dengan keadaan kurangnya orang-orang sakit di dalam bahagian klinik-klinik desa itu ataupun lain-lain hal seperti Kementerian tidak memberi keutamaan yang lebih penting kepada rakyat daripada luar bandar ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kita mementingkan semua kawasan dalam negara kita, lebih-lebih lagi kawasan di luar bandar. Ketiadaan doktor ditempatkan di semua peringkat Perkhidmatan Kesihatan kita adalah diasaskan di atas rasional atau cara kita mengaturkan perkhidmatan iaitu cara mengikut rujukan dari tempat asal kepada tempat keatasan sampai ke Hospital Besar di Kuala Lumpur; bukan kerana kita tidak mementingkan rakyat di desa. Tidakkah benar bahawa pesakit kekurangan di kawasan desa tetapi biasanya mereka dapat disemak dan dirujuk ke peringkat atas jika perlu. Tidak ada, saya rasa, perkhidmatan kesihatan di mana jua di dunia yang dapat disampaikan kesemua rakyat melalui doktor-doktor sepenuh masa sahaja.

RUMAH ANAK YATIM- PEMBIAYAAN

9. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa buah rumah-rumah anak yatim yang telah dibina oleh Kementerian di seluruh negara dan berapa buah rumah-rumah anak yatim yang dibina oleh pihak swasta;
- (b) daripada jumlah rumah-rumah anak yatim tersebut berapa buahkah yang dikhususkan untuk anak-anak yatim beragama Islam; dan
- (c) sehingga kini berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian ini untuk membiayai rumah anak-anak yatim tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat kini mentadbirkan sebanyak 6 buah rumah kanak-kanak di seluruh negara, manakala Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Sukarela pula mentadbirkan sebanyak 18 buah.

Semua rumah kanak-kanak yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah untuk kanak-kanak dari berbilang kaum dan agama. Bagi rumah kanak-kanak yang ditadbirkan oleh Pertubuhan Kebajikan Sukarela terdapat 12 buah rumah yang khusus untuk kanak-kanak yatim yang beragama Islam.

Bagi tahun 1987, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah membelanjakan lebih kurang sebanyak \$2.3 juta untuk 6 buah rumah kanak-kanak yang di bawah pentadbirannya, manakala bantuan kewangan telah dikeluarkan sebanyak \$683,900 kepada 18 buah rumah kanak-kanak yang ditadbirkan oleh Pertubuhan Kebajikan sukarela.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi, beliau menerangkan bahawa hanya 6 buah rumah yang didirikan oleh pihak Kementerian, sedangkan pihak swasta telah mendirikan 18 buah. Mengapakah pihak Kerajaan hanya mendirikan setakat 6 buah sahaja, sedangkan keperluan itu begitu mendesak sekarang ini?

Soalan yang kedua, adakah Kementerian ini sekarang bercadang hendak menambahkan lagi bilangan rumah-rumah tersebut?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kemampuan dalam rumah-rumah yang di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat, rumah-rumah kanak-

kanak itu walaupun jumlahnya hanya 6 buah, bahawa bilangan penghuni di dalam rumah-rumah kanak-kanak itu masih tidak mencukupi sampai ke tahap yang disediakan kepada institusi-institusi itu.

Soalan yang kedua, memang Kementerian Kebajikan Masyarakat, jika perlu akan mencadangkan bagi membuat lebih banyak lagi rumah-rumah kanak-kanak di mana-mana tempat yang sesuai.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini berapa ramai anak-anak yatim yang ada di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat?

Soalan kedua, cara manakah Kementerian ini dapat menerima anak-anak yatim daripada luar bandar?

Soalan ketiga, apakah sumbangan Kementerian ini kepada anak-anak yatim selain daripada tempat tinggal dan sara hidup dan lain-lain?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, soalan kedua dan ketiga, di sini saya hendak memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam mengkaji dan mentadbirkan masalah anak yatim di seluruh negara, memanglah kita akan mengambilkira mana-mana yang perlu untuk memberikan keutamaan iaitu di mana yang sesuai dan perlu, Kementerian Kebajikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tentang angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat mengenai berapa ramai anak yatim yang sudah diambil oleh rumah-rumah kanak-kanak di bawah Kementerian, saya mohon maaf, saya tidak ada angka khas untuk anak-anak yatim sahaja, tetapi jumlah keseluruhan penghuninya ialah 635 orang.

PELARIAN HARAM VIETNAM

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah orang pelarian Vietnam yang ada di Malaysia ialah satu masalah yang wujud di mana Kerajaan Vietnam sendiri tidak berupaya menyekat pengaliran keluar rakyatnya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk berunding dengan Vietnam disamping meminta sokongan antarabangsa dalam hal ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masalah pelarian haram Vietnam hanya dapat diselesaikan jika suatu penyelesaian dapat diusahakan di puncanya iaitu di Vietnam. Hakikat ini telah diperakui oleh semua negara ASEAN dan negara-negara Barat dan juga pihak UNHCR (United Nations High Commission for Refugees). Kerajaan juga sedar bahawa Kerajaan Vietnam tidak mengambil langkah untuk menahan rakyatnya dari berlepas keluar secara haram, malah ada kenyataan-kenyataan terdapatnya sindiket-sindiket yang beroperasi sambil meraih keuntungan dengan membantu rakyat Vietnam keluar secara demikian.

Masalahnya ialah Kerajaan Vietnam sendiri tidak menghiraukan saranan dan gesaan dari pihak luar untuk membendung keadaan ini. Malaysia, bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah membuat gesaan ini kepada Kerajaan Vietnam semasa Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN di Singapura pada bulan Jun, 1987 dan juga semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN yang ketiga di Manila pada bulan Disember, 1987.

Di Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN-EEC yang ketujuh di Dusseldorf dalam bulan Mei, 1988,

Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain beserta negara-negara EEC telah membuat pengisytiharan bersama terhadap negara Vietnam mengenai masalah ini. Perkara ini akan dibangkitkan sekali lagi di dalam Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan berlangsung di Bangkok pada minggu hadapan. Kerajaan juga sedang menimbang kemungkinan bagi Yang Berchormat Menteri Luar untuk melawat Vietnam untuk berunding dengan Kerajaan Vietnam mengenai soal ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa dalam tahun 1979 di suatu persidangan antarabangsa mengenai pelarian Vietnam, negara Vietnam telah mengambil suatu pendirian bahawa ia akan berkomited bagi menghentikan keluarannya pelarian Vietnam di puncanya dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini, maka saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bercadang untuk membangkitkan perkara ini di mesyuarat yang akan diadakan di Bangkok tidak lama lagi untuk mengingatkan negara Vietnam tentang suatu komitmen yang telah dibuat olehnya.

Soalan yang kedua ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini tentang bilangan pelarian Vietnam yang telah ditempatkan semula oleh pihak negara-negara ketiga sehingga hari ini dan di samping itu sama ada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu bilangan pelarian Vietnam yang masih berada di negara kita pada hari ini.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, Kementerian Luar memang sedar bahawasanya Vietnam

pernah membuat kenyataan atau komitmen untuk mengatasi masalah orang-orangnya keluar dari Vietnam, bukan sekali, bukan dua malah banyak kali. Kita pun telah membangkitkan perkara ini bertalu-talu tetapi nampaknya apa yang dikata tidak dapat dikota, malah masalah pelarian Vietnam semakin bertambah. Insya Allah kita akan bangkitkan lagi perkara ini dengan pihak Vietnam apabila Menteri-menteri Luar ASEAN bersidang di Bangkok pada minggu hadapan, malah kita akan juga membangkitkan isu ini selagi masalah perlarian Vietnam ke negara kita tidak dapat diatasi.

Keduanya, jumlah pendatang haram yang masih berada dalam negara kita berjumlah lebih 13,000 orang setakat bulan ini. Tentang jumlah yang telahpun dapat penempatan ke negara-negara ketiga, saya perlu notis.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam soalan ini dapat kenyataan yang menyatakan bahawa Kerajaan Vietnam sendiri tidak berupaya menyekat pelarian keluar rakyatnya. Soalan saya, kita sudah tahu bahawa Kerajaan Vietnam gagal, adakah kita juga gagal menyekat pelarian Vietnam masuk ke dalam negara kita?

Soalan kedua, adakah benar bahawa kita tidak mahu menerima ataupun menyekat kemasukan orang-orang Vietnam ini kerana orang-orang Vietnam atau kita takut kemungkinan ada agen-agen komunis yang bersama-sama dengan mereka menyerap masuk untuk memerhati dan mengembang idea di negara kita.

Yang ketiga, apakah dahsyatnya komunis dari Vietnam kalau dibandingkan dengan pengaruh komunis dalam negara-negara komunis yang lain seperti China dan Russia?

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pertama, sama ada pihak Vietnam gagal menyekat orang-orangnya keluar daripada Vietnam, saya kira itu nyata. Sebab itu mengapa masalah pelarian masih lagi meningkat, malah bukannya sahaja gagal, ada sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawasanya setengah-setengah kawan mereka menggalakkan orang-orangnya keluar dengan mengenakan pula upahan atau bayaran yang tertentu untuk mereka mengambil kesempatan daripada setengah-setengah pihak di Vietnam yang ingin keluar daripada negaranya untuk berhijrah ke negara-negara lain.

Kedua, bukan kita tidak mahu menyekat orang-orang Vietnam datang ke Malaysia. Kita memang mahu menyekat, sebab mengapa kita telah mengumumkan bahawasanya Pulau Bidong akan ditutup pada tahun hadapan. Tetapi pihak Malaysia telahpun membuat satu persetujuan di kalangan antarabangsa yang kita sanggup menjadi negara penempatan sementara sekiranya ada negara-negara yang ketiga yang sanggup menerima pelarian-pelarian Vietnam itu untuk ditempatkan secara permanent. Tetapi malangnya akhir-akhir ini oleh kerana jumlah mereka itu terlampau banyak sangat, maka negara ketiga pun tidak mampu lagi menerima mereka, maka kita tidak mahu pula dibebankan dengan bertambah-tambah jumlah pelarian Vietnam yang masuk ke Malaysia.

Sebab mengapa kita telahpun mengambil tindakan untuk menutup Pulau Bidong dan kita akan cuba sedaya upaya untuk menyekat selepas itu kemasukan mana-mana pelarian haram ke Malaysia dengan mencuba mengeluarkan mereka ataupun mengambil tindakan-tindakan yang lain supaya jumlah pelarian tidak meningkat dalam Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu

lagi soalan tidak berjawab, Yang Berhormat – fasal komunis tadi. Satu lagi soalan tidak berjawab, soalan ketiga.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Minta ulang balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan dahsyat tadi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan soalan dahsyat, komunis itu dahsyat. (*Ketawa*). Oleh sebab komunis itu dahsyat, mungkin soalan saya pun dahsyat.

Soalan saya, adakah kita menyekat kemasukan orang-orang Vietnam ini kerana orang-orang Vietnam ataupun kita takut kerana terdapat agen-agen komunis yang menyertai kumpulan pelarian ini yang datang dengan hasrat untuk hendak menyebarkan dakyah dan pengaruh komunis, ideologi komunis di dalam negara kita. Apakah dahsyatnya komunis Vietnam kalau dibandingkan dengan komunis-komunis daripada negara-negara komunis yang lain seperti China dan Russia? Itu sahaja,

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Seperti saya jawab tadi, sebab kita menyekat pelarian Vietnam ke Malaysia ini ialah oleh kerana kita tidak mahu dibebankan dengan jumlah mereka yang bertambah-tambah tahun demi tahun, bukannya sangat tentang betapa dahsyatnya komunis Vietnam kalau dibandingkan dengan komunis China atau komunis Russia dan sebagainya. Lebih-lebih lagi pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia tidak dapat meresap atau bergaul dengan masyarakat yang ada di Malaysia. Maka masalah mereka hendak memperkosa atau mempengaruhi pemikiran orang-orang kita tidak timbul. Kita menyekat sebab masalah tidak mahu jumlah itu meningkat dan membebankan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 71 adalah diberi di bawah ini).

PEMANDU KENDERAAN BERAT

11. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah sambutan daripada pemandu-pemandu kenderaan berat dan juga ringan berhubung dengan cadangan yang telah dibuat oleh Pihak Kementerian bagi memasang lampu-lampu di kenderaan pada siang hari bagi mengurangkan kemalangan jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Semenjak cadangan bagi memasang lampu-lampu di kenderaan dibuat, sambutan daripada pihak pengurusan pengusaha kenderaan serta pemandu-pemandunya adalah baik dan menggalakkan.

Setakat ini Kementerian Pengangkutan telah menerima maklumbalas daripada tiga syarikat swasta bahawa

kadar kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan kepunyaan mereka telahpun menurun sejak pemasangan lampu-lampu mulai dilaksanakan iaitu seperti berikut:

HAD LAJU KENDERAAN

12. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya bercadang mengkaji semula had kelajuan di seluruh jalan Persekutuan, memandangkan banyak sungutan, kelajuan 50 km. sejam adalah tidak sesuai dengan kenderaan zaman ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Kerajaan sememangnya sedang mengkaji semula keseluruhan had laju kenderaan di seluruh negara. Kerajaan memang sedar had laju yang ada sekarang di sebahagian jalan raya adalah kurang sesuai dan perkara tersebut sedang dikaji semula dan akan dipinda jika perlu, sesuai dengan keadaan jalan raya pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kerja Raya sedang melaksanakan kajian semula semua jalan-jalan persekutuan di seluruh negara dan apabila kajian jalan persekutuan tersebut disiapkan,

Syarikat	Tarikh Pelaksanaan	Kadar Kemalangan	
		Sebelum Pelaksanaan	Selepas Pelaksanaan
(a) Ekspres Johor Selatan Sdn. Bhd. yang mempunyai 92 buah bas	Disember 1986	25 kemalangan (bagi tempoh 5 bulan, iaitu dari Julai hingga November 1986)	17 kemalangan (bagi tempoh 5 bulan yang sama, iaitu dari Disember 1986 hingga April 1987)
(b) Syarikat Shell Malaysia Bhd. yang mempunyai 600 kenderaan tenker	September 1987	6 kematian (bagi tempoh 6 bulan, iaitu dari Januari hingga Jun 1987)	2 kematian (bagi tempoh 6 bulan yang sama iaitu dari Januari hingga Jun 1988)
(c) Mara Ekspres Nasional Bhd. yang mempunyai 166 buah bas	Oktober 1987	116 kemalangan (bagi tempoh 9 bulan, iaitu dari Januari 1987 hingga September 1987)	84 kemalangan (bagi tempoh 9 bulan yang sama iaitu dari Oktober 1987 hingga Jun 1988)

yang dijangka siap pada hujung tahun 1988 ini, maka barulah warta had laju yang baru dapat dilaksanakan berikutnya.

PENGUNDI MELALUI POS

13. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh mana pengundi-pengundi melalui pos yang terdiri dari anggota pasukan keselamatan, diplomat dan mereka yang bertugas di seberang laut telah berpeluang menunaikan kewajipan mereka sebagai pengundi memandangkan tempoh antara penamaan calon dan membuang undi adalah terlalu singkat;
- (b) sebutkan peratus mereka yang mengundi dan yang tidak mengundi sejak terlaksananya tempoh kempen sekitar dua minggu saja itu; dan
- (c) adalah Kerajaan bersetuju untuk membenarkan wakil-wakil calon untuk menyekatkan perjalanan pilihanraya di kawasan-kawasan keselamatan bagi memastikan pilihanraya di kawasan tersebut berjalan dengan bebas dan baik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kertas-kertas undi pos dikirimkan kepada semua pengundi-pengundi pos sama ada anggota pasukan keselamatan, pasukan polis, mereka-mereka yang bertugas dengan Kerajaan Malaysia di seberang laut dan sebagainya dan dengan demikian peluang menunaikan kewajipan mereka adalah tertunai.

Rekod mengenai peratus pengundi pos sama ada yang mengundi atau yang tidak mengundi tidak disimpan di Suruhanjaya kerana kertas-kertas undi dan rekod-rekod mengenainya adalah kertas-kertas rahsia dan dimusnahkan selepas 6 bulan kertas-kertas undi dan rekod-rekod itu disimpan di dalam peti-

peti yang berkunci sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Di dalam masa pilihanraya dijalankan, kawasan-kawasan keselamatan tidak boleh diubah sebagai kawasan-kawasan bebas daripada kawalan keselamatan. Orang-orang awam yang bergerak di dalam kawasan keselamatan adalah terdedah kepada bahaya sama ada daripada pihak musuh atau pihak yang memburu musuh. Oleh kerana terdapatnya bahaya yang besar begini maka amatlah perlu pihak keselamatan menegah sebarang orang awam atau pihak yang tidak berurusan mengenai keselamatan daripada memasuki kawasan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya ada calon atau wakil-wakil calon yang memikirkan mereka sanggup mengambil risiko di dalam kawasan-kawasan yang tersebut maka bolehlah permohonan-permohonan di buat kepada pihak-pihak yang mengawal keselamatan di dalam bahagian pilihanraya yang berkenaan semasa pilihanraya dijalankan.

PENCEMARAN SUNGAI DI LEMBAH KELANG

14. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian yang telah dijalankan di semua sungai besar di seluruh Semenanjung oleh pakar Australia.
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai di Lembah Klang; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang memindahkan kilang-kilang dekat dengan sungai ke tapak lain demi mencegah mereka membuang sisa-sisa kilang ke sungai.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yang Kuet Tze):

(a) Tidak ada sebarang rekod mengenai kajian ke atas semua sungai yang besar di seluruh Semenanjung yang telah dijalankan oleh pakar Australia.

(b) Sebuah Jawatankuasa Pasukan Petugas telah dibentuk di peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti DBKL, JKR, Jabatan Parit & Taliair, Kerajaan Negeri Selangor dan sebagainya, bagi menyelaraskan segala tindakan pembaikan dan penguatkuasaan. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran sungai di Lembah Klang ialah seperti berikut:-

- (i) membina perangkap sampah-sarap di sungai dan di parit-parit yang masuk ke sungai;
- (ii) mencadangkan pindaan kepada peraturan-peraturan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan pembangunan DBKL supaya lebih berkesan lagi.
- (iii) program pemindahan setingan yang kini dilaksanakan oleh DBKL; dan
- (iv) membina dan membaiki benteng sungai.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Pasukan Petugas sedang menyediakan laporan yang akan memperakukan rancangan jangka panjang bagi pembersihan dan pengindahan sungai.

(c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai apa-apa program untuk

memindah kilang-kilang memandangkan bidang tugas Kementerian ialah untuk menentukan bahawa effluen yang dilepaskan oleh kilang adalah menepati paras yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan. Sekiranya, paras effluen di dapati melebihi paras yang ditetapkan, tindakan menurut undang-undang akan diambil ke atas kilang-kilang yang berkenaan.

FELDA — KILANG PENAPIS MINYAK SAWIT

15. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah bilangan kilang penapis kelapa sawit yang dipunyai oleh FELDA. Adakah bilangan tersebut mencukupi bagi menjalankan penapisan keseluruhan minyak mentah sawit FELDA di seluruh negara. Kalau tidak mencukupi adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi bilangan kilang tersebut. Kalau bercadang berapakah bilangannya di mana dan bila akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kilang penapis minyak sawit yang dimiliki oleh FELDA setakat ini berjumlah 4 buah iaitu:-

- | | |
|---------------------------|--------------------------------|
| 1. Pandamaran Oil Product | - di Pelabuhan Klang, Selangor |
| 2. Kuantan Oil Product | - di Kuantan, Pahang. |
| 3. Tebrau Oil Product | - di Pasir Gudang, Johor. |
| 4. FELDA Oil Product | - di Pasir Gudang, Johor. |

Bilangan kilang tersebut adalah mencukupi bagi menapis minyak sawit mentah FELDA di seluruh negara untuk

beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu FELDA belum bercadang untuk menambah bilangan kilang tersebut kecuali di Sabah. Ini adalah kerana masih belum terdapat kilang penapis minyak sawit di sana, sedangkan kedudukan kilang-kilang yang ada sekarang ini kesemuanya bertempat di negeri-negeri di Semenanjung. Walau bagaimanapun cadangan penubuhan ini masih lagi di peringkat kajian.

PENTERNAK BIRI-BIRI

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah berkesan pihak Kerajaan bagi menjayakan rancangan penternakan kambing biri-biri bagi tujuan penggunaan dalam negeri dan eksport. Berapa lamakah dijangka usaha itu memakan masa mengikut matlamat negara dan nyatakan pihak manakah yang dipertanggungjawabkan menjayakan rancangan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Langkah yang paling berkesan dalam usaha untuk menjayakan penternakan biri-biri ialah secara memelihara ternakan tersebut dalam kawasan perladangan tanaman kekal, seperti getah, kelapa sawit ataupun kelapa. Mengikut jumlah semasa, keluasan kawasan-kawasan tersebut, biri-biri yang dijangka dapat dihasilkan nanti adalah lebih dari mencukupi untuk kegunaan dalam negeri.

Mengikut perkiraan berasaskan kadar pengimportan baka pembiakan sahaja, dan perkembangan saiz kumpulan induk biri-biri yang sesuai, tahap ini dijangka dapat dicapai dalam tahun 1995.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian adalah ditugaskan untuk menyelaraskan segala kegiatan berhubung dengan penternakan biri-biri secara integrasi.

PASUKAN BERKUDA BANDARAYA KUALA LUMPUR

17. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Perdana Menteri menyatakan kos pembelian dan penyelenggaraan Kumpulan Pasukan Berkuda Bandaraya Kuala Lumpur secara terperinci dan apakah faedah dan menafaatnya kepada Bandaraya dan juga penduduknya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed):

Kos permulaan penubuhan Unit ini adalah berjumlah \$551,999.00. Kos ini melibatkan pembelian 24 ekor kuda dan kos penyelenggaraannya yang melibatkan perbelanjaan peralatan, makanan, perubatan dan latihan. Pecahan kos pembelian dan penyelenggaraan kuda ialah seperti berikut:-

(i) Harga Kuda (24 ekor)	– \$169,700
(ii) Peralatan Kuda (Kegunaan jangka panjang)	– \$277,300
(iii) Penyelenggaraan (makanan, Perubatan dan Latihan)	– \$104,999
	<hr/>
	\$551,999

Dengan adanya Unit ini, Bandaraya Kuala Lumpur akan memperolehi banyak faedah dan menafaatnya. Antaranya:-

- (a) mengurangkan kos penggunaan tenaga manusia. Mengikut kajian yang dibuat, seekor kuda dapat menjalankan tugas 10 orang anggota Penguatkuasa bagi tugas yang sama dengan lebih berkesan lagi.
- (b) Merupakan daya tarikan kepada pengunjung-pengunjung taman, sama ada dari dalam mahu pun luar negeri.
- (c) Penggunaan kuda-kuda ini dalam kawasan taman adalah lebih sesuai kerana penunggang-

penunggang kuda ini boleh bergerak dengan cepat dan meliputi kawasan yang luas dalam masa yang singkat. Di dalam taman-taman yang berbukit dan berlereng, penggunaan kuda adalah lebih praktikal berbanding dengan penggunaan motosikal tanpa menjejaskan keadaan rumput, tanpa mencemarkkan udara dan menjejaskan suasana sepi dan ketenteraman di dalam taman-taman awam.

- (d) Merupakan daya tarikan kepada pelancong-pelancong melalui pertunjukan berkuda seperti 'show jumping', 'musical ride', dan 'tent pegging' dari masa ke semasa. Penggunaan kuda di kawasan taman-taman awam telah terbukti faedahnya seperti mana pengalaman-pengalaman yang ditunjukkan oleh lain-lain Unit Berkuda di Bandaraya besar di luar negeri seperti Unit Berkuda Australia Barat, Unit Berkuda West Midland, Birmingham dan Unit Berkuda Polis Metropolitan, London.

SISTEM SEMESTER

18. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menjelaskan tentang cadangan Kementerian hendak meminda sistem persekolahan di negara ini daripada yang ada sekarang kepada sistem SEMESTER:

- (a) bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan;
- (b) apakah masalah-masalah dan halangan-halangan yang dihadapi bila rancangan ini hendak dilaksanakan;
- (c) apakah kesan atau implikasi yang mungkin timbul dari rancangan ini; dan
- (d) adakah Kementerian akan mengujudkan "BANK SOALAN" bagi melaksanakan sistem ini dengan lebih berkesan.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sistem Semester dijadualkan akan dapat dilaksanakan bermula pada 3 Disember, 1990. Format pelaksanaannya akan diumumkan kemudian.
- (b) Dalam apa juga sistem yang dijalankan, kita akan berdepan dengan berbagai masalah, demikian jugalah dengan cadangan bagi mengubah sistem penggal kepada sistem semester. Masalah yang timbul hanyalah masalah teknikal sahaja seperti beban tugas guru, pengawas peperiksaan, pemeriksa kertas jawapan calon-calon peperiksaan dan lain-lain. Bagaimanapun Kementerian Pendidikan akan berusaha menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan sebaik-baiknya.
- (c) Oleh kerana rancangan semester belum dilaksanakan lagi, kita tidak dapat memastikan apa-apa juga kesan yang timbul sama ada positif atau negatif. Bagaimanapun Kementerian Pendidikan menjangkakan kemajuan pendidikan akan meningkat maju di masa-masa akan datang menerusi sistem semester yang dicadangkan itu. Masalah-masalah yang timbul seperti gangguan banjir di musim peperiksaan dapat diatasi, masa persekolahan adalah lebih panjang dan halangan-halangan masalah disiplin kerana cuti panjang akan cuba dikurangkan.
- (d) Sistem Semester tidak bercadang mengubah tatacara peperiksaan yang sedia ada dan dengan itu 'Bank Soalan' yang sedia ada tidak terjejas sedikit pun.

KEMPEN ANTI-MEROKOK

19. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perusahaan Utama

menyatakan:

- (a) apakah kesan kempen anti-merokok dan pengharaman iklan mengenai rokok terhadap pengeluaran tembakau di seluruh negara;
- (b) apakah kesannya terhadap penjualan rokok oleh syarikat mengiklan rokok di negara kita semenjak dasar itu dilaksanakan; dan
- (c) mengapakah Kerajaan terus membenarkan syarikat berasaskan pengeluaran rokok menaja mana-mana aktiviti Kerajaan dan bukan Kerajaan, kerana walaupun yang diiklankan itu bukan rokok tetapi semua orang tahu bahawa syarikat seperti Dunhill, Benson dan Hedges dan Rothmans adalah pengeluar rokok secara tak langsung mengiklankan rokok.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias Md. Ali):

- (a) Adalah sukar untuk menentukan sejauhmana kempen anti merokok dan pengharaman iklan rokok membawa kesan terhadap pengeluaran tembakau tempatan. Ini adalah kerana pengeluaran tembakau dinegara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keadaan cuaca, kandungan tembakau tempatan di dalam adunan rokok, di samping permintaan terhadap rokok tempatan. Tidak boleh dinafikan bahawa kempen anti-merokok dan pengharaman iklan rokok akan menghadkan pertumbuhan permintaan terhadap rokok dan dengan demikian ia juga akan menghadkan perkembangan pengeluaran tembakau di negara ini.
- (b) Pada umumnya penjualan rokok tempatan bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan ekonomi negara, kadar kema-

sukan rokok import (secara sah atau diseludup), harga jualan rokok dan keberkesanan kempen anti-merokok. Untuk makluman Yang Berhormat, pasaran rokok tempatan telah mencatatkan purata pertumbuhan sebanyak 5% setahun dalam tahun-tahun 1970an. Tetapi dalam tahun-tahun 1980an, kadar purata pertumbuhannya telah jatuh ke paras lebih kurang 2% setahun. Bagi tahun 1987, pasaran rokok telah merosot sebanyak 4%. Kemerostan ini dipercayai berpunca daripada satu atau beberapa faktor di atas yang saling berkaitan antara satu dengan lain. Oleh sebab itu, adalah sukar untuk mengenalpasti tahap kemerostan terhadap jualan rokok yang disebabkan oleh sesuatu faktor tertentu.

- (c) Kerajaan tidak melarang iklan-iklan untukdisiarkan kecuali iklan-iklan mengenai produk-produk tertentu yang bercanggah dengan peraturan yang sedia ada.

ROMPAKAN DI SABAH

20. Tuan Michael Asang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan sebenar rompakan yang berlaku di Negeri Sabah khususnya di Bahagian Pantai Timur Sabah, mulai daripada tarikh 1hb Januari, 1988 hingga 31hb Mei, 1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sebenar rompakan yang berlaku di Sabah dari 1.1.1988 hingga 31.5.1988 adalah 137 kes. Dari jumlah tersebut sebanyak 75 kes berlaku disekitar Pantai Timur Sabah.

PENYAKIT AIDS

21. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah lang-

kah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membolehkan rakyat yang telah dipastikan jadi "AIDS Carrier", dan juga ahli-ahli keluarganya, dapat hidup dan bekerja dalam suasana dan keadaan biasa. Adakah cadangan Kerajaan memberi bantuan kewangan kepada "AIDS carriers" yang mengidap penyakit ini melalui "blood transfusions".

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan sedang mempergiatkan usaha-usaha untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai penyakit AIDS. Usaha ini diperbuat supaya pembawa kuman AIDS serta keluarga mereka dapat hidup dan bekerja dalam suasana dan keadaan biasa. Maklumat-maklumat yang ditekankan di dalam penerangan ini ialah berkenaan dengan cara-cara penyakit AIDS merebak dan bagaimana penyakit itu boleh dicegah. Orang ramai juga diminta supaya bersimpati dengan pembawa-pembawa kuman AIDS serta keluarganya dan menerima mereka sebagai manusia biasa dan tidak mengasingkan mereka daripada masyarakat.

Selain daripada memberi penerangan kepada orang ramai, Kementerian Kesihatan juga memberi 'counselling' kepada semua pembawa kuman AIDS supaya mereka dapat hidup seperti biasa dan tahu tindakan-tindakan yang patut mereka ambil untuk mencegah penyakit yang dihidapinya itu daripada merebak.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memberi apa-apa bantuan kewangan kepada mana-mana pembawa kuman AIDS.

INDUSTRI KECIL DI SARAWAK

22. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa buah industri kecil yang telah dilaksana di negeri Sarawak; dan

- (b) apakah langkah Kementerian untuk menggalakkan penubuhan industri kecil di negeri Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak bertanggungjawab untuk menubuh industri kecil di mana-mana negeri pun termasuk Sarawak. Tugas Kementerian hanyalah mengadakan program untuk pembangunan perusahaan-perusahaan kecil sahaja. Adalah terserah kepada sesiapa yang berminat untuk berbuat demikian. Industri-industri kecil tidak perlu mendapat lesen terlebih dahulu untuk mengeluarkan barangannya kecuali mendaftarkan syarikatnya. Oleh kerana itu jumlah bilangan sebenar industri kecil adalah tidak diketahui. Walau bagaimanapun jika dimaksudkan dengan projek-projek di bawah Program Bantuan Industri Kampung (BIK) setakat ini terdapat sebanyak 20 projek di Sarawak.
- (b) Secara umumnya langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penubuhan industri kecil ialah dengan mengadakan program-program yang merangkumi perkara-perkara seperti kewangan, teknologi, pengurusan, galakan, latihan dan menyalurkan khidmat kepakaran dan nasihat kepada usahawan.

Ini dibuat melalui agensi-agensi tertentu seperti Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MIDF bagi pinjaman modal, SIRIM dan MARDI bagi teknologi dan Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan MEDEC bagi pengurusan. Bagi projek di bawah Program

Industri Kampung pula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah mengeluarkan bantuan mesin dan bengkel bagi projek-projek yang difikirkan sesuai dan berdaya maju.

PELAJAR MRSM/MINI MRSM

23. Tuan Haji Mohamad Haji Isa minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berkaitan dengan ucapan Pengerusi MARA "Cari orang Kampung Berkebolehan" semasa berucap di MRSM Pengkalan Chepa dan memandangkan MRSM/Mini MRSM ditubuhkan bagi tujuan meninggikan pembelajaran anak-anak desa, berapakah peratus pelajar-pelajar kampung (anak desa dan miskin) yang berada di MRSM/Mini MRSM dan berapa peratuskah terdiri dari anak-anak orang ternama (dari bandar); dan adakah MRSM/Mini MRSM mencapai kehendak Kerajaan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Berpandukan statistik pengambilan pelajar pada tahun 1988 ini, seramai 1200 pelajar telah diambil masuk ke MRSM/Mini MRSM. Daripada jumlah ini 65% adalah terdiri daripada pelajar-pelajar miskin tanpa mengira samada mereka ini datang daripada kampung atau pun bandar. Hanya 1.5% sahaja daripada pelajar-pelajar itu terdiri dari anak-anak orang ternama.

Perlu juga dimaklumkan bahawa dalam proses pengambilan pelajar-pelajar ke MRSM 15% daripada markah keseluruhan pengambilan ke MRSM diberi untuk faktor latar belakang dan pendapatan keluarga. Faktor ini mempengaruhi proses pemilihan dengan nyata sekali.

- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar MARA melalui program-programnya dapat menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera terutamanya di kawasan luar bandar supaya mereka menyertai secara aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian sebagai satu langkah memperingkatkan tahap sosio-ekonomi mereka.

Program MRSM adalah merupakan salah satu pendekatan ke arah melatih anak-anak Bumiputera terutamanya yang miskin dan diluar bandar di dalam bidang teknikal dan professional yang mana sehingga kini pun, peratusan gunatenaga Bumiputera masih lagi kecil.

Diukur dari segi pencapaian prestasi MRSM telah berjaya menyalurkan para pelajar Bumiputera ke arah pendidikan menengah yang berteraskan sains. Ini telah mengubah dan membasmi kepercayaan salah yang telah berakar umbi di kalangan masyarakat kononnya para pelajar Bumiputera hanya layak dalam bidang sastera. Hasilnya MRSM telah dapat menambah para pelajar Bumiputera yang berkemampuan mengikuti kursus-kursus berasaskan sains dalam bidang teknikal, professional di peringkat universiti.

KEM TAHANAN KAMUNTING - SIASATAN

24. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menghantar sebuah Kumpulan Parlimen yang dianggotai oleh semua parti untuk melawat Kem Tahanan Kamunting untuk menyiasat keadaan hidup dan kesihatan para orang tahanan; jika butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Dewan, keadaan hidup dan kesihatan orang-orang tahanan adalah tertakluk mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-Orang Tahanan) 1960. Peraturan-peraturan ini menggariskan tatacara mengenai syarat-syarat lawatan, surat menyurat, bahan bacaan, rawatan perubatan dan lain-lain kemudahan asas yang perlu dipatuhi oleh pihak pusat tahanan.

Keadaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan dipusat tahanan adalah memenuhi garis panduan dan kehendak United Nations Standard Minimum Rules For The Treatment of Prisoners and Related Recommendations. Pihak Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (International Committee of the Red Cross) telah melawat Pusat Tahanan Kamunting pada 6 – 8 Mei 1986 dan secara amnya berpuashati dengan keadaan di pusat tersebut.

Di samping itu peraturan 85 di bawah Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-Orang Tahanan) 1960 juga memperuntukkan penubuhan sebuah Lembaga Pelawat yang mana anggota-anggota dilantik oleh Menteri. Lembaga Pelawat berkenaan boleh melawat tempat-tempat tahanan pada bila-bila masa dan adalah dikehendaki melawat tempat tahanan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan untuk menyiasat dan mendapatkan maklumat mengenai keadaan orang-orang tahanan serta mengemukakan cadangan-cadangan pembaikan yang berkaitan. Segala laporan dan maklumat akan direkodkan oleh Lembaga Pelawat dalam buku laporan khas. Laporan dan cadangan-cadangan Lembaga Pelawat adalah diambil perhatian oleh pihak pusat tahanan serta dilaksanakan sewajarnya jika didapati munasabah.

Berdasarkan kedudukan tersebut, Kerajaan mendapati tidak perlu untuk

menghantar sebuah Kumpulan Parlimen yang dianggotai oleh semua parti untuk melawat Kem Tahanan Kamunting sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**KWSP – SIASATAN
PENYELEWENGAN**

25. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri kewangan menyatakan benarkah ada sindiket yang telah menggelapkan wang caruman pekerja sebanyak \$1,000,000 atas alasan pinjaman perumahan tanpa pengetahuan pencarumannya. Jika benar, adakah pihak K.W.S.P. sudah dapat mengenal pasti sindiket yang berkenaan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan keyakinan orang ramai khususnya para pencaruman K.W.S.P. perkara seperti itu tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Oleh kerana beberapa soalan yang sama seperti soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah dan Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar hari ini telah dibentangkan dalam Dewan bagi persidangan ini, saya bercadang menjawab semua soalan berkenaan serentak.

Lanjutan daripada laporan yang telah dibuat dalam akhbar-akhbar tempatan berkenaan penyelewengan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, satu Jawatankuasa Penyiasatan yang dianggotai oleh tiga Pegawai Kanan KWSP telah ditubuhkan pada 5 Mei 1988 untuk menyiasat dengan lebih mendalam kes penipuan pengeluaran membeli rumah yang dilaporkan berlaku di Pulau Pinang.

Jawatankuasa ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyiasat dengan

mendalam berkenaan penipuan tersebut khususnya untuk menentukan:

- (i) sama ada penyelewengan sebenarnya berlaku;
- (ii) sama ada penyelewengan telah dilakukan dengan pengetahuan ahli-ahli sendiri atau sebaliknya;
- (iii) sama ada pegawai atau kakitangan KWSP terlibat dalam penyelewengan ini.

Siasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa beberapa ahli KWSP dengan bantuan 'orang tengah' telah melakukan penyelewengan ke atas KWSP supaya meluluskan permohonan pengeluaran perumahan mereka sungguhpun mereka tidak bertujuan membeli rumah.

Daripada penyiasatan itu, KWSP telah mengenalpasti 4 pihak yang terlibat di dalam penyelewengan tersebut. Mereka adalah:-

- (i) Dua orang tengah, seorang di Kelang dan seorang lagi di Pulau Pinang,
- (ii) Ahli-ahli sendiri,
- (iii) Seorang Pemaju Perumahan di Butterworth, dan
- (iv) Beberapa orang posmen di Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes penyelewengan sebagai yang dilaporkan itu melibatkan 114 permohonan yang telah diluluskan bagi tujuan membeli rumah kos rendah di skim perumahan TAMAN KAMI di Bukit Mertajam. Setakat ini 55 permohonan itu telah dikeluarkan waran pembayaran yang telah ditunaikan. Di samping itu, 6 permohonan lagi untuk tujuan yang sama telah ditahan.

Jumlah caruman ahli-ahli yang berkenaan yang telah dikeluarkan ialah sebanyak \$505,237.39 sahaja dan bukan \$1,000,000 seperti yang dilaporkan.

Penipuan ini bermula pada bulan Disember 1987 dan terhenti apabila kegiatan tersebut dibongkar oleh pihak Polis pada bulan April lalu.

Penyiasatan menunjukkan bahawa beberapa ahli KWSP rela menipu untuk mendapat wang caruman mereka bagi tujuan lain membeli rumah dan menggunakan alasan hendak membeli rumah. Ahli-ahli berkenaan telah menggunakan orang tengah yang membantu mereka mendapatkan caruman mereka dengan cara memalsukan dokumen-dokumen yang diperlu oleh KWSP sebagai bukti bagi pembelian rumah. Perkara yang berlaku sebenarnya ialah mereka telah mengeluarkan wang caruman mereka sendiri dan sanggup membayar upah kepada orang tengah. Penyiasatan telah menunjukkan bahawa upahan antara \$1,000 hingga \$3,000 telah dibayar oleh ahli-ahli berkenaan kepada orang tengah.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa penyiasatan yang telah dijalankan menunjukkan wang caruman KWSP tidak boleh dikeluarkan tanpa pengetahuan pencaruman KWSP. Ahli-ahli KWSP yang berkenaan dengan pengetahuan mereka sendiri telah mengeluarkan caruman mereka mengikut cara-cara yang palsu.

KWSP telah melaporkan penyelewengan ini kepada pihak Polis yang sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk mendakwa mereka yang berkenaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 16A(1)(a), Akta KWSP 1951, jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih daripada \$10,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua belas bulan atau kedua-duanya. Mereka juga boleh didakwa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan Seksyen 420 yang membawa hukuman yang lebih berat lagi.

Saya ingin memberi pengakuan bahawa sistem kawalan yang sedia ada di KWSP adalah ketat dan ahli tidak harus bimbang kerana pengeluaran tidak boleh dibuat oleh sesiapa tanpa pengetahuan mereka sendiri.

PELARIAN VIETNAM

26. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah Vietnam kini yang masih berada di Malaysia. Selepas pada tahun 1981. Setelah lebih 10 tahun Pulau Bidong menjadi tempat pemindahan sementara pelarian-pelarian Vietnam - bilakah pula pulau tersebut akan ditutup. Pelbagai masalah politik, sosial dan ekonomi timbul akibat pembukaan terus-menerus pulau tersebut - oleh itu apakah langkah dan tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Bilangan pelarian Vietnam yang masih berada di Malaysia sehingga 20 Jun 1988 adalah seramai 13,860 orang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa baru-baru ini Kerajaan telahpun membuat pengumuman bahawa kem penempatan sementara Pendatang Haram Vietnam Pulau Bidong akan ditutup. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan sekarang ini sedang dalam proses membuat kajian-kajian dan perancangan-perancangan yang perlu ke arah penutupan pulau tersebut. Oleh yang demikian ianya adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk menyatakan bila tarikh sebenar pulau tersebut akan ditutup. Berhubung dengan masalah politik, sosial dan ekonomi sekiranya adapun yang berbangkit akibat pembukaan terus menerus Pulau Bidong kepada Pendatang Haram Vietnam sebenarnya tidaklah merupakan satu masalah yang serius. Ini terutamanya kalau dilihat dalam konteks perikemanusiaan serta

sumbangan dan tanggungjawab kita kepada masyarakat antarabangsa. Namun demikian dengan pengumuman Kerajaan untuk menutup Pulau Bidong, masalah-masalah tersebut jika pun ada yang berbangkit akan dapat diselesaikan.

WARGANEGARA MALAYSIA YANG DILUCUTKAN

27. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang telah dilucutkan kewarganegaraannya sejak merdeka dan adalah Perdana Menteri bercadang untuk melucutkan taraf kewarganegaraan rakyat Malaysia yang terbukti mengkhianati atau tidak setia kepada negara.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah rakyat Malaysia yang telah diilucutkan kewarganegaraannya mereka sejak Merdeka hingga akhir Mei 1988 ialah seramai 19,550 orang. Kerajaan akan mengambil tindakan untuk melucutkan kewarganegaraan rakyat Malaysia yang telah terbukti mengkhianati atau tidak setia kepada negara bagi mereka yang memperoleh kewarganegara dengan cara Pendaftaran (Perkara 16a dan 17) dan melalui Masukan (Perkara 19), sejajar dengan peruntukan Perlembagaan di bawah Perkara 25 (1) (a).

(Soalan No. 28. Sila lihat jawapan No. 3 pada 27.6.88)

PENDATANG HARAM VIETNAM

29. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai cadangannya memanggil Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian Vietnam:

- (i) sama ada Yang Berhormat bercadang meluaskan skop mengenai persidangan yang dicadangkan itu meliputi Filipina dan Indonesia di Sabah; dan

(ii) jika tidak, mengapa.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Cadangan Malaysia ialah supaya satu Persidangan Antarabangsa di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu diadakan mengenai masalah pendatang haram Vietnam. Cadangan ini tidak meliputi masalah pendatang haram Filipina dan Indonesia di Sabah. Ini adalah kerana masalah di Sabah adalah merupakan masalah serantau dan ia akan di selesaikan melalui rundingan dua-hala antara Malaysia dan negara-negara tersebut.

Kerajaan Negeri Sabah telah menganggap bahawa masalah pendatang haram Filipina dan Indonesia sebagai masalah negeri itu sendiri dan telah mengambil alih tugas-tugas berhubung dengannya dari pihak Majlis Keselamatan Negara.

HOSPITAL DAERAH

30. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah kebanyakan hospital-hospital daerah di negara ini tidak boleh digunakan lagi. Berapakah di antara hospital-hospital tersebut yang akan ditutup oleh Kementerian beliau di masa akan datang; apakah rancangan-rancangan dan program-program yang diperkenalkan oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki penggunaan hospital-hospital tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Adalah tidak benar bahawa kebanyakan hospital-hospital daerah di negara ini tidak boleh digunakan lagi. Ada beberapa hospital daerah yang kegunaannya berkurangan tetapi ada pula yang digunakan lebih dari apa yang dirancang.

Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini tidak memutuskan untuk menutup mana-mana hospital daerah di negara ini. Hanya purata kegunaan beberapa hospital daerah dikaji untuk

mengambil tindakan-tindakan yang perlu.

Mengenai perancangan dan program-program, Kementerian Kesihatan telah mengatitkan beberapa langkah untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan fizikal di hospital-hospital daerah, seperti klinik-klinik serta alat-alat yang perlu. Kementerian Kesihatan juga sedang menambahkan bilangan doktor-doktor khususnya doktor-doktor berpengalaman bagi meningkatkan mutu perkhidmatan yang terdapat di Hospital-hospital Daerah. Di mana perlu khidmat kepakaran juga diwujudkan di Hospital-hospital itu melalui menempatkan doktor pakar di situ, ataupun dengan aturan bagi doktor-doktor pakar daripada Hospital-hospital Besar melawat Hospital-hospital Daerah untuk menjalani pembedahan dan klinik-klinik lawatan.

SURUHANJAYA EKONOMI

31. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada boleh ditubuhkan satu "Pesuruhjaya Ekonomi" (Economic Commission) yang berkuasa tinggi supaya menyasat dan meneliti dan melapor kepada Parlimen tentang kemajuan HICOM memandangkan HICOM telah mengalami satu kedahsyatan di perniagaan besi di Perwaga Terengganu dan juga tentang penjualan yang lebih rendah yang ditarget dari Proton Saga.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan 'Suruhanjaya Ekonomi' khusus bagi menyasat, meneliti dan melaporkan kepada Parlimen mengenai kemajuan HICOM seperti yang dicadangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat ke atas prestasi syarikat yang dimilikinya termasuklah

HICOM dan telah pun mengambil tindakan kawalan seperti berikut:-

- (1) Menubuhkan Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (UPPM) bertujuan untuk mengumpul maklumat kewangan dan bukan kewangan bagi semua syarikat kepentingan kerajaan untuk memudahkan urusan pengawasan Kerajaan.
- (2) Menjalankan kajian ke atas agensi dan anak syarikat yang bermasalah serta mencadangkan langkah-langkah pemulihannya.
- (3) Melantik wakil-wakil Kerajaan menduduki dalam Lembaga Pengarah syarikat untuk menjaga kepentingan Kerajaan.
- (4) Membentangkan:-
 - (a) Laporan tahunan dan penyata kewangan perbadanan awam.
 - (b) Laporan kemajuan projek-projek penting termasuk isu dan masalah yang dihadapi.
- (5) Meminta Perbadanan berkenaan menjalankan kajian khusus untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sesuatu anak syarikat.

Dalam hal Perwaja, satu kajian mendalam telah dibuat oleh Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan (UPSAR), Perbendaharaan dan beberapa langkah pemulihan sedang dibuat. Bagi syarikat PROTON pula, satu Pasukan Petugas (Task Force) yang khusus telah dilantik untuk membuat kajian yang serupa.

TAHANAN ISA – RAYUAN KEPADA LEMBAGA PENASIHAT

32. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

cadangan dan keputusan Lembaga Penasihat yang ditubuh bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap kes-kes tahanan:

- (a) Y.B. Lim Kit Siang;
- (b) Y.B. Karpal Singh;
- (c) Y.B. Dr. Tan Seng Giaw;
- (d) Y.B. P. Patto;
- (e) Y.B. Lau Dak Kee;
- (f) Y.B. Lim Guan Eng; dan
- (g) Y.B. Dr. V. David.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Enam (6) daripada tujuh (7) orang tahanan yang dimaksudkan telah mengemukakan rayuan mereka kepada Lembaga Penasihat dan pihak Lembaga Penasihat telahpun mendengar rayuan mereka dalam bulan Mac/April 1988. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dua (2) daripada mereka itu telah pun dibebaskan.

SENJATAPI YANG DIRAMPAS

33. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak senjata api yang telah dirampas dari penyeludupan menerusi sempadan Malaysia – Thailand dan Malaysia – Filipina sejak tahun 1985-1987;
- (b) apakah jenis senjata api yang telah dirampas dari penyeludupan bagi tahun tersebut; dan
- (c) warganegara manakah yang menjadi penyeludupan senjata api ke negara ini dan bilangan mereka. Dan apakah hukuman terhadap mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Sebanyak 448 pucuk senjatapi yang dapat dirampas sepanjang tahun 1985 – 1987. Jenis-jenis senjata yang dirampas adalah seperti berikut iaitu revolver 204 pucuk, pistol 200 pucuk, shotgun 15 pucuk, rifle M16 6 pucuk, SMG 3 pucuk, Carbine 6, senapang angin (air gun) 11 dan rifle lain jenis 3 pucuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua penyeludupan senjata yang dapat dikesan telah dilakukan oleh warganegara Malaysia sendiri. Mereka telah diambil tindakan di bawah Akta Senjatapi 206/60, Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 37/71, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan tindakan di bawah Ordinan Darurat (ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 5/69.

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

34. Dato' Dr Affudin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan pada 28-03-88, laporan Bank Negara mengenai pertumbuhan KDNK ialah pada kadar 5% berasaskan pertumbuhan sektor pengilangan (11%) dan kenaikan harga komoditi utama. Adakah laporan Bank Negara mengenai pertumbuhan KDNK pada kadar 5% yang berasaskan pertumbuhan sektor pengilangan dan kenaikan harga komoditi utama membayangkan suatu trend jangka panjang. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menentukan permintaan dari luar negeri terus meningkat ke atas barang-barang eksport di atas memandangkan pasaran dalam negeri ini yang kecil.

Tuan Loke Yuen Yow: Jangkaan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 5 peratus pada tahun 1988 adalah berasaskan keadaan ekonomi semasa serta juga andaian-andaian yang dibuat pada masa itu untuk jangkaan bagi seluruh tahun. Selain daripada itu, pertumbuhan ekonomi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor luar yang diluar kawalan kita. Ini termasuklah perkembangan ekonomi dunia yang dipengaruhi oleh dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara-negara perindustrian.

Berasaskan jangkaan bahawa kekuatan harga komoditi seperti yang kita alami sekarang ini akan dapat

dikekalkan dalam jangka sederhana dan nilai eksport komoditi utama kita akan dapat ditingkatkan, bolehlah saya nyatakan di sini bahawa ada kemungkinan besarnya arah aliran pertumbuhan KDNK itu akan dapat dikekalkan dalam lingkungan 5 peratus dalam jangka sederhana.

Untuk menggalakkan permintaan luar negeri terhadap barang-barang keluaran negara kita adalah perlu bagi daya saingan eksport negara ditingkatkan. Usaha-usaha adalah ditumpukan terhadap meningkatkan pertumbuhan ekonomi keparas yang lebih tinggi dengan tumpuan terhadap peningkatan permintaan dalam negeri. Dengan ini dijangka paras pengeluaran dapat ditingkatkan dan seterusnya juga daya saingan barang-barang keluaran Malaysia.

KEMALANGAN KEMATIAN

35. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah bilangan kemalangan kematian (fatal accidents) pada tahun 1985, 1986 dan 1987 di jalan besar yang berada di antara bandar Rawang ke Bandar Tanjong Malim dan berapakah jumlah orang yang telah meninggal dunia. Apakah sebab-sebab yang penting berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian-nya untuk mengurangkan bilangan kemalangan tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Bilangan kemalangan kematian (fatal accidents) dan kematian pada tahun 1985, 1986, dan 1987 di jalan besar yang berada di antara bandar Rawang ke Bandar Tanjong Malim adalah seperti berikut:-

	1985	1986	1987
Jumlah kemalangan maut jalan raya	54	50	60
Jumlah orang yang mati	55	64	71

Sebab-sebab utama berlaku kemalangan ialah:-

Kecuaian dari pemandu-pemandu akibat dari memandu terlalu laju, tidak mematuhi peraturan lalulintas seperti memotong di kawasan dua garisan berkembar dan selekoh dan cuai ketika keluar/masuk simpang;

Sebahagian besar jalan raya tersebut melalui kawasan berbukit di mana terdapat banyak selekoh yang merbahaya dan jalan juga agak sempit. Di waktu malam, kawasan ini gelap, kebanyakan pemandu yang tidak biasa dengan jalan ini tidak begitu berhati-hati dan berwaspada telah terlibat di dalam kemalangan jalan raya.

Tindakan agensi-agensi penguatkuasaan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya:-

Mengadakan operasi lari laju;

Mengadakan operasi nyaman kereta yang memotong di kawasan dua garisan berkembar;

Mengadakan rondaan kereta peronda;

Mengadakan spot check, dan

Membanyakkan operasi khas di kawasan berkenaan dengan memberi tumpuan ke atas kesalahan yang boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya.

Selain dari tindakan di atas, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian, agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Polis, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Penerangan serta Syarikat-syarikat swasta telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya seperti berikut:-

mengadakan ceramah/dialog/pameran, bagi kumpulan sasaran tertentu termasuklah pemandu-pemandu kenderaan Kerajaan atau swasta, kanak-

kanak sekolah dan orang ramai di kompleks membeli belah;

menyebarkan maklumat-maklumat mengenai keselamatan jalan raya melalui media radio, televisyen dan akhbar. Sebuah filem keselamatan jalan raya baru telah dikeluarkan dan sedang ditayangkan di rangkaian televisyen negara kita;

memperketatkan tindakan penguatkuasaan, ke atas pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalulintas. Di antara program-program penguatkuasaan, selain daripada tugas penguatkuasaan biasa oleh pihak Polis dan JPJ adalah:

(a) Sistem Sistem pemberian KEJARA mata kesalahan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas.

(b) Borang- Pegawai Kerajaan Laporan Kumpulan A adalah Kesalahan dibenarkan melapor-Lalulintas kan kesalahan-Oleh kesalahan lalulintas Pegawai yang dilakukan oleh Kerajaan pengguna-pengguna Kumpulan jalan raya. 'A'.

Memperkenalkan kurikulum baru sekolah memandu supaya mewujudkan pemandu-pemandu yang bukan saja mahir memandu tetapi juga memandu secara berhemat dan tahu tentang cara mengelakkan kemalangan;

Kementerian ini telah memperkenalkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai menggantikan Road Traffic Ordinance 1958. Akta ini memperuntukan kuasa yang lebih meluas kepada agensi-agensi penguatkuasaan dan kadar hukuman telahpun ditingkatkan. Masa kini Kementerian sedang menyediakan kaedah-kaedah Kereta Motor 1988 dengan tujuan mengawal dan mencegah kemalangan jalan raya.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (T) LADANG ULU YAM DAN LADANG KELUMPANG

36. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan untuk bangunan baru bagi SRJK (T) Ladang Ulu Yam dan Ladang Kelumpang di kawasan Ulu Selangor akan dimulakan dan sebab apanya kerja-kerja permulaan pembinaan tersebut mengambil masa yang begitu lambat.

Dato' S. Samy Vellu: Sebenarnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Ulu Yam pada masa ini masih dalam pertimbangan Kerajaan untuk dijadikan projek di bawah pinjaman Bank Dunia.

Manakala Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Kelumpang pula adalah salah satu daripada projek 17 buah sekolah di bawah peruntukan khas yang dilaksanakan oleh JKR.

Tawaran untuk sekolah ini akan dipanggil pada hujung bulan Julai ini dan adalah dijangka bahawa kerja-kerja pelaksanaan akan bermula pada awal bulan Oktober.

Kerja-kerja permulaan pembinaan adalah mengambil masa oleh kerana prosidur-prosidur yang perlu diikuti seperti siasatan tanah dan rekabentuk yang bersesuaian dengan keadaan yang sedia ada.

PERTANIAN SECARA BERKELOMPOK

37. Tuan Haji Abd. Manaf Haji Ahmad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan kerjayaan atau kegagalannya mengenai pelaksanaan dasar halacara baru dalam pembangunan kampung dan luar bandar terutamanya mengenai penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil di luar bandar.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pada keseluruhannya, pelaksanaan projek-projek perintis halacara baru yang dipilih berjalan dengan baik. Daripada 25 projek printis yang sedia ada, sebanyak 11 projek sedang giat menjalankan usaha-usaha untuk penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil lagi melaksanakan pertanian secara berkelompok. Projek-projek tersebut ialah:

<i>Projek</i>	<i>Tanaman/Ternakan</i>	<i>Agensi</i>
(i) Projek Titi Tinggi, Perlis	Lembu tenusu (di bawah pengawasan Koperasi)	Jabatan Haiwan
(ii) Projek Kampung, Binjal, Kubang Pasu, Kedah	Getah	RISDA
(iii) Projek Kampung Lalang, Baling, Kedah	Getah	RISDA
(iv) Projek Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar	Getah	FELCRA
(v) Projek Parit Mahang, Kuala Selangor, Selangor	Kelapa sawit	PKPS (Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor)
(vi) Projek Hulu Gesir, Hulu Selangor, Selangor.	Kelapa sawit	RISDA
(vii) Projek Seri Mendapat, Jasin, Melaka	Kelapa sawit	FELCRA
(viii) Projek Parit Seraya, Pontian, Johor.	Kelapa sawit	RISDA
(ix) Projek Kampung Salong, Pekan Pahang.	Kelapa sawit	FELCRA

Projek	Tanaman/Ternakan	Agensi
(x) Projek Tembeling Tengah, Pahang.	Kelapa sawit	FELCRA
(xi) Projek Mulung Lating, Kelantan.	Padi	KADA

Bagi projek selebihnya (14 projek) usaha-usaha untuk penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang kecil sedang diambil tindakan oleh agensi-agensi berkaitan, terutama untuk mendapatkan persetujuan dari peserta-peserta projek. Proses mendapatkan persetujuan dari peserta-peserta projek mengambil masa yang panjang kerana sebahagian daripada mereka masih (peserta-peserta projek) enggan membenarkan tanah-tanah mereka digabungkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek-projek yang menghadapi masalah di atas, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain seperti industri kampung, ternakan ayam, ternakan lembu dan ikan air tawar oleh agensi-agensi tertentu pada peringkat awalnya sebelum usaha-usaha penggabungan tanah dilaksanakan.

Kementerian ini yakin apabila 11 projek yang telah menjalankan penyatuan kebun-kebun dan bendang-bendang menghasilkan kejayaannya maka mungkin akan diikuti oleh projek-projek yang lain.

**SABAH DEVELOPMENT
FINANCE CO-OPERATIVE
SOCIETIES LIMITED -
PENYIASATAN**

38. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah perlu yang telah dan akan diambil bagi mengembalikan wang sejumlah \$2.6 juta ringgit kepada seramai 1,720 penyimpan dalam syarikat Sabah Development Finance Co-operative Society dan tindakan jenayah undang-undang yang dikenai-

kan terhadap mereka-mereka yang terlibat.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman-Ahli Yang Berhormat, Bank Negara masih lagi membuat penyiasatan ke atas aktiviti-aktiviti Sabah Development Finance Co-operative Societies Limited (SDF). Oleh itu, buat masa ini adalah terlalu awal untuk menyatakan sebarang rancangan penyelamat kepada pendeposit-pendeposit dalam koperasi tersebut dan tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas mereka yang terlibat dalam penyelewengan.

**BANTAHAN TAHANAN DI KEM
KAMUNTING**

39. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah perlu telah diambil bagi menyelesaikan bantahan-bantahan yang dibuat oleh banduan di Kem Kamunting selepas persidangan Parlimen yang lepas di mana bantahan-bantahan berkenaan telah dimaklumkan kepada beliau.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Berhubung dengan bantahan-bantahan yang dibuat oleh orang-orang tahanan di Kem Kamunting selepas persidangan Parlimen yang lepas, pihak Kem Tahanan Perlindungan Taiping telah pun mengambil tindakan atau langkah-langkah yang sesuai dan berkesan bagi menyelesaikannya.

PINJAMAN HICOM

40. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan apakah jumlah hutang-hutang tempatan dan luar negeri Syarikat HICOM (Heavy

Industries Corporation of Malaysia) pada tahun 1985, 1986 dan 1987. Bahagikan kegunaan pinjaman-pinjaman ini mengikut "pelaburan baru", "Operating costs", "refinancing" atau "loans to subsidiaries". Apakah langkah-langkah Kerajaan sedang dan akan ambil supaya kerugian-kerugian besar anak-anak syarikat HICOM boleh dikurangkan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman (hutang) tempatan Perbadanan Perusahaan-perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM) pada tahun 1985 adalah sebanyak \$2.20 juta. Walau bagaimanapun pada tahun 1986 dan 1987, HICOM tidak membuat sebarang pinjaman tempatan. Mengenai pinjaman luar negeri pula, HICOM tidak membuat sebarang pinjaman luar negeri pada tahun 1985 dan 1986, tetapi pada tahun 1987 HICOM telah membuat pinjaman luar negeri sebanyak \$300.78 juta.

Berkenaan dengan kegunaan pinjaman-pinjaman tersebut, adalah dimaklumkan bahawa sebanyak \$2.20 juta pinjaman tempatan digunakan untuk menampung kos operasi, manakala sebanyak \$299.08 juta daripada \$300.78 juta pinjaman luar negeri digunakan sebagai pinjaman kepada anak-anak syarikat sekutu HICOM. Bakinya sebanyak \$1.70 juta pula digunakan untuk pelaburan baru.

Kerajaan telah memberi perhatian berat terhadap prestasi beberapa anak syarikat HICOM dan sedang mengawasi dengan rapi aktiviti-aktiviti anak-anak syarikat itu. Kajian mendalam sedang dijalankan dan langkah-langkah sewajarnya sedang dan akan diambil untuk meningkatkan prestasi. Umpamanya pengurusan Syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (PERWAJA) telah disusun semula untuk meningkatkan prestasi syarikat. Dalam hubungan ini Kerajaan telah melantik seorang

Pengarah Urusan baru untuk memulihkan syarikat dan menentukan pengeluaran optima. PERWAJA juga akan meningkatkan pengeluarannya kepada pengeluaran-pengeluaran nilai ditambah seperti (dengan izin) "Mid-Section" dan "Flats" untuk meningkatkan hasil. Pinjaman-pinjaman PERWAJA dalam matawang Yen juga sedang dikaji bagi tujuan menstrukturkan semula pinjaman-pinjaman itu.

Bagi Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) pula, Kerajaan juga mengkaji kemungkinan menyusun semula pengurusan syarikat itu. Usaha juga sedang diambil untuk memperluaskan pasaran eksport kereta-kereta PROTON ke United Kingdom dan Amerika Syarikat untuk menampung penjualan tempatan untuk memastikan syarikat itu berdaya maju. PROTON juga sedang meneliti kemungkinan mendapatkan CKD daripada sumber lain seperti Korea, Thailand, India dan Taiwan yang dapat membekalkan komponen dengan lebih murah dalam usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran akibat daripada kenaikan nilai matawang Yen.

Berkenaan dengan Kedah Cement Sdn. Bhd., Kerajaan sedang mengkaji skim-skim rasionalisasi di antara pekilang-pekilang simen sektor awam. Kajian tersebut mungkin juga akan termasuk penyertaan daripada pekilang-pekilang simen sektor swasta.

DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA

41. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan apa yang beliau sebut "Jawatankuasa petugas Khas" bagi menentukan kejayaan Pembangunan Perindustrian Negara berjalan dengan lancar. Adakah negeri-negeri telah menubuhkan Jawatankuasa ini dan kalau sudah mengapa masih ada lagi sungutan-sungutan ke-

lewatan memproses permohonan-permohonan pelaburan. Apakah rancangan Kementerian agar kelewatan dan sungutan-sungutan ini tidak berlaku lagi.

Dato' Kok Wee Kiat: Di peringkat Persekutuan, 12 Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan di bawah Pelan Induk Perindustrian untuk mengawal (monitor) pelaksanaan Dasar Perindustrian Negara dan memastikan pembangunan perindustrian di negara ini berjalan dengan lancar. Selain dari itu Pasukan-Pasukan Petugas tersebut telah beroperasi untuk membincangkan strategi-strategi dan langkah-langkah bagi melaksanakan matlamat-matlamat yang telah ditentukan bagi setiap sub-sektor industri dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang di hadapi oleh setiap sub-sektor.

Kementerian ini telah difahamkan beberapa Kerajaan Negeri seperti Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Kelantan, Pulau Pinang, Johor, Pahang dan Perak telah menubuhkan berbagai bentuk organisasi untuk berfungsi sebagai Pusat Penyelarasan Pelaburan di peringkat negeri. Daripada maklumbalas yang diterima daripada pihak swasta adalah didapati sistem pemerosesan permohonan yang ada sekarang ini adalah jauh lebih baik daripada sistem di masa yang lalu.

Kementerian ini akan sentiasa berusaha untuk memastikan kelewatan memproses permohonan dan sungutan tidak berlaku. Dalam hubungan ini Kerajaan baru-baru ini telah menjadikan MIDA sebagai Pusat Penyelarasan Pelaburan tunggal di peringkat Persekutuan. Segala masalah yang dihadapi oleh pelabur bolehlah dirujuk kepada Pusat ini. Di peringkat negeri pula Pusat serupa ini akan juga ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Pelabur di peringkat negeri pula. Adalah diharapkan dengan penubuhan Pusat-Pusat ini masalah

kelewatan dalam pemerosesan permohonan dapat di atasi.

PEGAWAI KERAJAAN AKTIF DALAM POLITIK

42. Dato' Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan tingkatan "A" mengambil bahagian aktif dalam kegiatan politik dan jika ada bilakah agaknya cadangan ini akan dilaksanakan.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan 'A' mengambil bahagian dalam politik.

PROJEK PEMBUATAN BARU

43. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah buah projek pembuatan baru telah diluluskan oleh Kerajaan setakat hari ini;
- (b) berapa antara projek itu dimiliki oleh pelabur tempatan dan pelabur asing; dan
- (c) apakah jumlah peluang pekerjaan yang dijangka akan diwujudkan.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Bilangan projek pembuatan baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan setakat ini iaitu dari tahun 1980 hingga Mei 1988 ialah sebanyak 3,010.
- (b) Daripada jumlah ini, 2,478 projek dimiliki oleh pelabur tempatan iaitu 100% atau usahasama dengan majoriti pelabur tempatan. Sebanyak 484 projek dimiliki oleh pelabur asing iaitu 100% atau usahasama dengan majoriti pelabur asing, mana-

kala 48 projek lagi merupakan projek usahasama 50/50.

- (c) Jumlah peluang pekerjaan yang dijangka wujud ialah sebanyak 333,350.

HOSPITAL DAERAH SIMUNJAN

44. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah hospital daerah Simunjan akan dibina kerana baru-baru ini pengumuman telah pun dibuat bahawa peruntukan telah ditetapkan untuk sebuah hospital daerah di Simunjan;
- (b) berapakah ongkos pembinaan hospital itu dan siapakah kontraktor yang mendapat kontraknya; dan
- (c) sekiranya pembinaan dimulakan sekarang, bilakah ianya akan siap supaya rakyat di daerah itu mendapat rawatan yang sangat perlu.

Dato' K. Pathmanaban: Pembinaan hospital daerah Simunjan dijadualkan mula pembinaan pada bulan Jun 1989 dan dijangka siap bulan Disember 1991.

Anggaran kos keseluruhan projek dijangkakan sebanyak \$4,940,000. Dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima peruntukan sebanyak \$3,865,000 telah pun diluluskan.

Kontraktor yang akan membina Pusat Kesihatan Daerah ini belum diketahui kerana proses panggilan tawaran bagi projek ini belum dimulakan.

ROMPAKAN DI LAUT SABAH

45. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil

bagi menghentikan serangan dari lanun-lanun di persisiran pantai di Pantai Timur Sabah; dan

- (ii) sama ada Yang Berhormat bertimbang antaranya menempatkan 5 yunit kapal terbang peninjau udara (air Patrol aeroplane) di Sabah, tidak di Miri, Sarawak.

47. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes rompakan di laut yang dilaporkan di Pantai Timur Sabah bagi tahun 1986, 1987 dan sehingga 15-6-1988, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan rompakan di laut di negara ini terutamanya Sabah; dan sama ada Kementerian beliau akan membekalkan dengan segera lapan buah bot-bot polis peronda yang lengkap dengan alat-alat sopistikated untuk digunakan di Pantai Timur Sabah; jika tidak, mengapa.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob:

Izinkan saya menjawab sekaligus soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Gaya pada 28.6.1988 dan Ahli Yang Berhormat menyentuh perkara yang sama iaitu kegiatan lanun di Pantai Timur Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes rompakan di laut pada tahun 1986 adalah 15 kes, pada tahun 1987 adalah 30 kes dan pada tahun 1988 (sehingga 15.6.1988) adalah 13 kes.

Kerajaan memandang berat tentang kejadian rompakan di laut yang berlaku dewasa ini. Untuk mencegah dan membanteras kejadian yang seumpama ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) memperhebatkan rondaan oleh bot-bot ronda polis merin di kawasan yang selalu berlaku kegiatan lanun;

- (ii) meningkatkan rondaan udara di perairan Pantai timur Sabah oleh Unit Udara Polis;
- (iii) menugaskan bot-bot jenis PZ dan PX sebagai "outer-cordon" di sempadan perairan Malaysia/Filipina manakala bot-bot jenis PA bertindak sebagai "inner-cordon";
- (iv) menempatkan Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau yang strategik;
- (v) mengadakan operasi-operasi khas dari masa ke masa untuk membanteras lanun;
- (iv) mengadakan rondaan berkoordinasi dengan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Lapan buah bot peronda polis marin yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sedang dalam pembinaan dan dijangka dapat digunakan pada penghujung tahun ini. Mengenai penempatan kapalterbang Unit Udara Polis di Sabah, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian. Miri dipilih kerana kedudukannya yang strategik dan kemudahan logistiknya yang baik.

PELARIAN VIETNAM

46. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang-orang pelarian Vietnam di Malaysia yang menunggu penempatan semula di negara-negara ketiga sehingga akhir Mei, 1988;
- (b) jumlah bilangan orang pelarian Vietnam di Pulau Bidong dan Kem Sungai besi telah ditempatkan semula dalam negara-negara ketiga sejak 1975 dengan memberi butir-butir negara ketiga yang membantu penempatan semula ini dan bilangan pelarian

yang diambil oleh setiap negara; dan

- (c) adakah Kerajaan akan menimbang semula keputusan untuk menutup kem penempatan Pulau Bidong dan tidak akan menutup kem tersebut sehingga rancangan pilihan yang diasaskan kepada prinsip-prinsip peri kemanusiaan dirangka untuk mengatasi masalah orang-orang pelarian.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Jumlah bilangan orang-orang pelarian Vietnam di Malaysia yang menunggu penempatan semula di negara-negara ketiga sehingga 31 Mei 1988 ialah seramai 13,549 orang.
- (b) Manakala jumlah pelarian Vietnam di Pulau Bidong dan Kem Sungai Besi yang telah ditempatkan semula ke negara-negara ketiga sejak tahun 1975 hingga 31 Mei 1988 adalah seramai 217,928 orang. Negara-negara ketiga yang membantu penempatan semula ini dan bilangan pelarian yang diambil oleh setiap negara semenjak tahun 1975 sehingga 31 Mei 1988 adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah PHV
Amerika Syarikat (terus)	88,560
Australia	42,023
Amerika Syarikat melalui Refugee Processing Centre (Philippines)	37,155
Canada	27,528
Perancis	5,669
Jerman Barat	3,566
Amerika Syarikat melalui Refugee Processing Centre (Pulau Galang)	2,782
Switzerland	2,475
Netherland	1,558
New Zealand	1,534
Sweden	1,225
Italy	781

Austria	520
Denmark	512
Belgium	498
United Kingdom	423
Norway	383
Finland	245
Jepun	204
Ireland	105
Hong Kong	63
Greece	54
Iceland	34
Vietnam	15
Panama	4
Cameroon	3
Gabon	3
Taiwan	3
Brazil	2
China	2
Korea Selatan	1
Jumlah Besar Sehingga 31 mei 1988	<hr/> 217,928

(c) Kerajaan tidak akan menimbang semula keputusannya untuk menutup kem penempatan Pulau Bidong. Keputusan untuk menutup kem penempatan Pulau Bidong adalah mukamad dan akan tetap dilaksanakan. Persoalan sama ada rancangan yang diasaskan kepada prinsip-prinsip perikemanusiaan dirangka sebagai satu rancangan pilihan yang lain untuk mengatasi masalah orang-orang pelarian Vietnam tidak berbangkit. Ini adalah kerana Kerajaan memang sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip perikemanusiaan dalam setiap tindakannya untuk mengatasi masalah orang-orang pelarian Vietnam. Dengan itu sememangnya di dalam perancangan Kerajaan untuk menutup Pulau Bidong ianya tidak lari dari prinsip-prinsip tersebut. Prinsip-prinsip perikemanusiaan telah diambilkira dan diberi

perhatian yang sewajarnya dalam perancangan Kerajaan untuk menutup kem penempatan Pulau Bidong.

PEMBAYARAN CUKAI DI SABAH – PENYIASATAN

48. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil “Lawatan Muhibbah” yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ke atas ahli politik di Sabah dan sama ada tindakan akan diambil untuk mendakwa mereka yang mengingkari undang-undang jika tidak, mengapa. Sila nyatakan juga sama ada aktiviti-aktiviti yang sama juga dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Loke Yuen Yow: Sukacita saya memaklumkan bahawa sebagai satu peraturan, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mengumumkan hasil penyiasatan yang dijalankan ke atas pembayar cukai tertentu. Jika seseorang pembayar cukai tertentu sudi memberitahu hal percu-kaiannya, ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan daripadanya. Cara tindakan yang akan diambil bagi kes-kes di Sabah akan tertakluk kepada fakta yang akan ditentukan pada penutupan semua penyiasatan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, lebih kurang 4,700 kes telah disiasat pada masa yang lalu di seluruh negara. Dalam beberapa kes tersebut, lawatan mengejut, oleh pasukan penyiasatan adalah perlu dan telah didapati berkesan. Tindakan yang telah diambil di Sabah bukanlah satu perkara ganjil tetapi sesuatu yang baru.

PEMBUNUHAN RAKYAT ASING DI SANDAKAN

49. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan terbaru atas kes yang mana 8 orang asing ditembak mati di

Sandakan pada Mei 1988 dan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan suatu kertas putih untuk maklumat rakyat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun saya jawab bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 27 hb. Jun, 1988 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**BUKU AGAMA KRISTIAN
BERBAHASA MALAYSIA**

50. Tuan Maidon P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang buku-buku yang berunsur agama Kristian yang berbahasa Malaysia yang diimport oleh Ibu Pejabat Gereja-Seventh Day Adventist Tamparuli, Sabah telah ditahan oleh pihak Polis pada bulan September, 1987 yang lalu kerana atas alasan terdapatnya perkataan "ALLAH DAN RASUL" di dalamnya. Saya masih ingat bahawa dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri berkenaan kepada soalan yang dahulu mengenai perkara yang hampir sama dengan ini menyatakan bahawa hanya penerbitan yang mengandungi perkara-perkara yang boleh memudaratkan keselamatan negara sahaja yang ditahan oleh pihak berkuasa. Dengan itu dalam konteks yang saya kemukakan ini saya mohon Menteri berkenaan menyatakan seperti berikut ini:

- (a) bagaimanakah perkataan "ALLAH DAN RASUL" atau sebagainya itu boleh dianggap sebagai sesuatu yang boleh memudaratkan keselamatan negara; dan
- (b) bolehkah Kerajaan bertolak ansur dalam perkara ini dan mengeluarkan buku-buku tersebut memandangkan pengimportan seperti itu sukar menjadi amalan bāhkan sudah menjadi suatu tradisi sejak selama itu sehinggalah Negeri Sabah men-

capai kemerdekaan menerusi Malaysia dan seterusnya sehingga kini oleh gereja Kristian di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sebenarnya buku-buku agama Kristian Berbahasa Malaysia yang diimport pada bulan September 1987 ditahan oleh pihak Polis Sabah kerana buku-buku berkenaan didapati bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.
- (b) Memandangkan tindakan penahanan adalah berdasarkan kepada lunas-lunas Undang-undang, pihak Kerajaan tiada cara lain melainkan mengambil tindakan tegas selaras dengan maksud dan kehendak Undang-undang.

**DASAR KERAJAAN –
PELAKSANAAN**

51. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan kajian kemajuan dan keberkesanan terhadap beberapa dasar negara seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Pandang ke Timur, Perindustrian dan lain-lain dasar. Apakah soal selidik penerimaan dan fahaman masyarakat terhadap dasar-dasar tersebut telah dibuat. Kalau mudah apakah hasilnya dan kalau belum bila ianya akan dibuat.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan sentiasa membuat kajian terhadap kemajuan pelaksanaan dasar-dasar yang digubal umpamanya, dasar perindustrian dan sebagainya. Misalnya bagi meningkatkan perindustrian negara, Kerajaan telah membuat beberapa pindaan terhadap syarat-syarat pelaburan asing untuk menarik banyak lagi kemasukan pelaburan asing. Mengenai kajian keberkesanan, kajian mengenai beberapa dasar masih di peringkat awal kajian.

Antaranya termasuklah Kajian Kekesan Dasar Ekonomi Baru terhadap Perpaduan Negara, dan kajian-kajian mengenai kekesan beberapa program yang dilaksanakan.

Menyentuh mengenai kajian penerimaan dan pemahaman masyarakat terhadap dasar-dasar tersebut, satu kajian khusus mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan belum pernah dijalankan. Tetapi satu kajian mengenai Tanggapan Pegawai-pegawai Kerajaan Terhadap Dasar-dasar Baru Kerajaan pernah diselenggarakan oleh pihak MAMPU pada tahun 1986. Di antara penemuan kajian tersebut ialah tahap kefahaman dan penerimaan di kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan terhadap dasar-dasar negara pada keseluruhannya adalah baik.

GRADUAN YANG MENGANGGUR

52. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan graduan yang menganggur dalam negara setakat 31-5-1988; dan
- (b) apakah tindakan terakhir yang boleh diambil dan rancangan-rancangan terbaharu untuk membantu graduan menganggur.

Drs. Suleiman bin Mohamed:

- (i) Bilangan siswazah menganggur yang telah mendaftar nama di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan sehingga 31.5.1988 ialah seramai 19,633 orang.
- (ii) Rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang dirancang dan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah siswazah-siswazah menganggur ini telahpun dimaklumkan kepada dewan yang mulia ini dalam

persidangan yang lepas. Jadi tindakan yang terbaharu yang diambil oleh Kerajaan ialah melaksanakan program-program yang telah dirancang itu.

PANCARAN TV NEGARA-NEGARA ASEAN

53. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian berkenaan mempunyai rancangan untuk mengadakan pancaran-pancaran TV daripada negara-negara ASEAN yang lain agar dapat dilihat oleh negara-negara ASEAN yang lain demi untuk memupuk semangat persefahaman dan memahami di antara satu dengan yang lain; dan
- (b) atau adakah pihak RTM bercadang untuk mengadakan program-program mengenai negara-negara ASEAN secara lebih dekat bagi rakyat di negara ini mengetahui suasana di negara-negara ASEAN dan negara-negara yang lain.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk mengadakan pancaran-pancaran TV diantara negara-negara ASEAN. Walaubagaimanapun terdapat siaran melimpah atau 'spillover' dimana rancangan-rancangan TV Singapura dapat dilihat di Selatan Semenanjung Malaysia dan rancangan-rancangan RTM dapat dilihat di Singapura. Juga rancangan-rancangan TV Negeri Thai dapat dilihat di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Begitu juga dengan rancangan-rancangan TV negara Brunei dan Filipina.

Dalam usaha Kerajaan memupuk semangat persefahaman diantara

negara ASEAN, kerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam bidang pertukaran bahan-bahan penerangan dan filem-filem dilaksanakan oleh satu Jawatankuasa Khas diperingkat ASEAN iaitu Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan. Di antara rancangan yang telah dilaksanakan mulai dari tahun 1980 ialah pertukaran ASEAN Radio Package Programme, TV Cultural Package Programme, Minggu Filem ASEAN dan lain-lain. Rancangan-rancangan dan filem-filem itu diedar kepada semua negara-negara ASEAN. Semua filem rencana TV yang diterima dari negara-negara ASEAN telah ditayangkan melalui RTM. Rancangan-rancangan yang dihantar oleh RTM juga disiarkan oleh negara-negara ASEAN yang berkenaan. Selain daripada perhubungan serantau melalui ASEAN dan lain-lain badan berkenaan, Malaysia juga mempunyai hubungan dua hala atau 'bilateral' di mana pertukaran rancangan TV, Filem-filem tertentu jempunan kepada para artis negara-negara ASEAN menyertai rancangan-rancangan hiburan TV di RTM, pertukaran pegawai-pegawai penerangan, wartawan dan pewarta, dan seterusnya lawatan Orkestra RTM dan dari negara lain ke Malaysia, telahpun diadakan.

Beberapa rancangan kerjasama termasuk rancangan TV, kursus-kursus latihan juga dilaksanakan dengan negara-negara lain melalui kerjasama 'multilateral' di bawah Asia Pacific Institute for Broadcasting Development, Asian Broadcasting Union, UNESCO dan lain-lain.

LESEN MENANGKAP IKAN

54. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah lesen menangkap ikan laut dalam atau deep-sea fishing licence yang telah diluluskan oleh kerajaan setakat ini. Dari jumlah ini

berapakah jumlah dari Sabah dan Labuan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada seseorang atau sesebuah syarikat yang ingin memohon untuk mendapatkan lesen.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jumlah lesen menangkap ikan yang diluluskan sehingga kini ialah 491 unit. Dua puluh dua (22) unit darinya adalah untuk Negeri Sabah dan satu (1) unit lagi untuk Wilayah Labuan.

Di antara syarat-syarat perlesenan yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- (a) Bot hendaklah bermuatan sekurang-kurangnya 70GRT;
- (b) Bot didaftar di dalam negeri;
- (c) Bot hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh Warganegara Malaysia;
- (d) Kawasan menangkap ikan yang dibenarkan ialah diPerairan melebihi 40 batu nautika dari pantai;
- (e) Jenis perkakas menangkap ikan yang diusahakan ialah Pukat Tunda, Pukat Jerut Ikan Tuna dan Rawai;
- (f) Pengkalan bot dan pendaratan ikan hendaklah dilakukan di Malaysia seperti yang ditetapkan;
- (g) Pekerja bot hendaklah 100% terdiri dari warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, pertimbangan khas mungkin boleh diberikan ke atas permohonan untuk menggunakan nelayan asing bagi jawatan tertentu dan tempoh masa yang tertentu sahaja. Selepas itu tugas-tugas tersebut akan diambilalih sepenuhnya oleh pekerja tempatan. Pengecualian ini diberi berasaskan kepada kes demi kes.

PERPADUAN MASYARAKAT

55. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri memberitahu apakah langkah-langkah yang difikirkan berkesan bagi perpaduan, masyarakat majmuk melalui Jabatan Perpaduan Negara dan bagaimanakah sambutan-sambutan yang diberi oleh masyarakat dengan projek-projek yang diadakan dan apakah projek-projek perpaduan itu setakat 31 Mei 1988 dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi murid-murid sekolah mengenai perpaduan negara selain daripada lagu 'Setia'.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Langkah-langkah yang berkesan bagi perpaduan masyarakat majmuk yang diselenggarakan oleh Jabatan Perpaduan Negara ialah melalui program menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan melalui pertubuhan-pertubuhan sejiran bagi memupuk semangat kejiranan yang teguh. Ini bertujuan menanamkan semangat tolong-menolong, berbaik sangka dan bertoleransi. Di samping itu jabatan juga mengadakan program sivik termasuk aspek-aspek kewarganegaraan yang baik, taat setia, patriotisme serta hormat-menghormati terhadap lambang-lambang kebangsaan.

Selain dari itu Jabatan juga menganjurkan program pendidikan pra sekolah dan pendidikan tidak formal dengan menggunakan satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia. Program pendidikan tidak formal bertujuan memberi penerangan mengenai adat resam antara kaum, nilai-nilai keagamaan serta pengetahuan asas terhadap dasar-dasar negara. Kedua-dua langkah ini adalah berkesan.

Berdasarkan maklumat dari pengesanan bulanan Jabatan Perpaduan Negara sehingga akhir bulan Mei tahun ini

empat jenis aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara mendapat sambutan yang amat menggalakan. Jenis-jenis aktiviti itu ialah di dalam bidang sosial, sukan, kebajikan dan pendidikan. Aktiviti-aktiviti yang mendapat sambutan sederhana ialah aktiviti-aktiviti di dalam bidang rekreasi, kesihatan, alam sekitar, kebudayaan, pendidikan, keselamatan dan keagamaan.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengeratkan perpaduan di kalangan murid-murid sekolah adalah dengan memperkemas dan mempergiatkan usaha pelaksanaan ko-kurikulum yang bertujuan untuk menanamkan semangat bertolak ansur, berkerjasama dan saling percaya mempercayai di kalangan murid-murid sekolah dari berbagai kaum.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL

56. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan anggaran peruntukan mengadakan persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komenwel di Malaysia tahun hadapan.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Anggaran belanjawan bagi persidangan Komanwel 1989 di Malaysia masih lagi dalam perbincangan dan persediaan, oleh semua agensi-agensi yang terlibat termasuk Perbendaharaan Malaysia. Walau bagaimanapun perkiraan telah diambil supaya jumlah perbelanjaan itu adalah mengikut keupayaan negara kita, bagi menjayakan persidangan itu.

DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH

57. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah melanggar disiplin di sekolah memandangkan kejadian me-

langgar disiplin di sekolah-sekolah menengah kian meningkat; dan

- (b) adalah Kementerian membuat kajian kepada masalah melanggar disiplin di sekolah-sekolah kian menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah melanggar disiplin di sekolah ialah:

- (i) Menerbitkan Buku Panduan Disiplin Bagi Pelajar-Pelajar yang akan menggariskan perkara-perkara seperti tanggungjawab pelajar, cara-cara menyelesaikan masalah, bimbingan kerjaya dan tafsiran mengenai disiplin.
- (ii) Mengadakan satu siri ceramah mengenai disiplin melalui Radio Pendidikan dan TV Pendidikan.
- (iii) Menyiarkan rencana-rencana dan makalah-makalah yang menerapkan nilai-nilai positif disiplin melalui media masa termasuk majalah-majalah atau komik untuk kanak-kanak.
- (iv) Mengedarkan poster-poster ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa yang bertemakan disiplin dan pembentukan perlakuan.
- (v) Mencadangkan supaya penguurusan dan pentadbiran disiplin dimasukkan ke dalam kurikulum latihan perguruan di maktab dan universiti.
- (vi) Mencadangkan supaya sistem ganjaran di sekolah perlu meliputi semua aspek disiplin dan tidak hanya terbatas kepada prestasi akademik dan kurikulum semata-mata.
- (vii) Mengenakan tindakan tegas kepada pelajar-pelajar yang

didapati melanggar disiplin sekolah yang dianggap berat seperti melakukan kegiatan jenayah dan penyalahgunaan dadah.

- (b) Hasil daripada kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan pada umumnya terdapat empat faktor utama yang membawa kepada terjadinya masalah pelanggaran disiplin, iaitu:

- (i) Faktor pertama adalah tarikan tempat-tempat yang menarik, khususnya di kawasan-kawasan bandar.
- (ii) Faktor kedua adalah tarikan rakan-rakan sebaya yang tidak lagi bersekolah.
- (iii) Faktor ketiga adalah kerana murid-murid yang terlibat dengan pelanggaran disiplin kurang mendapat kawalan dari pihak ibu bapa/penjaga.
- (iv) Faktor keempat adalah boleh dikatakan berpunca daripada tekanan-tekanan psikologi, mental dan sosial.

RUMAH KOS RENDAH – PEMBINAAN

58. Tuan' Chew Kam Hoy minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian merancang untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah yang berharga \$15,000 ke bawah untuk pekerja-pekerja ladang, golongan termiskin yang tidak mampu melebihi rumah-rumah kos rendah sekarang yang berharga \$25,000 ke bawah; dan
- (b) mungkinkah rancangan begitu wajib dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri di seluruh negara, terutamanya di Kedah di

mana terdapat ramai pekerja-pekerja ladang yang miskin.

Dato S. Subramaniam:

- (a) Adalah menjadi dasar Kementerian ini untuk merancang dan membina rumah-rumah kos rendah kepada semua golongan rakyat yang berpendapatan rendah, termasuklah pekerja-pekerja ladang dengan harga yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga \$25,000 adalah had maksima yang ditetapkan untuk rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, harga kos rendah mungkin boleh berkurangan daripada \$25,000 tertakluk kepada harga tanah, lokasi dan lain-lain faktor.

Sekiranya harga jualan rumah-rumah kos rendah dapat diturunkan ke paras yang lebih rendah, maka pihak Kerajaan akan melaksanakan rancangan tersebut bukan sahaja di Negeri Kedah, tetapi di seluruh negara.

LADANG HUTAN KOMERSIAL

59. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan atau kejayaan yang telah dicapai daripada Program Ladang Hutan Bercorak Komersial yang dilancarkan oleh Jabatan Hutan Negara di bawah Kementerian Perusahaan Utama; dan

- (b) seluas mana dan di negeri manakah program ini dimajukan.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Program penubuhan Ladang Hutan Kompensatori telah dilancarkan pada tahun 1982 dengan matlamat bagi memajukan kawasan hutan yang telah dibalok dan miskin dengan anak benih bermutu tinggi, sebagai ladang hutan bercorak komersial yang lebih produktif. Matlamat keluasan projek ini sehingga akhir tahun 1988 (dalam FASA I) ialah 40,000 hektar.

Sehingga kini seluas lebih 22,000 hektar telah ditanam dengan species-species Acacia Mangium (Mangium), Gemelina arborea (Yemane) dan Para serianthes falcataria (Batai); manakala kawasan seluas lebih 13,000 hektar sedang giat diusahakan di negeri-negeri yang terlibat dan bakinya seluas lebih 5,000 hektar lagi adalah di dalam proses urusan tender.

Oleh kerana ladang hutan bercorak komersial ini akan matang dalam tempoh 15 tahun, penghasilan kayu yang pertama di jangka dapat dibuat pada tahun 1997.

- (b) Jumlah keluasan mengikut hektar dan negeri-negeri di mana projek Ladang Hutan Kompensatori telah dimajukan adalah seperti berikut:-

Negeri	Pencapaian (ha)	Sedang di majukan (ha)	Dalam Urusan Tender (ha)	Jumlah (ha)
Johor Darul Takzim	7,599	3,741	4,650	15,990
Negeri Sembilan	1,178	824	-	2,002

Negeri	Pencapaian (ha)	Sedang di majukan (ha)	Dalam Urusan Tender (ha)	Jumlah (ha)
Pahang Darul Makmur	8,826	7,282	—	16,108
Selangor Darul Ehsan	4,403	1,062	525	5,990
Jumlah	22,006	12,909	5,175	40,090

PENAGIH DADAH – PENJARA BERASINGAN

60. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan apakah Kementerian akan menggunakan Akta Penagihan Dadah 1983 bagi memenjarakan penagih-penagih dadah yang sudah terlalu teruk memandangkan bertambah ramainya bilangan penagih dadah di negara ini dan juga meminta mahkamah menolak jamin kepada mereka yang ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berkaitan dengan penyimpanan dan penyalahgunaan dadah. Jika Kerajaan belum bersedia melaksanakan langkah-langkah tersebut nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa sekarang tindakan yang boleh diambil keatas penagih-penagih dadah di negeri kita adalah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan juga Akta Dadah Berbahaya 1952. Penagih-penagih yang ditangkap di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 boleh dihantar ke pusat-pusat Pemulihan Dadah. Sementara itu mereka yang ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 boleh dihukum penjara jika thabit kesalahannya.

Di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 terdapat peruntukan iaitu di bawah Seksyen 41B yang membolehkan pihak berkuasa mendapatkan sijil daripada Timbalan Pendakwa Raya

bagi tujuan memohon mahkamah supaya menolak jamin ke atas orang yang kena tuduh yang mana kesalahannya boleh dihukum penjara 5 tahun atau kurang sekiranya difikirkan perlu. Walau bagaimanapun pada masa ini Kementerian Dalam Negeri lebih cenderung untuk menghantar penagih-penagih dadah ke pusat-pusat pemulihan dadah iaitu diberi rawatan dan tindakan sedang diambil untuk mengadakan pusat-pusat pemulihan dadah berasingan bagi “penagih-penagih yang sudah terlalu teruk”

PROTON SAGA – KOS PEMBUATAN KERETA

61. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kos pembuatan ketiga-tiga model Proton Saga menjelang bulan Mei 1988 di Malaysia. Bagaimana pula dengan kos ini (setelah ditambahkan kos pemasaran dan pengangkutan) bagi Proton Saga yang dipasarkan di luar negeri. (Semua nilai wang dalam matawang ringgit). Apakah pula tingkat harga jualan (dalam nilai matawang ringgit) bagi setiap model Proton Saga di negara-negara asing tersebut.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Saya kesal tidak dapat mengumumkan kos pembuatan kereta PROTON SAGA kerana dalam bidang perniagaan maklumat ini adalah rahsia syarikat yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada prestasi Proton sekiranya diketahui oleh pesaing-pesaingnya.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa kos pemasaran dan pengangkutan PROTON SAGA yang dieksport pula berbeda dari satu negara dengan negara lain bergantung kepada jarak dan taraf ekonomi negara-negara berkenaan.

Berhubung dengan harga jualan PROTON SAGA di negara-negara asing, ianya juga berbeda di antara sebuah negara dengan yang lain bergantung kepada tarif, model, kos pengangkutan, spesifikasi yang diminta oleh pengedar dan lain-lain syarat yang ditetapkan oleh negara pembeli. Pada masa sekarang (Jun 1988) harga PROTON SAGA yang dijual di negara-negara asing ialah seperti berikut:

Negara	Harga Pasaran (seunit) ringgit
Bangladesh	\$40,000.00-\$46,000.00
Brunei Darussalam	\$23,000.00-\$28,000.00
New Zealand	\$35,000.00-\$45,000.00
Malta	\$32,000.00-\$34,000.00
Sri Lanka	\$23,000.00-\$24,000.00
Eire	\$31,000.00-\$37,000.00,
Jamaica	Tiada maklumat

SYARIKAT BUKAN BUMIPUTERA - BANTUAN KEWANGAN

62. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan apakah di antara rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan untuk membantu syarikat-syarikat bukan Bumiputera yang menghadapi masalah kewangan. Jika tidak ada, mengapa. Jika ada, bilakah rancangan-rancangan tersebut akan mula dilaksanakan. Bagaimana pula dengan tabung pusingan bagi membantu usahawan Bumiputera yang menghadapi masalah kewangan.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang bentuk rancangan yang hendak dilaksanakan bagi membantu syarikat-syarikat bukan Bumiputera,

adalah bergantung kepada kajian-kajian yang harus dijalankan dahulu. Kajian-kajian tersebut termasuklah:-

- (i) Sejauh mana berat dan mendasak masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat bukan Bumiputera;
- (ii) Bilangan syarikat bukan Bumiputera dan pinjaman mereka yang belum dibayar dalam industri bank;
- (iii) Sejauh mana ia memberi kesan yang meluas kepada industri bank.

Bagaimanapun sukacita dimaklumkan juga bahawa kerajaan pada masa ini sedang menimbang kemungkinan mengadakan satu tabung yang terbuka untuk semua yang akan dinamakan, dengan izin, "Industrial Adjustment Fund".

Mengenai Tabung Pusingan bagi membantu usahawan bumiputera pula atau yang dikenali dengan nama Tabung pemulihan Usahawan-usahawan, ia sudahpun mula berjalan sekarang. Tabung ini akan mengeluarkan bantuan kepada syarikat/perniagaan bumiputera yang terjejas akibat kemelesetan ekonomi tetapi masih mempunyai potensi dan berdaya maju.

PELABUR TEMPATAN

63. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan tempatan yang baru dari sektor swasta dalam tahun 1986 dan menjelang bulan Mei 1988 berbanding dengan pelaburan asing dalam jangkamasa yang sama. Apakah

amaun yang benar-benar dilaburkan di negara ini. Sungguhpun pelaburan asing yang bertambah adalah baik untuk ekonomi negara, adakah kerajaan pernah memberi pertimbangan kepada ancaman penjajahan ekonomi yang menjadi semakin nyata dengan pertambahan pelaburan asing, terutama sekali dari negara Jepun. Apakah

pendirian kerajaan dalam hal ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Jumlah pelaburan baru dari sumber tempatan bagi tahun 1986, 1987 dan sehingga bulan Mei 1988 berbanding dengan pelaburan asing dalam jangkamasa yang sama adalah seperti berikut:-

	CADANGAN PELABURAN BARU TEMPATAN (JUTA)			CADANGAN PELABURAN BARU ASING (JUTA)		
	Ekuiti	Pinjaman	Jumlah	Ekuiti	Pinjaman	Jumlah
1986	\$1517	\$2732	\$4250	\$221.6	\$247.6	\$469
1987	\$737.5	\$767.56	\$1505	\$595	\$1156.94	\$1752
Mei 1988	\$572.3	\$1576	\$2149	\$450.4	\$455.37	\$905

Berasaskan kepada banciaan tahunan sektor perkilangan yang dijalankan oleh MIDA bagi syarikat-syarikat perkilangan yang berlesen setakat Disember 1986, amaun pelaburan yang benar-benar dilaburkan di negara ini adalah \$24,667 juta. Angka ini tidak termasuk pelaburan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang dikecualikan daripada perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk mengumpul statistik mengenai pelaburan yang dilakukan oleh semua syarikat perkilangan termasuk yang tidak dilesen.

Daripada banciaan yang telah dijalankan adalah didapati lebih kurang 47% dari projek-projek yang telah diluluskan setakat Disember 1986 iaitu 3834 projek, telah dilaksanakan, manakala 38.5% masih lagi dalam peringkat awal pelaksanaan dan bakinya, 14.8% masih belum dilaksanakan.

PEMBUNUHAN PENGANUT AJARAN SESAT

64. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada menyedari perasaan kesal

rakyat Sabah atas tindakan pegawai-pegasai polis menembak kesemua 8 orang penganut-penganut ajaran sesat yang menurut maklumat pihak polis bahawa mereka ini berancang untuk menyerang Pejabat Polis Daerah, sepatutnya:

- (a) pegawai-pegawai ini hanya mencederakan seorang daripada 8 orang yang terbunuh itu untuk membolehkan ianya disoal sia-sat; dan
- (b) pegawai-pegawai polis harus mendapatkan maklumat yang betul daripada penganut-penganut sesat itu agar diketahui:
 - (i) motif serangan mereka;
 - (ii) ketua atau pengasas mereka;
 - (iii) rancangan masa hadapan mereka;
 - (iv) tempat kegiatan atau kubu mereka; dan
 - (v) bilangan ahli mereka selain daripada yang telah terbunuh;

kerana serangan penganut-penganut sesat ini boleh menjejaskan keamanan negeri Sabah amnya, Malaysia keseluruhannya. Jika Menteri menyedari

apakah sasaran dan tindakannya. Jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kerajaan sedar perasaan kurang senang di kalangan rakyat mengenai kejadian tersebut namun kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membentasi serangan ganas itu yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

GANGSTERISME DI SEKOLAH-SEKOLAH

65. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pendidikan menyatakan disebabkan gangsterisme di sekolah semakin meningkat seperti diumumkan olehnya dan pegawai-pegawainya, apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kementerianya selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh pihak Polis untuk membantasi masalah yang tidak sihat ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membantasi masalah tersebut ialah:

- (i) Pengetua serta Guru Besar adalah diberi kuasa di bawah Education (School Discipline) Regulations, 1959 (Peraturan-Peraturan Pelajaran Disiplin Sekolah) 1959, untuk menjalankan Hukuman terhadap murid-murid yang di dapati melanggar disiplin sekolah.
- (ii) Mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara Kementerian, Jabatan Pendidikan, pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain badan yang berkaitan.
- (iii) Memberi khidmat Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah untuk pembentukan dan

peningkatan disiplin di kalangan murid.

- (iv) Mengemukakan tindakan tegas kepada pelajar-pelajar yang didapati terlibat dengan kegiatan gangsterisme. Pihak sekolah telah diberi arahan supaya mengambil berat tentang masalah gangsterisme dengan bertindak lebih berkesan lagi seperti buang sekolah, akan dikenakan ke atas pelajar yang didapati bersalah dan sah menganggotai satu-satu kumpulan haram.
- (v) Untuk mengelakkan pelajar-pelajar dari terlibat dengan kegiatan gangsterisme, pihak sekolah ada menyediakan berbagai kegiatan ko-kurikulum yang dapat mengisi masa lapang pelajar secara berfaedah.
- (vi) Menerbitkan Buku Panduan Disiplin Bagi Pelajar-pelajar yang akan menggariskan perkara-perkara seperti tanggungjawab, bimbingan, kerjaya dan tafsiran mengenai disiplin.

SISTEM SEMESTER

66. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) menerangkan bagaimanakah sistem semester yang dicadangkan akan berfungsi dan bagaimana ia akan dilaksanakan sama ada secara berperingkat-peringkat atau sekali gus;
- (b) disebabkan banyak sekolah-sekolah di negara ini tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi, sama ada Kementerian bercadang membina lebih banyak lagi bilik-bilik darjah untuk menampung sistem semester; dan
- (c) di negara-negara barat khasnya di Amerika Syarikat, sistem semester diikuti dengan sistem unit kredit yang digunakan

untuk menaksir prestasi akademik para pelajar; sama ada sistem yang sama akan dipraktikkan di sini.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sistem semester yang dicadangkan itu terbahagi kepada dua sesi dalam setahun berbanding dengan sistem sekarang yang mempunyai tiga penggal. Sistem semester akan dilaksanakan serentak di seluruh negara.
- (b) Pembinaan bilik darjah bagi menampung keperluan tambahan bilik darjah adalah merupakan suatu usaha yang berterusan yang dijalankan tanpa mengambilkira sama ada sistem penggal atau sistem semester. Kemampuan untuk menyediakan kemudahan bilik darjah adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang ada.
- (c) Tafsiran "semester" kita tidak sama dengan negara-negara lain. Oleh yang demikian sistem penilaian kita tidak semestinya ikut sistem yunit kredit.

TAHANAN ISA DI TEMPAT TAHANAN

67. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa peruntukan tidak disediakan untuk membekalkan kemudahan asas seperti sebuah meja dan kerusi bagi setiap orang tahanan ISA di tempat Tahanan Perlindungan Taiping;
- (b) sama ada Kementerian beliau boleh memperuntukkan peruntukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi orang-orang tahanan ISA di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping; dan

- (c) sama ada beliau boleh memberi arahan-arahan tertentu supaya lawatan keluarga bagi orang-orang tahanan sekali seminggu akan diberi tempoh sejam sekurang-kurangnya dan membenarkan orang tahanan dan keluarganya/saudara mara yang melawatnya untuk duduk bersama dengan mereka tanpa sebarang "partition" seperti mana terdapat sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kemudahan-kemudahan meja dan kerusi yang disediakan di "common room" dalam setiap dormitory selain dari kemudahan-kemudahan TV, surat akhbar dan sebagainya adalah memadai untuk keperluan orang-orang tahanan.
- (b) Kemudahan-kemudahan asas bagi orang tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan memang disediakan dan peruntukan sewajarnya adalah diperbekalkan dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.
- (c) Mengenai lawatan keluarga bagi orang-orang tahanan sekali seminggu, syarat-syarat lawatan ini adalah diberikan secara berpatutan atas budi bicara pihak Pusat Tahanan. Walaupun di bawah peraturan 81 (4) Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-Orang Tahanan) 1960, tempoh masa lawatan adalah tidak melebihi 30 minit, pada amalnya pihak Pusat Tahanan membenarkan masa lawatan yang melebihi had ini. "Partition" adalah perlu untuk memastikan perjumpaan/lawatan berkenaan tidak disalahgunakan bagi tujuan-tujuan atau motif yang tertentu. Walau bagaimanapun, kanak-kanak kecil adalah dibenarkan untuk

uduk bersama dengan orang tahanan tanpa sekatan.

BANJIR DI KUALA LUMPUR

68. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan yang berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah banjir yang makin lama makin buruk di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Kerajaan sedar tentang masalah banjir yang kerap kali berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Melalui Jabatan Parit dan Taliair, Kerajaan telah menyediakan satu pelan Induk Saliran Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1978. Sejak tahun 1978, hingga kini, Jabatan Parit dan Taliair bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang melaksanakan projek-projek tebatan banjir secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan Perparitan Wilayah Persekutuan ini, adalah meliputi komponen-komponen berikut:-

- (i) Komponen Empangan-Empangan

Kerja ini melibatkan pembinaan Empangan Batu dan kerja meninggikan Empangan Genting Kelang untuk tujuan mengawal banjir.

- (ii) Komponen Sungai-sungai Utama

Di bawah komponen ini, kerja yang terlibat ialah penyaluran Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak supaya sungai-sungai tersebut dapat menampung aliran banjir.

- (iii) Komponen Perparitan

Komponen ini berupa pembinaan sistem perparitan utama (trunk drainage system) untuk mencegah kejadian banjir.

Dengan adanya usaha-usaha seperti ini, adalah didapati kejadian banjir yang dikatakan sering berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun berkurangan.

TAHANAN ISA

69. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa **IBRAHIM BIN MAMAT** yang menandatangani bagi pihak Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pernyataan di bawah Seksyen 11 (2) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 bagi orang-orang tahanan ISA yang ditangkap di bawah Operasi Lalang pada penghujung tahun 1987 ditukar dengan serta merta dari Kementerian Dalam Negeri ke Jabatan Perdana Menteri sebaik sahaja Ahli Parlimen Jelutung Y. B. Encik Karpal Singh, memasukkan permohonan pertama habeas corpusnya di Mahkamah Tinggi Ipoh; dan adakah pertukaran berliu itu adalah kerana beliau melakukan sesuatu dalam kes orang-orang tahanan ISA yang beliau tidak berhak berbuat demikian dari sisi undang-undang, iaitu menandatangani pernyataan di bawah Seksyen 11(2)(b) yang sepatutnya harus ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pertukaran Encik Ibrahim bin Mamat adalah dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berasaskan kepada norma perkhidmatan yang biasa dan ianya tiada kena mengena dengan kes-kes tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri.

TAHANAN ISA

70. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa orang-orang tahanan ISA yang dikatakan telah melakukan kesalahan-kesalahan bersabit dengan pemalsuan kad-kad pengenalan, paspot Malaysia

dan lain-lain kesalahan yang melibatkan kad-kad pengenalan dan paspot Malaysia yang kini ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping dan lain-lain tempat tahanan Perlindungan Taiping dan lain-lain tempat tahanan tidak didakwa di mahkamah kerana kesalahan-kesalahan mereka merupakan kesalahan jenayah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang melakukan kesalahan-kesalahan bersabit dengan pemalsuan Kad Pengenalan dan Paspot Malaysia ditahan kerana telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara. Mengikut kehendak undang-undang, mereka tidak perlu dihadapkan ke mahkamah dan dibicarakan. Sekiranya mereka hendak dibicarakan di mahkamah maka mereka tidak perlu dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh membuat representasi kepada Lembaga Penasihat mengenai kesnya. Disamping itu Lembaga Penasihat juga akan mengkaji semula setiap kes tidak lewat dari setiap 6 bulan.

KAD PENGENALAN PALSU

71. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pemegang-pemegang Kad Pengenalan palsu biru dan merah yang telah dapat dikesan;
- (b) pemegang-pemegang Paspot Antarabangsa palsu yang telah dapat dikesan; dan
- (c) apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah dan sedang dijalankan ke atas pemegang-pemegang dan berokar-berokar pengeluar-penge-

luar kad-kad dan paspot-paspot palsu yang tersebut.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah pemegang-pemegang kad pengenalan palsu (biru dan merah) yang telah dapat dikesan ialah 48 kes, 36 kad pengenalan merah dan 12 kad pengenalan biru.
- (b) Jumlah pemegang-pemegang pasport Antarabangsa palsu ialah 67 kes (3 kes pasport palsu) (64 kes pemalsuan pasport).
- (c) Bagi kes-kes seumpama ini Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak Polis telah dan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengesan dan membanteras terhadap kegiatan-kegiatan tersebut. Manamana yang didapati bersabit dengan kesalahan ini akan didakwa kemuka pengadilan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG MEM-
BAHARUI UNDANG-UNDANG
(PENGHAPUSAN SAMSU GELAP)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
(PEMERBADANAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga

Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$304,722,860 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$304,722,860 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek- Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1988 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam

ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis (27hb. Jun, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya menjemput Yang Berhormat menyambung perbahasan, suka saya menyatakan bahawa saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab pada pukul 4.00 petang. Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.40 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang dipohon oleh Menteri Kewangan.

Seperti diterangkan dalam Laporan Bank Negara harga-harga eksport utama telah meningkat dan telahpun mendorong kadar pertumbuhan ekonomi negara ketingkat yang lebih tinggi. Pada tahun 1987 kadarnya sebanyak 4.7% sudahpun dicapai.

Di samping mengucapkan syabas atas prestasi ekonomi kita, saya ingin menggesa Kerajaan supaya berusaha lebih kuat lagi untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta dengan tujuan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya sebanyak 7% hingga 8% pada dua tiga tahun yang akan datang.

Saya sedar bahawa pemimpin-pemimpin politik kita memang berikhtihar bersungguh-sungguh untuk memujuk pelabur menanam modal mereka di negara kita. Saya juga sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan, terutama sekali pegawai-pegawai yang seringkali

berdamping rapat dengan pemimpin-pemimpin politik, juga mempunyai keazaman yang sama untuk menambah tahap pelaburan dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan, terutama sekali bagi penganggur-penganggur. Tetapi malangnya dengan izin, "this sense of urgency" untuk menyegerakan pemulihan ekonomi kita masih belum, dengan izin, "filter down" kesemua sudut dan lapisan birokrasi kita. Oleh yang demikian, bukan semua pelabur yang berminat dan serius dapat dilayan dengan sempurna oleh kakitangan Kerajaan.

Pelabur-pelabur cuma dapat berjumpa dengan Menteri dan Ketua Jabatan sekali dua sahaja untuk menguruskan projek-projek mereka dengan terperinci. Mereka terpaksa bergantung kepada kakitangan biasa terutama sekali kerani dan pegawai yang memberi perkhidmatan di belakang kaunter-kaunter. Akhir sekali, kakitangan Kerajaan biasalah yang mempengaruhi keputusan pelabur sama ada meneruskan atau membatalkan rancangan pelaburan mereka.

Ingin saya, Tuan Yang di-Pertua, menyeru kepada Ketua Setiausaha Negara dan juga kepada Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri untuk bertindak mengatasi masalah ini dengan segera dan menentukan bahawa, dengan izin, "message" dan dengan izin, "sense of urgency" Kerajaan Malaysia disampaikan kepada semua anggota Kerajaan di semua peringkat, baik pun peringkat Persekutuan mahupun peringkat Negeri dan Tempatan.

Sekiranya kakitangan Kerajaan tidak melayan pelabur-pelabur seperti layanan yang diberi oleh kakitangan swasta terhadap pelanggan-pelanggan mereka,

negara kita tidak akan berjaya menarik jumlah pelaburan yang diharapkan.

Sekarang ingin saya menyentuh sedikit tentang perkara kawasan. Saya merasa sedikit kesal kerana projek Jambatan Batu Kawan tidak dimasukkan di dalam Perbelanjaan Tambahan bagi Kementerian Kerjaraya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beratus-ratus orang tempatan pergi dan balik antara Batu Kawan dan Bukit Tambun dengan menggunakan feri kecil dan buruk. Yang paling membimbangkan ialah kanak-kanak sekolah dari pulau yang terpaksa menaiki feri untuk belajar di sekolah-sekolah rendah di tanah besar. Bukan sahaja ibu-bapa yang bimbang tetapi kanak-kanak sekolah sendiri bimbang juga kerana mereka telah mendengar trajedi Bandar Baharu yang berlaku pada masa yang lalu.

Mereka berharap Kerajaan tidak akan menunggu sehingga trajedi itu berulang dan nyawa budak-budak sekolah terkorban apabila feri tenggelam sebelum jambatan baru dibina.

Saya faham bahawa projek jambatan Batu Kawan ini telah diluluskan pada tahun 1982 tetapi perlaksanaannya telah ditangguhkan kerana kemelesetan ekonomi.

Memandangkan bahawa ekonomi kita telah pulih dan kedudukan kewangan Kerajaan sedang bertambah kuat, saya menyeru kepada Menteri Kewangan supaya mengkaji semula projek ini dan mengarahkan projek jambatan Batu Kawan dilaksanakan dengan segeranya. Di atas pertimbangan Menteri Kewangan, saya bagi pihak beribu-ribu penduduk Batu Kawan dan Bukit Tambun, terutama sekali kanak-

kanak sekolah mengucapkan jutaan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.47 ptg

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan telah diminta untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$304,722,860. Dan dalam Kertas Perintah 23A/1988 telah dipecahkan bahawa peruntukan ekonomi ialah sebanyak 42.8%, peruntukan sosial sebanyak 55.5% manakala Pentadbiran Am 1.7%.

Tetapi kalau kita memperincikan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan ini, nyata sekalilah peruntukan tambahan ini diperlukan untuk projek-projek tertentu iaitu bertompok-tompok bagi kawasan-kawasan tertentu. Dalam hubungan ini saya ingin bertanya pihak Kementerian Kewangan, sejauh manakah projek-projek yang berkenaan ini, terutamanya ekonomi dan sosial boleh membawa ke arah pertumbuhan sosio-ekonomi secara langsung kepada rakyat, terutama dari segi bidang pendapatan rakyat di kawasan-kawasan projek berkenaan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa negara kita sekarang sudahpun mencapai pertumbuhan eko-

nomi walaupun perlahan akibat daripada kenaikan harga bahan-bahan mentah di luar negeri, terutamanya getah dan kelapa sawit. Pertumbuhan ini dari sudut kaca mata ekonomi, ianya merupakan external growth, dengan izin, sudah barang tentu ianya memberi faedah yang besar kepada negara kita, kerana kita bergantung kuat kepada pertumbuhan ekonomi yang berasaskan kepada kenaikan bahan-bahan mentah kita di pasaran dunia antarabangsa.

Tetapi kita juga bimbang dengan ramalan-ramalan di peringkat antarabangsa pada masa ini bahawa pada tahun-tahun yang akan datang, akan berlaku lagi masalah kemelesetan ekonomi dunia. Ertinya bahan-bahan mentah kita termasuk kelapa sawit dan getah, apakah ianya dapat bertahan dengan harga yang ada di paras yang begitu baik sekarang ini untuk tahun-tahun akan datang. Kalaulah harga-harga ini jatuh, bererti sekali lagi kita akan turut terjejas.

Saya ingin menyarankan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara kita haruslah diberi perhatian kepada perancangan pertumbuhan ekonomi dalam negeri selain daripada kita bergantung kepada kenaikan harga bahan-bahan mentah dari luar. Kita lihat negara-negara Asia yang lain yang ekonominya bertumbuh dengan baik sebelum daripada kita walaupun mereka menghadapi kemelesetan ekonomi dunia seperti negara kita, seperti negara Thai, Singapura dan sebagainya, ialah kerana perancangan ekonomi yang baik di dalam negeri, terutamanya di dalam membuat pilihan-pilihan projek, bukan sahaja projek-projek itu mendapat kejayaan tetapi juga tidak menghadapi kerugian-kerugian yang besar, yang pernah kita

alami terhadap beberapa program dan projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Maka sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri ataupun ringkasnya ICU walaupun duduk di bawah satu bumbung Jabatan Perdana Menteri, sudah sampainya ditimbang supaya kedua-dua unit ini dicantumkan di bawah satu Jabatan supaya perancangan dan pelaksanaan sentiasa tidak akan berselisih dalam membuat pilihan-pilihan bagi melaksanakan projek-projek tertentu. Saya difahamkan kadang-kadang timbul masalah perancang ekonomi dengan pihak pelaksanaan, sebab itulah kita lihat adanya projek-projek kita mengalami kegagalan bukan sahaja dari segi bentuk projek tetapi juga dari segi pilihan 'priority' projek-projek dan juga kawasan-kawasan yang harus diutamakan.

Saya tidak tahu sama ada sampai hari ini berapa banyak kita menggunakan pakar-pakar daripada luar negeri ataupun kita bergantung semata-mata kepada pakar-pakar kita dalam negeri, tetapi saranan kita ialah bahawa mulai daripada sekarang kita berharap perancangan ekonomi haruslah dibuat dengan baik, teliti dan cermat supaya pengalaman-pengalaman lalu tidak akan berulang lagi kerana jika ini dapat kita awasi perancangan yang baik dalam negeri dalam menyusun program ekonomi kita sudah barang tentu ianya boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh daripada apa yang kita nikmati sekarang di mana tidak semata-mata kita bergantung kepada kenaikan barang-barang mentah kita di pasaran antarabangsa. Perancangan yang baik ini juga

sekaligus kita harap dapat mengembangkan lagi peluang-peluang pekerjaan.

Walaupun banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran, tetapi satu perkara yang nyata masalah pengangguran masih lagi menjadi masalah yang serius. Bilangan yang ada di kalangan siswazah-siswazah menganggur makin meningkat walaupun berbagai agensi dan Kementerian telah mengadakan skimnya masing-masing, begitu juga pihak swasta, tetapi kita dapati ianya tidak dapat menyelesaikan kadar pertumbuhan pengangguran yang begitu tinggi di negara kita sekarang ini. Memang pada prinsipnya kita bersetuju kerana kita berpendapat bahawa siswazah-siswazah yang menganggur harus mempunyai sikap yang berdikari, bukan lagi bergantung pekerjaan kepada pihak Kerajaan semata-mata. Kita mendorong ke arah falsafah 'self-reliance', dengan izin, supaya siswazah-siswazah ini turut serta dalam membangunkan negara dalam bentuk dan konsep berdikari, tidak semata-mata bergantung kepada pekerjaan Kerajaan ataupun makan gaji, tetapi kita harus juga ingat bahawa menyediakan pekerjaan kepada rakyat negara ini adalah juga tanggungjawab Kerajaan. Tanggungjawab kita sebagai pemerintah untuk menentukan bahawa setiap siswazah ataupun pemuda dan wanita negara kita mendapat peluang pekerjaan yang sebaik mungkin. Pendek kata, walau apapun usaha yang telah dibuat kalau kadar pertumbuhan pengangguran yang sudah mencapai ke peringkat yang agak mencemaskan, ianya memerlukan tindakan Kerajaan yang lebih serius daripada usaha-usaha yang telahpun dilaksanakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengangguran yang saya sebutkan tadi boleh membawa kepada masalah sosial yang besar kepada negara kita pada masa akan datang. Dahulu kita dengar yang tidak ada pekerjaan ialah di kalangan mereka yang tidak berkelulusan, tetapi hari ini yang pulang daripada Amerika Syarikat tidak sedikit dengan degree M.A. dan Ph.Dnya, daripada United Kingdom, Australia dan USA, tidak termasuk siswazah-siswazah daripada dalam negeri kita. Berapa banyak siswazah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang merupakan universiti yang kita agung-agungkan selama ini banyak di kalangan siswazah-siswazah lulusan universiti ini tidak diberi peluang ataupun tidak mendapat pekerjaan yang sewajarnya. Sehingga ke peringkat saya diberitahu baru-baru ini sudah ada di kalangan siswazah beberapa orang sudahpun diserang penyakit jiwa ataupun penyakit yang boleh memudaratkan mereka yang berkenaan sehingga yang tidak dapat pekerjaan sesudah keluar universiti beberapa tahun, sudahpun memasuki hospital dan ada yang cuba membuat percubaan membunuh diri oleh kerana tidak ada pekerjaan.

Jadi, masalah pengangguran ini harus dijadikan satu isu yang terpenting dalam kita merencanakan apa juga program bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Tidak ada erti nanti kita belanja wang berjuta-juta ringgit tetapi projek yang kita jalankan itu hanya boleh menampung sebilangan kecil sahaja rakyat negara kita mendapat kerja selain daripada beberapa orang ataupun mereka yang tertentu mendapat faedah yang langsung daripada projek ekonomi tersebut. Bagi kita, kita berpuas hati, rakyat akan berpuas hati, jika ada projek-projek yang kita jalankan walaupun secara

langsung tidak memberi manfaat dari segi pertumbuhan ekonomi, tetapi ianya memberi peluang pekerjaan kepada siswazah-siswazah dan juga mereka yang berkelulusan mendapat pekerjaan, ianya satu perkara yang saya kira memberi faedah yang besar kepada negara kita dan juga boleh membawa dan menambahkan lagi kestabilan politik negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara pokok yang saya kira ingin sampaikan dalam usul Anggaran Belanjawan Tambahan ini dan menyentuh sedikit tentang kawasan saya di Pasir Mas, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih saya kepada pihak Kerajaan dan Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Kerjaya yang telahpun memulakan kerja-kerja bagi pembinaan jambatan Salor dan Pasir Mas. Di Dewan yang mulia ini dahulu saya membangkitkan perkara ini berkali-kali dan akhirnya tender sudahpun dikeluarkan dan pihak kontraktor telahpun dilantik dan memberi peluang pula kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan inilah sikap dan pendirian saya, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana lazim saya katakan yang baik tetap saya sokong yang saya kira perlu diberi teguran dan kritikan akan terus saya laksanakan sebagai tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya ingin merujuk khusus mengenai dengan P.56 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di peringkat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar peruntukan telah dipohon sepertimana yang tercatat dalam Kertas Perintah 23A ini saya berharap ianya diberi

tumpuan yang lebih kepada kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukan pertolongan daripada Kerajaan. Bererti peruntukan-peruntukan itu seperti saya sebut dalam Ucapan Belanjawan yang lalu haruslah diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang benar-benar mundur ataupun sekurang-kurangnya diberi sama rata.

Kalaulah peruntukan sebanyak yang diperuntukkan seperti di bawah butiran 02300 sebanyak \$20,080,000 itu, kita dapati nanti daripada senarai hanya kawasan-kawasan tertentu, maka kawasan-kawasan yang dipilih itu pula jikalau kita lihat dari segi priority, ianya mementingkan kawasan-kawasan yang sudahpun mendapat faedah sebelum ini, saya kira ianya tidak wajar. Saya menyeru kepada Kerajaan di atas konsep bersih, cekap dan amanah, kita jangan mengira soal warna dan ideology politik. Selagi mana ada kawasan-kawasan di luar bandar ataupun di mana-mana sahaja kawasan yang seharusnya menjadi tanggungjawab kita, kawasan-kawasan itu perlu diberi perhatian. Kawasan saya di Pasir Mas dari segi projek-projek kecil, dari segi kenaikan taraf jalan kampung dan juga membaiki jalan-jalan kampung, menerima jumlah yang agak kecil kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Saya hendak gulung ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau hendak gulung, boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, oleh kerana itu saya berharaplah kepada pihak Kementerian Kewangan, di negeri Kelantan khususnya di kawasan-kawasan pendalaman haruslah, bukan sahaja "harus", bagi pandangan saya "wajib" diberi pertolongan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, bila orang kampung datang ke Kuala Lumpur melihat jejambat yang cantik, melihat Jambatan Pulau Pinang yang indah, bangunan mencakar langit yang begitu cantik, sehingga di jalan pun boleh orang tidur, meleleh airliur orang kampung melihatnya, tetapi mereka masih berjalan di atas becak-becak, anak-anak hendak ke sekolah, ibu bapa yang hendak berniaga masih lagi berjalan dalam keadaan di setengah-setengah kampung seperti sebelum kita mencapai kemerdekaan. Selagi mana kawasan-kawasan ini tidak membangun dan tidak menikmati pembangunan yang sewajarnya, selagi itu kita tidak boleh 'claim', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita sudah berjaya dalam melaksanakan tuntutan memenuhi kemerdekaan daripada penjajah dahulu.

Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Tambahan Pertama 1988. Saya akan cuba setakat mana yang saya boleh untuk menjawab ataupun menggulung beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan jika sekiranya jawapan saya ataupun golongan saya ini tidak begitu memuaskan, kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengikuti jawapan ini melalui tulisan ataupun surat-surat tertentu untuk diberi jawapan yang lebih terperinci.

Saya ingin memulakan dengan membangkitkan ataupun menjawab sedikit sebanyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah menyatakan bahawa beliau rasa sedih sedikit kerana peruntukan tambahan bagi mengawal banjir kilat yang berlaku di kawasan Kuala Lumpur setiap kali hujan lebat, kerana terdapat tidak cukup peruntukan untuk projek-projek tersebut. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan telahpun mengambil pandangan yang berat mengenai masalah banjir yang dihadapi di kawasan-kawasan ibu kota Kuala Lumpur. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, satu rancangan jangka panjang telahpun disediakan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair di mana anggarran kos projek iaitu lebihkurang \$385.5 juta telahpun dianggarkan. Satu Master Plan mengatasi banjir di kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan telahpun dimulakan sejak tahun 1978 lagi dan perbelanjaan sebanyak \$141,885,000 telahpun dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1986/1987 dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Untuk makluman Yang Berhormat, dua rancangan telahpun dilaksanakan iaitu Rancangan Tebatan Banjir Kuala

Lumpur dan Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan. Tindakan untuk mengatasi banjir ataupun masalah banjir kilat tidaklah boleh diatasi secara *ad hoc* tetapi perlulah dilakukan sebagai satu sistem secara keseluruhannya. Oleh itu masalah banjir kilat hanya dapat diatasi secara sistematik dengan melaksanakan projek-projek tertentu.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dari segi ini pihak Jabatan Parit dan Taliair telah dan sedang melaksanakan projek-projek yang telahpun banyak dapat mengatasi ataupun mengurangkan masalah banjir yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kerajaan akan menentukan bahawa peruntukan yang secukupnya dapat disediakan.

Tuan Lee Lam Thy: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta maaf, saya habiskan dahulu.

Tuan Lee Lam Thy: Bolehkah saya mendapat penjelasan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta maaf, saya habiskan sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kerajaan akan menentukan bahawa peruntukan yang secukupnya dapat disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan juga di bawah Rancangan Malaysia Keenam nanti untuk menentukan bahawa masalah

banjir di kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan dapat diatasi. Silakan.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sejumlah \$385.5 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair untuk melaksanakan satu rancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ini dihargai, tetapi suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa peruntukan untuk tahun 1988 yang diperuntukkan untuk Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kementerian Pertanian pun telah dikurangkan dan oleh yang demikian ini telah menjejaskan kerja yang dapat dilaksanakan oleh JPT. Di sini apa yang saya hendak bertanya sama, ada Kementerian Kewangan yang berkenaan bercadang, misalnya, untuk mengadakan satu peruntukan khas ditujukan untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur yang dapat digunakan pada tahun ini, memandangkan bahawa untuk mengatasi masalah ini bukanlah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh ringkaskan? Cuba ringkaskan.

Tuan Lee Lam Thye: Ini bukanlah melibatkan JPT sahaja tetapi ini juga melibatkan pihak Dewan Bandaraya, untuk meningkatkan sistem perparitan di seluruh bandaraya ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu bolehlah

diberi perhatian, tetapi saya tidak bertujuan memberi jawapan yang khusus pada ketika ini. Walaubagaimanapun saya akan bawa masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat kepada Kementerian saya dan juga dengan kerjasama beberapa Kementerian yang lain. Tetapi seperti yang saya telah katakan tadi satu bilangan wang yang besar telahpun diperuntukan untuk menyelesaikan, kalau tidak semua, sebahagian daripada masalah banjir di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat mesti faham juga bahawa masalah banjir bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur tetapi juga sepertimana dinyatakan dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain masalah banjir telah berlaku di kawasan luar bandar yang juga memerlukan pandangan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Mengenai masalah perumahan di Kuala Lumpur yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya berharap masalah ini dapat dijawab dengan lebih lanjut apabila Jabatan Perdana Menteri membincangkan butiran-butiran yang lebih spesifik semasa kita membincangkannya dalam Jawatankuasa nanti.

Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin dari Padang Terap telah membangkitkan mengenai peruntukan sebanyak \$6 juta di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butir-butir projek untuk peruntukan \$6 juta itu adalah seperti disenaraikan di mukasurat 13 Kertas Perintah 23A Tahun 1988.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap ialah mengenai landasan kapal-terbang di Kuala Lumpur untuk pesawat B.747-400. Untuk makluman Yang

Berhormat, pada masa ini landasan kapal terbang ataupun International Airport di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan juga Johor Bahru adalah mencukupi untuk mengendalikan pesawat-pesawat Jumbo seperti DC-10, Boeing 747-200 dan B.747-300. Walau bagaimanapun, MAS akan memperoleh sebuah pesawat baru jenis Boeing 747-400 untuk perkhidmatan awal pada tahun 1989. Pesawat baru ini berkemampuan terbang terus daripada Kuala Lumpur ke destinasi-destinasi di Eropah seperti London, Paris, Frankfurt tetapi ia memerlukan landasan sepanjang 3,775 meter dan landasan di Kuala Lumpur adalah sepanjang 3,475 meter sahaja. Sekiranya landasan ini tidak dipanjangkan, pesawat ini masih boleh dikendalikan di Kuala Lumpur tetapi ia perlu membuat 'stop-over', dengan izin, di pertengahan perjalanannya ke destinasi-destinasi yang telah disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah membangkitkan berkenaan dengan masalah banjir yang meminta supaya Jabatan Parit dan Taliair memberi keutamaan dengan mengadakan projek-projek bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan luar bandar seperti di kawasan Sungai Krian dan Kulim-Bandar Baru supaya selaras dengan dasar Kerajaan untuk menolong golongan yang miskin. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengamalah memandangkan berat mengenai masalah banjir di kawasan-kawasan bandar dan juga di kawasan-kawasan luar bandar supaya masalah banjir tidak akan memusnahkan hasil-hasil pertanian yang telahpun diusahakan oleh petani-petani. Oleh kerana itulah peruntukan ada disediakan di bawah Jabatan Parit dan Taliair untuk mengatasi banjir bukan sahaja di bandar-bandar tertentu yang mengalami masalah banjir tetapi juga di kawasan-kawasan pertanian seperti

yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Kerajaan akan menentukan supaya peruntukan yang secukupnya akan disediakan supaya masalah banjir dapat diatasi. Keutamaan akan diberi bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan pertanian di luar bandar supaya masalah itu tidak akan membebankan dan merugikan kaum-kaum tani tetapi sayugia diingat kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini sekali gus tetapi Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan daripada satu masa ke satu masa.

Ahli Yang Berhormat juga telahpun bertanya berkenaan dengan apakah akan terjadi kepada tapak Universiti Utara Malaysia di Tanah Merah apabila tapak ini dipindahkan ke Sintok. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang dan akan mencancang pembinaannya apabila pihak UUM berpindah ke Sintok kelak.

Mengenai masalah Pulau Layang-layang yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap juga dan bertanya mengapakah Pulau Layang-layang yang hanya mempunyai beberapa orang askar yang menduduki kawasan itu telahpun diberi jumlah peruntukan yang begitu tinggi sebanyak \$5.3 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi projek Pulau Layang-layang ini ialah \$7 juta. Peruntukan bagi projek ini disediakan melalui Waran Pendahuluan Kumpulanwang Luar Jangka sebanyak \$5.3 juta dan tambahannya lagi \$1.6 juta yang diperlukan akan diperuntukkan melalui pindahan antara butiran di bawah Maksud Pembangunan Jabatan Perdana Menteri nanti.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara ringkas tadi saya katakan bahawa wang sebanyak itu akan digunakan untuk beberapa projek ataupun beberapa aktiviti di Pulau Layang-layang seperti pembinaan jeti, dengan izin, accomodation module termasuk kos sewerage treatment plant, pembinaan 8 unit beacons ataupun lampu, sebuah radio beacon bagi membantu bot-bot dan juga pesawat-pesawat udara untuk membantu mereka mengesan kedudukan Terumbu Layang-layang terutama di waktu cuaca buruk, untuk membina satu diesel storage tank dengan keupayaan menyimpan 10,000 gelen minyak untuk menampung keperluan TUDM dan juga keperluan pihak-pihak yang lain dan pembelian 5 tan mobile crane dan berbagai-bagai lagi yang perlu untuk Terumbu Layang-layang tersebut yang memakan belanja lebih kurang /5.3 juta yang telahpun dipohonkan daripada \$7 juta yang telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Yang Berhormat dari Padang Terap juga telahpun sekali lagi membangkitkan berkenaan dengan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam yang telah mengisytiharkan bahawa Kementerian Perusahaan Awam tidak lagi akan memberikan pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan beliau menyoal adakah melalui Usul ini merupakan satu perubahan dasar Kementerian tersebut. Saya telahpun difahamkan bahawa Kementerian tersebut tidak ada membuat kenyataan sedemikian. Walau bagaimanapun, Kementerian pernah menegaskan bahawa usaha-usaha mengurangkan pergantungan kepada sumbangan kewangan Kerajaan Persekutuan perlu diberi perhatian oleh agensi-agensi itu. Penambahan perbelanjaan pembangunan yang pertama 1988 ini adalah perlu untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi tujuan mengatasi kemelesetan yang sedang

dialami oleh negara-negara pada masa ini.

Seterusnya Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah membangkitkan berkenaan dengan akaun-akaun akan terima ataupun 'receivable' di antara Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal ini tidak timbul langsung dan tidak berbangkit. Tidak ada sebarang aktiviti yang melibatkan akaun-akaun akan terima atau 'receivable' antara PKEN-PKEN dan Kementerian.

Yang Berhormat itu seterusnya membangkitkan berkenaan dengan nilai hutang-hutang lapuk yang telahpun ditentukan oleh Kementerian untuk dihapuskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kalaulah hutang-hutang lapuk yang dimaksudkan ialah pinjaman Kerajaan Persekutuan yang telahpun dikeluarkan kepada PKEN-PKEN, setakat ini belum ada lagi yang telahpun dihapuskan.

Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah meminta supaya Kementerian mengkaji sumbangan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, walaupun Perbadanan ini menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang boleh membangunkan rumah, pembangunan bandar dan sebagainya, tetapi perlu diberi pertimbangan supaya ia tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk memberi lebih peluang kepada perniagaan kepada kaum bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kuala Kerai, Kementerian memang sedar usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak PKEN-PKEN dalam pelbagai aktiviti perniagaan, mungkin menimbulkan persaingan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pihak swasta terutamanya bumiputera. Tetapi adalah dijelas-

kan dalam konteks ini aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PKEN-PKEN adalah berjenis di mana usahawan-usahawan bumiputera tidak berkeupayaan melaksananya baik dari segi kemahiran mahupun kewangan.

Aktiviti-aktiviti PKEN merupakan penggerak sahaja dan penambah kepada penumpuan-penumpuan sektor perniagaan, khususnya bumiputera dan bertindak di bawah konsep payung bagi memberi peluang kepada usahawan-usahawan bumiputera melaksanakan projek-projek, terutamanya dalam suasana kemelesetan ekonomi.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kuala Kerai juga telahpun menimbulkan mengenai masalah tanah projek penyiaran di Kuala Kerai yang tidak digunakan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat tanah penyiaran di Kuala Kerai dibeli untuk siaran radio melalui gelombang sederhana (medium waves). Dengan penekanan kepada siaran FM, tapak di Kuala Kerai tidak diperlukan lagi, ianya akan digunakan untuk tujuan pembangunan projek-projek penyiaran yang lain.

Mengenai masalah penduduk Kuala Kerai yang tidak dapat menikmati mutu siaran TV dan radio yang baik harus dinyatakan di sini bahawa aduan tersebut adalah kurang tepat sedikit. Stesen pemancar di Bukit Bakar dibina khas untuk mempertingkatkan mutu siaran TV dan radio kepada kawasan Kuala Kerai dan kawasan-kawasan sekeliling dengannya. Setakat ini stesen ini sedang menyiarkan siaran TV mulai tahun 1970 lagi. Stesen yang sama juga menyiarkan siaran FM radio semenjak tahun 1985.

Mengikut kajian Kementerian Penerangan mutu siaran TV dan radio di kawasan ini adalah baik. Walau bagaimanapun untuk memuaskan hati

Yang Berhormat, Kementerian akan menyiasat hal ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Kerai juga membangkitkan masalah kematian di dalam kebakaran oleh beberapa sebab seperti pintunya terkunci, jalan keluar tidak memuaskan dan permintaan untuk meminta nasihat dan sebagainya daripada Jabatan Bomba dan Penguasa-penguasa Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat sukalah dimaklumkan bahawa untuk seseorang itu mengadakan sesebuah bangunan, pelan-pelan, bangunan baru dirujuk kepada Jabatan Bomba untuk mendapat nasihat dan kelulusan. Kelulusan juga dikehendaki daripada Jabatan Bomba sebelum sesuatu bangunan dibenarkan diduduki.

Mengenai kematian sukalah dimaklumkan, semua kejadian kematian kebakaran adalah disebabkan oleh bangunan lama yang dibina sebelum peraturan-peraturan keselamatan dikuatkuasakan.

Jabatan Bomba menjalankan kempen sepanjang tahun untuk menyedarkan orang ramai terhadap bahayanya kebakaran dan juga tiadanya tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan kebakaran dan menyelamatkan diri daripada berlakunya kebakaran. Mungkin Yang Berhormat telah mengetahui bahawa standard atau piawai yang telah ditetapkan oleh Bomba ketika ini amatlah tinggi dan setaraf dengan standard yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat dari Kepong telahpun membangkitkan mengenai setengah-setengah negeri yang tidak dapat membayar balik Kerajaan Persekutuan dengan tepat dan ada tunggakan berjuta-juta ringgit. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian memang sentiasa meneliti permo-

honan-permohonan pinjaman PKEN-PKEN dengan Kerajaan Persekutuan dan projek-projek yang diluluskan pinjaman mestilah viable, dengan izin dan berupaya membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kepong juga yang telahpun menyokong Peruntukan Tambahan ini diberi kepada projek meningkatkan jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung dan mengharapkan supaya infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar diperbaiki lagi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong atas sokongan yang telah diberi oleh Yang Berhormat mengenai Peruntukan Tambahan yang dipohon untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung dan juga jalan-jalan di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan infrastruktur yang cukup ataupun yang secukupnya di kawasan-kawasan luar bandar yang dapat dinikmati oleh sekalian rakyat di kawalan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Kerajaan memanglah mengadakan syarat-syarat dan prosedur-prosedur yang tertentu dan yang ketat mengenai pengurangan ataupun peruntukan yang menentukan supaya segala yang telah diperuntukkan itu oleh Kerajaan dapat dibelanjakan dengan cermat untuk mengelakkan penyelewengan berlaku.

Sistem Kawalan Perbelanjaan adalah sentiasa dikemaskinikan dan dinilai supaya segala Sistem Kawalan Perbelanjaan Kerajaan adalah sesuai dan berkesan.

Yang Berhormat dari Kepong terus membangkitkan mengenai tuduhan rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan dan pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Beliau mencadangkan supaya kakitangan dan pegawai ini dilatih dengan cara-cara yang lebih berkesan supaya lebih cekap dan amanah.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia sedar bahawa banyak tuduhan-tuduhan dan tohmahan-tohmahan mengenai rasuah dan penyelewengan dilemparkan kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Jabatan Kastam.

Cadangan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan dilatih dengan cara-cara yang lebih berkesan supaya lebih cekap dan amanah telah menjadi amalan pihak Kastam. Dalam usaha mewujudkan kakitangan yang cekap dan amanah, Jabatan telahpun dan sedang melaksanakan berbagai-bagai program di antaranya ialah pelaksanaan konsep KSA (Knowledge, Skill and Ability). Sebagai satu program kemajuan kerjaya pegawai dalam Jabatan, pelaksanaan konsep KSA meluputi aktiviti memilih, menempat dan melatih pegawai-pegawai dan kakitangan secara terancang yang bertujuan membekalkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan tertentu pada tahap-tahap yang diperlukan sesuai dengan aktiviti mereka, sesuai dengan tugas dan kepentingan serta taraf jawatan yang dipegang oleh mereka.

Bagi menentukan kecemerlangan pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas, Jabatan telahpun menetapkan dua tahap KSA yang mesti dicapai oleh kakitangan. Tahap-tahap KSA ini dianggap sebagai, dengan izin, "Job Position Classification" bagi jawatan yang disandang oleh seseorang pegawai dan tahap-tahap tersebut ialah:

- (i) syarat masuk (entry performance). Tahap yang merupakan syarat masuk seseorang pegawai ke sesuatu unit, cawangan ataupun bahagian. Bagi menca-

pai tahap ini pegawai ataupun kakitangan diberi latihan khas di Maktab Latihan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia di Melaka.

- (ii) tahap yang terlebih tinggi, full performance, dengan izin, tahap full performance ini adalah merupakan suatu tahap yang tinggi, yang mesti dicapai oleh seseorang pegawai dalam tempoh tertentu perkhidmatan mereka.

Untuk mencapai tahap ini latihan berterusan di tempat kerja diatur dan dilaksanakan secara terancang. Tanggungjawab melatih diberi kepada pegawai-pegawai penyelia. Pelaksanaan konsep ini telahpun dijalankan di unit khas pemeriksaan penompang di seluruh negara berdasarkan maklum balas yang diterima ia telahpun dapat meningkatkan prestasi-prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan dan pelaksanaan konsep ini akan dijalankan di lain-lain cawangan dan bahagian.

Latihan untuk perubahan sikap pegawai dan kakitangan Jabatan telahpun dijalankan dan diwujudkan perubahan sikap sedikit sebanyak. Kandungan latihan termasuklah seminar, bengkel dan lain-lain lebih-lebih lagi ditumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (a) Memberi dan meningkatkan lagi aspek knowledge dan skill, dengan izin;
- (b) Penerapan nilai-nilai murni dan rohani; dan
- (c) Etika perkhidmatan jabatan iaitu Amanah, Berkhidmat, Ikhlas, Dedikasi ataupun ABID.

Kesimpulannya dengan adanya program latihan yang sistematik tahap knowledge, skill dan ability yang tinggi serta perubahan sikap pegawai dan kakitangan, Jabatan telah dapat

mengurangkan tohmahan dan tuduhan daripada pihak-pihak berkenaan.

Walau bagaimanapun Jabatan akan terus menjalankan usaha-usaha untuk menentukan ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan ataupun membasmi kalau boleh segala nilai-nilai tidak baik yang terdapat dalam perkhidmatan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, dengan adanya unit dan maktab dan KSA yang tersebut, adakah Kerajaan masih menghantar setengah-setengah kakitangan Kastam keluar negeri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kalau soalan itu umum, saya pun cuba jawab secara umum. Secara umum Kerajaan ada menghantar pegawai-pegawai Kastam keluar negeri tetapi mempunyai tujuan-tujuan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Petani telahpun membangkitkan mengenai masalah pasar yang didirikan oleh penguasa-penguasa tempatan, yang dikatanya jauh dari tempat stesen bas dan susah bagi orang ramai hendak pergi ke tempat tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sukalah dimaklumkan bahawa sebelum sesuatu pasar itu didirikan, aspek-aspek daripada segi lokasi, kesesuaian dan sebagainya terlebih dahulu dikaji supaya ianya tidak terletak terlalu jauh daripada sesuatu tempat yang menjadi kesukaran orang ramai ataupun menyusahkan orang ramai untuk mereka pergi balik ke sesebuah pasar

tersebut. Ini terpulunglah kepada Kerajaan tempatan ataupun pihak berkuasa tempatan untuk menentukan kesesuaian sesuatu pasar itu diletakkan.

Yang Berhormat daripada Sungai Petani seterusnya membangkitkan juga tentang papan-papan tanda yang katanya mempunyai rambut dan juga muka yang cantik tetapi ditutup dan akhirnya muka menjadi hodoh. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam soal ini sukalah dimaklumkan bahawa penguasa-penguasa tempatan sentiasa memastikan ianya cukup dan mudah dilihat, tetapi jika sekiranya terdapat pokok-pokok yang telahpun melindungi itu eloklah jika sekiranya Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini kepada pihak-pihak berkuasa tempatan, tentu sekali saya yakin pihak-pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan segera untuk menampakkkan semula tempat-tempat yang telahpun Yang Berhormat sebutkan itu.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan supaya penguasa-penguasa tempatan meminjam lori-lori atau pun traktor-tractor yang dipunyai olehnya kepada penduduk-penduduk kampung yang menjalankan gotong royong. Memanglah Yang Berhormat, perkara ini menjadi satu amalan yang biasa dan penguasa-penguasa tempatan telahpun meminjam ataupun bekerjasama bukan sahaja meminjam tetapi bekerjasama dengan orang-orang kampung untuk menjalankan kerja gotong royong ini.

Pihak Yang Berhormat daripada Sungai Petani juga membangkitkan berkenaan pelaksanaan program jalan luar bandar dan jalan kampung. Saya tidak perlu mengulangi lebih lanjut tetapi memadai saya katakan di sini bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap pembangunan jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung. Permohonan jalan-jalan kampung adalah dirancang dengan teliti dengan mempertimbang-

kan permohonan-permohonan jalan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ataupun JKKK melalui Pejabat-pejabat Daerah, pihak Kerajaan Negeri dan seterusnya Kerajaan Pusat. Pertimbangan kelulusan pembangunan dibuat berperingkat-peringkat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan.

Seterusnya Yang Berhormat dari Sungai Petani juga membangkitkan berkenaan dengan kemudahan-kemudahan mini kompleks sukan yang telah didirikan di Majlis-majlis Tempatan dan Daerah-daerah. Kerajaan memang sedar bahawa kemudahan-kemudahan sukan perlu ditambah bagi membolehkan lebih banyak orang melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Masyarakat yang sihat dan cergas akan dapat memberi sumbangan positif terhadap meningkatkan produktivi ke arah pembangunan negara. Itu satu falsafah.

Sehingga ini, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telahpun membelanjakan sebanyak lebih kurang \$5.4 juta untuk membina kemudahan sukan di Daerah-daerah dan Majlis-majlis Tempatan. Usaha Kerajaan ini diteruskan di mana peruntukan sebanyak \$2 juta telah disediakan pada tahun ini bagi menambahkan lagi kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar.

Jika sekiranya Yang Berhormat ingin tahu, saya ada di sini satu lampiran yang boleh dikatakan detail juga berkenaan dengan projek-projek sukan dan rekreasi yang telahpun dilulus dan dilaksanakan boleh dikatakan di semua negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa telahpun membangkitkan masalah yang saya kurang faham yang disebutnya iaitu satu "Universiti Tangok" kalau tidak salah saya. Saya bukan orang Kelantan tetapi saya fikir orang Kelantan di sebelah sini pun tidak

faham. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya saya boleh mentafsirkan universiti itu ialah masih kecil kalau tidak salah saya, sekurang-kurangnya

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak Menteri tidak faham sungguh, boleh saya jelaskan. Maksud saya, Universiti Tangok itu ialah satu kawasan yang telah diambil oleh Kerajaan dan telah dibayar tanahnya untuk satu pembinaan universiti yang diganti Nilam Puri dahulu iaitulah bertempat di Bachok. Nama tempat itu Tangok. Kalau Yang Berhormat sendiri tidak faham tidak apa, tetapi Setiausaha Parlimen kelmarin buat tidak faham juga. (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang kita semua faham. 'Tangok' itu nama tempat. Mengapa Yang Berhormat tidak cakap awal-awal.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini sebuah Universiti Islam sudahpun mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar yang ingin mendalami pengajian Islam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tadi saya tanya peruntukan itu hilang ke mana dan mengapa sampai hari ini tidak disediakan peruntukan. Itu saya mahu tahu sebab projek ini sudah diluluskan dan sudah diberi

peruntukan. Dan saya misal kelmarin, saya dapat tahu peruntukan ini sudah dibawa ke Universiti Utara. Dan projek ini ialah projek yang lama, dua Perdana Menteri sudah. Tiba-tiba hari ini tidak terbangkit, itu saya mahu tahu. Adakah projek ini sudah dibatalkan atau pun masih ada lagi, kalau ada lagi dan mengapa tidak disediakan peruntukan. Itu sahaja.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya harap diberi izin untuk saya meniyasat dengan lebih lanjut untuk diberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai telahpun membangkitkan masalah Jabatan Bomba. Masalah mengenai pili bomba yang sering didapati timbus dan dihalang sambil tidak dapat digunakan semasa kebakaran berlaku, sukalah dimaklumkan di sini bahawa sambil menjalankan pemeriksaan dan ujian oleh anggota Bomba, Jabatan Bomba juga telahpun mengenalkan dengan skim yang dinamakan 'Skim Bapa Angkat Pili' ataupun dengan lebih tepat, 'Skim Bapa Angkat Pili Bomba'. Di bawah skim ini, orang ramai digalakkan untuk memelihara ataupun menjaga pili bomba yang ada berhampiran dengan rumah mereka. Skim ini adalah penting kerana Jabatan Bomba atau lain-lain agensi Kerajaan tidak dapat mengawasi pili bomba sepanjang masa. Suka juga dimaklumkan bahawa skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga telahpun membangkitkan soal keadaan pasar-pasar kotor yang terlalu moden sehingga ianya tidak didatangi oleh orang ramai. Di dalam masalah ini, sukalah dimaklumkan bahawa Bahagian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengkaji

dari masa ke semasa keadaan pasar yang telahpun dibina pada masa-masa yang lalu untuk melihat kesesuaian dan juga reka bentuknya. Banyak manfaat telahpun didapati daripada hasil kajian ini dan kebanyakan pasar-pasar yang dibina pada masa ini dan pada masa akan datang adalah lebih bersih dengan bentuk strukturnya yang simple, dengan izin, iaitu dibina secara open concept, dengan izin, dan pasar-pasar yang akan dibina dipastikan mempunyai sistem perparitan dalaman dan luaran yang sempurna supaya kekotoran dapat mengalir dengan baik tanpa bertakung dan menyebabkan bau busuk.

Mengenai masalah banjir, Yang Berhormat Lembah Pantai juga telahpun membangkit masalah yang sama yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Jadi, mengenai masalah ini, tidak perlu saya mengulangi sebab saya telahpun menyentuhnya awal tadi.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga iaitu berkenaan dengan masalah getah, katanya harga getah sekarang ini telahpun meningkat baik tetapi kesal kerana pokok getah ditebang pada satu tempoh dahulu oleh kerana keadaan harga kurang baik dan diganti pula dengan tanaman kelapa sawit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang memandang berat mengenai masalah perlunya tanaman yang dipelbagaikan untuk mengatasi masalah penggantungan kepada beberapa komoditi sahaja seperti getah dan kelapa sawit. Buat masa ini, agensi-agensi yang terlibat dalam memajukan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain telah menjalankan usaha-usaha memajukan tanaman-tanaman baru seperti tanaman kontan termasuk buah-buahan. FELDA umpamanya telah buat percubaan mengenai kesesuaian tanaman kontan di beberapa kawasan

dan hasil cubaan ini jika didapati meyakinkan akan digunakan oleh agensi ini untuk mengusaha secara besar-besaran tanaman berkenaan di kawasan-kawasan baru yang akan dibuka. FELCRA pula telah dan sedang giat menjalankan tanaman cash crops, dengan izin, secara besar-besaran seperti pisang emas dan di samping tanaman-tanaman utama yang sedia ada. Satu usaha yang giat dilaksanakan masa kini ialah pembangunan 'cash crops', di mana Kerajaan menggalakkan penglibatan Sektor Swasta dalam memajukan tanaman-tanaman ini.

Usaha-usaha ini dijangka akan mendapat keutamaan yang seimbang dengan usaha-usaha memajukan barang-barang utama yang sedia ada. Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun diminta bekerjasama dalam menyediakan tanah kepada syarikat-syarikat swasta yang besar yang mempunyai kepakaran-kepakaran yang tertentu dan sumber kewangan yang mencukupi untuk membantu Kerajaan dalam usaha memajukan 'cash crops' ini. Usaha pembangunan 'cash crops' ini dijangka dapat membantu Kerajaan memesatkan pembangunan sektor pertanian khususnya dan ekonomi negara amnya dengan mendatangkan faedah-faedah tertentu seperti peningkatan tukaran wang asing dan peluang pekerjaan yang baru di samping boleh mengeratkan perusahaan tanaman-tanaman berkenaan oleh pekebun-pekebun kecil.

Mengenai projek-projek yang diktakan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang terbengkalai yang dijalankan oleh PKEN-PKEN, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada projek-projek perumahan PKEN yang terbengkalai. Oleh kerana itu, saya tidak mahu menyentuh lebih daripada yang telah saya sebutkan.

Yang Berhormat dari Kampar telah mengesyorkan Kerajaan memberi pe-

runtukan yang cukup kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menyediakan peralatan yang sewajarnya dalam mengesan dan mengawal pencemaran alam sekitar di samping melatih kakitangan yang mahir dalam aspek-aspek pengawalan. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius tentang pengawalan pencemaran alam sekitar dengan menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya kepada jabatan berkenaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh mereka. Kursus dan latihan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemahiran kakitanganyang terlibat dengan program pengawalan alam sekitar telah dan akan diadakan dari masa ke masa.

Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan berkenaan dengan kemajuan pembinaan Kompleks Budaya Negara ataupun KBN yang dijalankan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk memperbaiki dan membina Kompleks Budaya Seni sekarang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kemajuan pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut. Juruperunding telahpun dilantik, kerja-kerja menyiapkan pelan dan juga reka bentuk telahpun dilaksanakan dan masih memerlukan kelulusan pihak berkuasa Dewan Bandaraya dan kerja pembinaan dijangka akan siap sebelum bulan Mei 1989, insya Allah. Kompleks ini akan digunakan oleh para budaya dan juga seniman serta Kementerian untuk mengembang dan membangunkan lagi seni budaya di negara ini.

Yang Berhormat dari Maran juga membangkitkan berkenaan Pusat Penerangan Pelancongan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pengu- bahsuaian pembinaan dan pelaksanaan

Pusat Penerangan Pelancongan ini adalah seperti berikut. Pengambilan tender sedang dilaksanakan, permohonan keperluan kakitangan sedang dibuat dan pusat ini dijangka siap pada akhir bulan Mei, 1989. Ia mengandungi kemudahan-kemudahan para pelancong, Dewan pertunjukan, panggung terbuka, ruang kraftangan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya tidak meyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya minta maaf kerana kebanyakan daripada perkara-perkara yang tidak saya sebut, bolehlah kita meneruskan dalam Jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya tidak menyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya minta maaf kerana kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan telahpun dibangkitkan dalam sesi-sesi yang lain. Tetapi saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan jika sekiranya ada yang tercicir yang tidak saya sebut, bolehlah kita meneruskan dalam Jawatankuasa nanti.

Walau bagaimanapun, sebagai akhirnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mencadangkan supaya EPU dan ICU dicantumkan sebagai satu Jabatan. Yang sebenarnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat didapati ada masalah yang timbul di antara jabatan-jabatan ini, tetapi ingin dinyatakan di sini dengan tegas bahawa kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar – tidak ada masalah di antara perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek. Langkah-langkah sedang diambil untuk mempas-

Kepala P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

4.58 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat itu telah menerangkan mengenai pembinaan jeti dan sebagainya untuk Terumbu Layang-layang. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat dengan keadaan yang tegang di Kepulauan Spratly itu, bagaimanakah kedudukan Malaysia untuk mempertahankan diri sekiranya berlaku pertikaian ataupun peperangan di antara negara-negara yang merubut pulau-pulau tersebut, terutamanya negara China dan negara Vietnam. Itu satu soalan yang penting. Saya berharap dengan permintaan lebih \$5 juta ini untuk tambahan perbelanjaan, perkara yang saya sebutkan tadi dapat dijawab.

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusoff bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, segala keputusan yang dibuat oleh Kerajaan mengenai dengan perbelanjaan adalah telah dikaji dengan teliti. Khusus mengenai rancangan pembangunan di Pulau Layang-layang ini adalah hasil daripada kajian yang dibuat dan kita yakin dengan adanya rancangan ini kita dapat menjamin keamanan dan kesejahteraan negara ini. Mengenai dengan ketegangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ketegangan itu mungkin ternampak pada Ahli Yang Berhormat tetapi keadaan yang ada sebenarnya tidaklah setegang itu kerana itu kita dapat menjalankan rancangan pembangunan ini dengan baik kerana kita yakin usaha-usaha perundingan yang dibuat menerusi Kementerian-kementerian yang berkenaan berjalan dengan baik dan kita

yakin keadaan akan dapat terkawal. Itulah sahaja penjelasan yang boleh saya berikan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.7, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian yang bertanggungjawab ataupun kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apakah benar di Pulau Layang-Layang, Kerajaan telah meluluskan.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat mesti minta atau bertanya apa-apa sebelum yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi bagaimana, Tuan Pengerusi? Sudah jawab?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah hilang kesempatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay, tiada masalah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli yang berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,370,000 yang disebutkan dalam maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,370,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb. (Bil. 1), 1988

Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kepala P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

5.03 *ptg.*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P.14, peruntukan asal 1988 diberi Cara Langsung kepada Butiran ini adalah sejumlah \$4,517,100. Sekarang pula tambahan sebanyak \$3,120,000 diperuntukan. Mengikut Kertas Perintah 23A/1988 mukasurat 5, tambahan ini adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan pasar, pengindahan dan membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan. Dengan tambahan pertama ini sebanyak \$7,637,100 diperuntukkan lagi perbelanjaan tahun 1988 dan ini pula merupakan 93.44% daripada baki peruntukan yang dipinda bagi tahun 1986 hingga 1990 iaitu \$8.17 juta. Setakat ini ia bermakna bahawa bagi tahun-tahun 1989 dan 1990 hanya kira-kira \$436,573 yang tertinggal untuk perbelanjaan pembangunan selanjutnya.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang diketahui oleh semua, bagi 10 tahun yang lepas Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan sebanyak \$260 juta untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan Penguasa-penguasa Tempatan. Dengan perbelanjaan yang begitu hebat sekali nampaknya Kerajaan Persekutuan tidak akan terlepas daripada menanggung beban Perbelanjaan Pembangunan Penguasa-penguasa Tempatan melainkan jika Kerajaan mengeluarkan arahan membenarkan Penguasa-penguasa Tempatan menswastakan projek-projek pembangunan masing-masing dengan secepat mungkin. Sebenarnya dengan tawaran tender terbuka yang adil dan saksama, projek pembinaan pasar, pengindahan mahupun membaiki jalan boleh diusahakan oleh pihak swasta. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya menyegerakan pemindaan ke atas Akta

Kerajaan Tempatan 1967 agar beban kewangan Kerajaan Persekutuan dapat dikurangkan dan rakyat sekalian boleh menerima perkhidmatan dan kemudahan tanpa keperluan untuk menunggu lama-lama bagi peruntukan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, P.16 – tambahan sebanyak \$1.5 juta diperuntukan bagi membiayai pembelian 15 buah kereta bomba dan alat-alat kelengkapan yang berkaitan. Kesemua \$6.5 juta diperuntukan bagi Butiran ini bagi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1988. Kelengkapan serta kereta bomba yang berfungsi dengan baiknya amatlah penting. Contohnya, pada bulan Mei yang lalu kebakaran telah berlaku di kawasan setinggan Jinjang Utara Tambahan dan kereta bomba gagal untuk mendapatkan air dari pili bomba yang terletak hampir 1,000 kaki dari tempat kebakaran kerana tekanan air terlalu rendah. Kejadian seperti ini berlaku di kebanyakan tempat. Kami sedar bahawa pihak Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan tidak berdaya untuk memeriksa setiap satu daripada 8,815 buah pili bomba di seluruh Wilayah dengan kerap kali dan pemeriksaan hanya dijalankan sebanyak sekali dalam 3–6 bulan. Kami juga sedar bahawa Jabatan Bomba telah menggalakkan masyarakat tempatan mengambil pili bomba sebagai anak angkat seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat membantu Jabatan tersebut menyelenggara, mengawasi serta membaiki pili bomba. Sungguhpun projek anak angkat ini patut digalakkan, kami berharap Jabatan Bomba dapat mempertingkatkan perkhidmatan dan kawalan ke atas semua pili bomba yang ada di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan. Sekian.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.14 iaitu berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tambahan sebanyak \$3,120,000 dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan pasar.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pasar ini, rasa saya pemandangan yang menjijikkan di pasar-pasar di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan adalah merupakan satu pandangan yang lumrah di seluruh negara. Jika kita lihat bangunan-bangunan yang didirikan pada tahun-tahun 20an memanglah keadaannya sudah terlalu usang, dengan sistem perairan yang tidak sempurna, ruang perairan air tidak sempurna dan ruang pasar yang menjadi semakin sempit, sesak, kebersihan yang sukar dijamin dan tidak tentu tempat pembuangan sampah. Saya fikir sudah sampai masanya pada hari ini Kementerian sendiri membuat satu kajian yang menyeluruh iaitu satu kajian kepada pasar-pasar di seluruh kawasan Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara supaya dengan ini dapat diwujudkan satu pelan induk pembinaan pasar-pasar di kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara dan sepatutnya dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini ataupun dimulakan daripada Rancangan Malaysia Kelima. Dengan cara ini saya rasa akan wujud satu bentuk atau wajah baru pasar-pasar yang bersesuaian dan memenuhi keperluan-keperluan serta kehendak-kehendak semasa iaitu dari segi keselamatan bangunan, ruang pasar dan jualan yang mencukupi dan lebih luas dan bersistem, serta sistem perairan, kebersihan yang sentiasa baik untuk menjamin kesihatan penjual-penjual dan pengguna-pengguna.

Selain daripada itu, saya ingin tahu daripada Kementerian sama ada Kementerian sedar bahawa sekarang ini kita dapati di kawasan-kawasan penguasa-penguasa Tempatan telahpun berkembang pesat dari segi pembangunan perumahan dan juga kependudukan di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan dan akibatnya kita dapati penduduk-penduduk yang ramai dan mereka ini tertumpu kepada satu pasar dan

malangnya pasar ini satu pasar yang lama dan kecil.

Saya fikir keadaan ini akan memburukkan lagi keadaan pasar dengan pasar yang kecil akibatnya bukan sahaja ruang dalaman pasar yang digunakan tetapi juga bagi memenuhi keperluan yang semakin ramai, ruang-ruang luar pasar juga digunakan. Dan ini memburukkan lagi keadaan di luar pasar dan di luar daripada kawalan penguatkuasaan, lebih-lebih lagi jika pegawai-pegawai penguatkuasa sendiri tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna ataupun disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa sendiri.

Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi iaitu supaya pada hari ini patut difikirkan terutama sekali di pihak Majlis-majlis Daerah supaya mencari jalan bagaimana sedapat mungkin pasar-pasar ini dapat diperbaharui ataupun dibina di mana yang perlu dengan cara melibatkan sektor swasta iaitu dengan cara penswastaan yang mana ini akan dapat membantu dari segi penyegeraan pembinaan pasar-pasar yang baru ataupun pembinaan semula pasar-pasar yang lama.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya ambil contoh di kawasan Parlimen saya di kawasan Parlimen Pagoh terdapat pasar-pasar di kawasan-kawasan di penguasa tempatan di pekan-pekan kecil di tujuh kawasan iaitu di Gersik, di Kundang Ulu, di Bukit Kepung, di Lenga, di Pagoh, di Panchor dan di Bukit Pasir. Daripada tujuh kawasan ini kesemua pasar yang ada ini adalah pasar-pasar yang lama yang saya selidiki sendiri telah dibina lebih berpuluh tahun iaitu sejak tahun 20an dulu dan keadaan ruang pasarnya begitu kecil. Sistem perparitan, pembuangan sampah memanglah tidak sempurna dan ini selalu menimbulkan gangguan bukan sahaja kepada penjual tetapi juga kepada pembeli-pembeli

sendiri dan tidak ada satu pasar lama yang ada di kawasan ini yang dibina semula ataupun dibaiki. Bahkan ada satu tempat di Bukit Kepong satu kawasan yang telahpun membangun dengan kawasan perumahan dan juga kependudukan tidak ada satu pasar yang didirikan. Jadi rasa saya hal-hal ini juga berlaku di kawasan-kawasan yang lain dan sampai masanya pada hari ini saya fikir perkara-perkara ini patut diambil perhatian. Lebih-lebih lagi jika ada perkara-perkara yang sensitif; maksud saya setengah-setengah pasar umpamanya di pasar yang ada di kawasan saya sendiri, di kawasan Lenga ini kerana pada masa dahulu mungkin perkara ini tidak timbul tetapi pada hari ini perkara ini telah timbul apabila pembangunan di sekitar pasar ini berlaku. Di sekitar pasar ini telah timbul bangunan yang lain dengan Pejabat Pos yang baru, dengan bangunan masjid yang baru dan juga bangunan yang lain sama ada bangunan Kerajaan ataupun bukan Kerajaan dan akibatnya dari sebab penjualan barang-barang yang halal dan juga tidak halal telah menimbulkan perkara-perkara yang sensitif.

Tetapi tidak ada tindakan segera yang diambil oleh pejabat Majlis Daerah dan akhirnya menimbulkan perkara-perkara yang sepatutnya tidak berlaku. Kalau ini berlaku berpanjangan, tidak ada langkah untuk mengubah ke suatu tempat yang sesuai ini akan menimbulkan masalah dalaman dan mungkin dari segi perkauman dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya menyeru kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khasnya supaya dapat menyelidiki perkara ini dan mungkin ini boleh dijadikan contoh kepada kawasan-kawasan lain yang saya fikir mungkin juga berlaku. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan.

5.14 ptg

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Maksud P.14 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk manambah peruntukan bagi Kementerian ini yang khusus untuk membiayai projek pembinaan pasar, pengindahan dan pembaikan jalan di kawasan-kawasan penguasa tempatan.

Saya rasa memanglah menjadi harapan rakyat terhadap penguasa tempatan ini supaya lebih gigih lagi membangunkan kawasan-kawasan tempatan ataupun luar bandar seperti ini kerana pada pendapat saya inilah perkara yang harus kita titikberatkan supaya lebih mengindahkan lagi, mencantikkan lagi, membuatkan kawasan-kawasan itu lebih menarik lagi dari kaca mata ramai.

Apa yang membimbangkan kita dewasa ini, pada kaca mata saya sendiri ialah pelaksanaan kerja-kerja oleh penguasa-penguasa tempatan. Misal kata dari segi kebersihan. Nampaknya jarang-jarang kita lihat ataupun kadangkala kita lihat pegawai-pegawai yang bertugas untuk mengawasi kebersihan kesihatan di kawasan tempat luar bandar seperti ini kurang gigih menjalankan tugas memeriksa kebersihan pasar-pasar dan memeriksa kebersihan makanan-makanan yang dijual di pasar-pasar tempatan. Jadi, saya rasa pihak Kerajaan perlu mengawasi pegawai-pegawai ini sama ada mereka itu menjalankan tugas dengan betul atau tidak. Tidak guna hanya dari segi pangkat mereka naik, dari segi medal banyak, tetapi dari segi kerja makin sedikit. Jadi, kita mahu mereka ini lebih gigih lagi menjalankan

tugas supaya mereka dengan lebih berkesan dapat mengawasi kebersihan kawasan-kawasan tempatan semacam ini.

Misal kata, Merinyu Kesihatan (Health Inspector), kadang-kadang jalan ke kedai, balik ke office, jalan ke kedai, minum. Jadi kita tidak nampak apa yang mereka buat. Jadi ini perlu kita memperbaiki kerana rakyat melihat apakah kesan jentera Kerajaan di peringkat tempatan seumpama ini.

Yang satu lagi yang saya hendak sentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini ialah pemilihan Councillors yang membuat by-laws, dengan izin, di Pejabat-pejabat Penguasa Tempatan ini. Mereka ini sekarang ini dipilih secara appointment, dengan izin, appointed by the higher authority, dengan izin. Jadi kadangkala perkara ini dipolitisasikan, dengan izin, is being politicised kadang-kadang. Ini orang kita, ambil dia jadi ahli! Ini bukan orang kita, dia menentang macam Bujang Ulis, tidak usah. Misal kata. Jadi kita tidak mahu. Kadang-kadang kita mesti adil.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Misal kata sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, misal kata sahaja. Jadi jangan begitu melulu, mendadak mempolitisasikan proses pemilihan Councillors di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan ini kerana ini mungkin melibatkan mereka itu biased, prejudiced dari segi menjalankan tugas. Kalau bukan kawasan penyokong dia, dia tidak kerja betul, dia biar dan sebagainya. Jadi kita tidak mahu ini.

Dulu di tahun 50an, Councillors dipilih secara undi, secara pilihanraya. Jadi, ini saya rasa lebih adil kalau dapat dijalankan. Jangan sepanjang masa pemimpin yang pilih, ini dan itu menjadi

ahli atau anggota Majlis Tempatan yang membuat by-laws bagi kawasan-kawasan Penguasa Tempatan ini.

Tuan Pengerusi, yang satu lagi ialah Maksud P.16. P.16 ini Bomba – masuk juga? Jabatan Perkhidmatan Bomba sudah masuk?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak bercakap sedikit atas perkara ini sebab di kawasan saya Simunjan, jalanraya hanya satu yang boleh digunakan oleh kereta bomba yang lengkap dengan perkakas-perkakas untuk memadam api ialah kereta bomba itu sahaja. Di kampung-kampung lain yang banyak tidak ada cara-cara macam mana hendak dibuat untuk memadam api sekiranya terbakar.

Ertinya kalau sekiranya kampung lain yang tak ada jalan raya menuju ke kampung-kampung itu terbakar rumah-rumah di sana, jadi tak ada apa yang dibuat, orang kampung sahaja yang pergi. Kemudahan kereta bomba ini hanya boleh digunakan untuk rumah-rumah di sepanjang jalan yang boleh dilalui oleh kereta bomba. Jadi saya hendak pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba ini kalau dapat fikirkan macam mana hendak memadam api sekiranya terbakar di kawasan kampung-kampung yang tak ada jalan kerana belanja beli kereta bomba besar, banyak, tetapi mungkin boleh difikirkan macam mana kita hendak berusaha memadamkan api di kawasan-kawasan kampung-kampung yang tak ada jalan tetapi kemungkinan besar terbakar juga di satu ketika, mungkin guna perahu-kah, basikalkah ataupun macam mana untuk menyumbang kepada keselamatan mereka ini.

Satu lagi ialah saya tengok pegawai-pegawai yang jaga kereta bomba di

tempat macam ini nampaknya kerja mereka itu cuci kereta, bawa kereta lalulalang dan sebagainya kerana tak ada terbakar di kawasan itu. Kadang-kadang kalau setahun tak ada terbakar apa-apa, setahunlah macam itu kerja duduk sahaja. Tidur, mandi, makan, kemudian cuci kereta bomba, tengok enjin – itu sahaja. Jadi, saya fikir untuk menggunakan masa mereka ini saya rasa supaya mereka menggunakan masa betul-betul fikirkan cara macam mana untuk menggalakkan mereka supaya gigih kerana tak mungkin di satu tempat tiap-tiap hari ada kebakaran. Di tempat saya itu saya tengok dalam masa dua tahun sudah, satu kebakaran pun tak ada di sepanjang jalan itu, tempat lain ada. Mereka macam itulah dua tahun tak ada kerja memadamkan api, jadi fikirkan macam mana dapat kita beri kerja kepada mereka ini supaya mereka menjadi pegawai yang bergigih walaupun kerja lain. Ini cadangan daripada saya. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.24 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu perkara sahaja dan hendak berucap secara ringkas iaitu mengenai Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba di mana ada diterangkan dalam Kertas Perintah 23A Tahun 1988 yang menyatakan bahawa tambahan sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian 15 buah kereta bomba dan alat-alat kelengkapan yang berkaitan.

Di sini saya suka ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tentang apakah jenis 15 buah kereta bomba yang akan dibeli dan kereta bomba ini digunakan oleh mana balai bomba, sama ada digunakan di balai bomba di

Kuala Lumpur ataupun di lain-lain tempat. Sungguhpun saya memberi sokongan kepada peruntukan ini untuk mendapat tambahan sebanyak \$1.5 juta, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menegaskan betapa pentingnya bahawa di samping mendapatkan kereta bomba yang baru, langkah-langkah juga harus diambil untuk meninjau keadaan pili bomba di negara kita, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini memandangkan bahawa telah berlaku berbagai-bagai kejadian kebakaran di Kuala Lumpur di mana ahli-ahli bomba tidak dapat memadam api dengan cara berkesan oleh kerana masalah kecacatan dengan pili bomba. Oleh sebab apa yang kita dapat daripada laporan suratkhbar baru-baru ini, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini dimana terdapat banyak pili bomba yang tertanam dalam pasir dan apabila berlakunya kejadian kebakaran, ahli-ahli bomba menghadapi banyak kesukaran untuk menggunakannya. Ini adalah satu aspek yang saya harap bahawa Jabatan Bomba dapat sentiasa menjalankan tugas untuk memeriksa, untuk memastikan bahawa pili-pili bomba ini sentiasa dapat berfungsi apabila hendak digunakannya.

Maka itulah satu perkara yang saya ingin membangkitkan di sini untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan khususnya untuk Jabatan Bomba yang berkenaan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pandangan tentang beberapa perkara berkaitan dengan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu khususnya mengenai Penguasa-penguasa Tempatan dan juga Perkhidmatan Bomba.

Tentang beberapa perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan penguasa-penguasa tempatan, sukaiah saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penguasa tempatan adalah sebuah Kerajaan di peringkat ketiga dalam negara kita, iaitu di peringkat yang paling dekat dengan rakyat yang di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Tentang projek-projek yang dijalankan ataupun peruntukan-peruntukan yang diberi daripada Kerajaan Pusat adalah semata-mata peruntukan untuk membantu penguasa-penguasa tempatan sehingga penguasa-penguasa tempatan dapat dibantu ke kadar yang mencukupi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau penguasa-penguasa tempatan mereka sendiri mempunyai ataupun mencapai satu tahap di mana mereka 'viable' atau 'self-sufficient', maka bantuan-bantuan peruntukan-peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan adalah diharapkan secara bantuan jangka masa pendek. Ini adalah harapan Kerajaan Persekutuan bahawa peruntukan-peruntukan yang merupakan bantuan tidak akan terus diberi secara berterus-terusan pada masa-masa hadapan.

Tentang pembinaan pasar, Kementerian saya memang sedar bahawa di beberapa tempat pasar yang sedia ada telah lama dibina dan tidak dalam keadaan yang begitu memuaskan. Jadi, seperti saya terangkan, ini adalah terpulung atau bergantung kepada kemampuan penguasa-penguasa tempatan. Kalau hasil daripada penguasa-penguasa tempatan lebih banyak maka mereka bolehlah mendirikan pasar-pasar yang mencukupi ataupun pasar kecil atau de-centralised pasar dan sebagainya. Kalau tidak dapat, Kerajaan Persekutuan tidak dapat terus

memberi bantuan-bantuan atau peruntukan dari peringkat Kerajaan Persekutuan. Jadi, untuk maksud ini pihak Kerajaan Persekutuan selepas meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memberi bantuan pelancaran iaitu launching grant, supaya membolehkan penguasa-penguasa tempatan menjadi viable ataupun memegang segala beban kewangan penguasa-penguasa tempatan daripada pendapatan mereka. Kalau tidak, kita yang galakkan mereka menjalankan beberapa projek yang akan menambahkan pendapatan mereka.

Jadi, bagi pasar, kita haraplah pada masa-masa hadapan penguasa tempatan sendiri akan merancang dan membina pasar apabila mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi. Tentang pelan ataupun keadaan pasar yang di bina, Kementerian akan mengambil cadangan ataupun pendapat Yang Berhormat tentang planning (perancangan) dan kita akan menyampaikan kepada pihak-pihak yang membuat rancangan tentang pasar-pasar supaya dirancang dengan lebih berhati-hati.

Tentang kereta bomba yang akan dibeli, beberapa kereta bomba yang akan dibeli akan diagih-agihkan kepada beberapa balai bomba yang memerlukannya. Kita ada satu senarai, tetapi saya tidak bawa. Balai-balai bomba yang belum memperolehi kereta bomba ataupun balai-balai bomba yang mempunyai kereta bomba yang begitu lama, maka kereta-kereta bomba yang dibeli akan diagih-agihkan kepada balai-balai bomba mengikut keutamaan yang ditentukan oleh Kementerian dari segi keperluan kereta-kereta bomba dan juga dari segi tempoh usia kereta bomba yang sedia ada yang perlu digantikan.

Bagi peruntukan sebanyak \$3.12 juta adalah semata-mata untuk pembinaan pasar dan juga memperbaiki jalan-jalan di kawasan penguasa-penguasa tempatan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telahpun menyokong peruntukan ini bahawa keadaan pili-pili bomba pada masa dahulu tidak begitu memuaskan oleh kerana terdapat banyak pili-pili bomba yang telah ditimbus. Untuk mengelakkan keadaan ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba telahpun melakukan beberapa tindakan. Selain daripada pemeriksaan yang perlu dijalankan oleh kakitangan perkhidmatan bomba dari masa ke semasa, mereka juga telah menggalakkan anak angkat pili-pili bomba dan buat masa sekarang Jabatan Perkhidmatan Bomba mencadangkan supaya pili-pili bomba baru dibena bukan diperingkat tanah (ground), tetapi atas tanah-pili-pili bomba yang 'bangun', bukan di peringkat tanah. Dengan keadaan itu lebih banyak pili-pili bomba tidak menghadapi masalah, tidak dapat ditimbus dan kita berharap rakyat pada amnya akan memberi kerjasama kepada perkhidmatan bomba supaya mereka tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang akan menimbus ataupun membuang barang-barang terhadap pili-pili bomba dan menyusahkan kakitangan bomba untuk melakukan kerja-kerja dan tanggungjawab mereka.

Kereta bomba yang akan dibeli adalah jenis 'water tender' yang akan menggantikan kereta-kereta bomba yang sedia ada dan saya telahpun menjelaskan bahawa kereta-kereta bomba ini akan ditempatkan di balai-balai bomba yang memerlukannya dengan begitu serius. Jumlah yang dibeli itu sebenarnya tidak mencukupi. Mengikut cadangan Kementerian, lebih banyak lagi kereta perlu dibeli untuk mengganti kereta-kereta bomba yang tidak begitu baik dari segi efficiency, tetapi kami belum mendapat peruntukan tambahan yang mencukupi.

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, saya sukalah menjelaskan bahawa beliau mempunyai

anggapan salah tentang tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan dan pegawai-pegawai Bomba. Seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tidaklah benar bahawa pegawai-pegawai Bomba, kalau tidak ada kebakaran, mereka tidak mempunyai tugas. Itu satu anggapan salah dan kalau Ahli Yang Berhormat hendak, saya boleh memberi satu ceramah yang panjang lebar tentang beberapa tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Bomba. Pada amnya selain daripada memadam api mereka menjalankan banyak aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pencegahan kebakaran. Selain daripada menghadiri beberapa latihan fizikal dan juga latihan kemahiran memadam kebakaran dari masa ke semasa, mereka juga menjalani latihan fizikal tiap-tiap hari. Selain daripada itu, tentang pencegahan, mereka merancang tentang sistem memadam kebakaran di bangunan-bangunan dan membuat cadangan tentang pelan-pelan ataupun pembangunan-pembangunan yang berjalan di daerah masing-masing mengenai sistem pencegahan dan melawan kebakaran.

Selain daripada itu mereka juga menjalankan tugas-tugas luar daripada melawan kebakaran atau pencegahan. Mereka dipanggil pada setiap masa kecemasan termasuk beberapa tugas lain yang dianggap luar daripada bidang Perkhidmatan Bomba. Walau bagaimanapun oleh kerana mereka mempunyai kereta bomba serta beberapa jenis alat-alat untuk menyelamatkan nyawa dan harta dalam keadaan kecemasan, kakitangan Perkhidmatan Bomba juga memberi perkhidmatan. Jadi, banyaklah tugas-tugas yang mereka jalankan. Walaupun tidak ada kebakaran, kerja-kerja mereka berterusan dan anggapan bahawa pada masa tidak ada kebakaran mereka membuang masa adalah tidak benar. Tetapi dari segi produktiviti itu adalah satu pandangan am. Ini bukan dituju kepada Perkhidmatan Bomba sahaja dan kita

sentiasa mengambil berat untuk menambahkan pengeluaran atau improve the productivity dari segi kakitangan Kerajaan termasuk jugalah Perkhidmatan Bomba.

Tentang beberapa tempat di luar bandar, khususnya di mana tidak ada jalanraya supaya kereta bomba boleh lalu dan sampai ke tempat-tempat kebakaran, ini adalah satu perkara benar, bukan sahaja di kawasan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi juga di seluruh negara termasuk di Semenanjung Malaysia. Kalau kampung-kampung yang sedalam-dalamnya tidak mempunyai jalan untuk dilalui oleh kereta bomba, ini menimbulkan masalah.

Di tempat-tempat itu kita berharaplah kalau penduduk-penduduk tempatan itu sanggup menerima latihan, pihak Jabatan Bomba sanggup untuk memberi latihan kepada orang-orang tempatan dan juga untuk menubuhkan bomba secara gotong-royong ataupun sukarela supaya mereka dapat membantu dalam keadaan di mana kereta bomba tidak dapat sampai ke tempat itu.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah penjelasan dan jawapan-jawapan. Perkara-perkara lain akan diambil perhatian oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,120,000 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$1,500,000 dalam Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,120,000 untuk Maksud P.14 dan \$1,500,000 dalam Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988)-

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

5.42 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbincangan atas Maksud Pembangunan P.17 iaitu Kementerian Belia dan Sukan dan di sini saya ingin menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap peruntukan yang telah dipinta oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya mendapati daripada Kertas Perintah 23A bahawa peruntukan dikehendaki untuk membaiki Stadium Darul Aman di Alor Setar, Kedah. Tambahan sebanyak \$500,000 dikehendaki sebagai pampasan pengambilan balik tanah kepunyaan Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia untuk digunakan bagi membesarkan kemudahan sukan di Pusat Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur dan juga termasuk peruntukan yang dipinta untuk membiayai projek Tapian Gelanggang di Sarawak.

Saya menyokong peruntukan ini khususnya mengenai projek untuk membesarkan Pusat Sukan Kuala Lumpur yang terletak di Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita khususnya di Kuala Lumpur ini menghadapi masalah berkaitan dengan kekurangan kemudahan sukan yang membolehkan olahragawan-olahragawan di negara kita dilatih dengan cara yang betul

supaya mereka ini dapat menyumbang kepada peningkatan mutu sukan di negara kita. Saya yakin bahawa dengan adanya lebih banyak kemudahan sukan ini dapat memberikan peluang kepada olahragawan-olahragawan di negara kita dan juga ahli-ahli sukan yang lain dilatih di tempat yang betul dan dengan inilah mereka dapat mencapai hasil yang lebih bermakna yang boleh menyumbang kepada peningkatan mutu sukan di negara kita dan sekiranya ini dapat dicapai, ini juga akan menaikkan imej negara kita.

Yang sebenarnya saya berpendapat bahawa untuk Kuala Lumpur ini kita memerlukan sebuah Pusat Sukan yang kedua selain daripada Pusat Sukan Kampung Pandan di Kuala Lumpur di mana saya menganggap bahawa Pusat Sukan Kampung Pandan itu selalu digunakan oleh olahragawan-olahragawan untuk tujuan latihan dan lain-lainnya. Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk menimbang membina sebuah Pusat Sukan Kuala Lumpur yang kedua bagi tujuan untuk memenuhi keperluan ahli-ahli sukan bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga di sekitarnya.

Bercakap atas aspek ini mengenai keperluan untuk membekalkan ataupun memperuntukkan lebih banyak kemudahan sukan, saya sukalah menitikberatkan kepada Kementerian yang berkenaan agar dapat melancarkan satu rancangan jangka panjang yang bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan di negara kita.

Bercakap atas rancangan ini, saya berpendapat bahawa ia dapat dilaksanakan melalui dua cara:

Yang pertama, mungkin yang dapat ditimbang oleh Kementerian yang berkenaan ataupun oleh pihak berkuasa yang berkenaan iaitu menetapkan se-

kiranya sebuah estet perumahan baru dibina, maka pihak pemaju yang berkenaan dapat diwajibkan untuk membina sebuah kompleks sukan bukan sahaja untuk digunakan oleh penduduk-penduduk dalam estet perumahan yang berkenaan, akan tetapi juga dapat digunakan oleh ahli sukan yang lain.

Yang kedua ialah melalui satu rancangan untuk menukarkan kawasan terbiar, misalnya di kawasan luar bandar yang dapat digunakan sebagai satu Pusat Sukan untuk digunakan oleh ahli-ahli sukan.

Tuan Pengerusi, itulah pandangan yang ingin saya menyampaikan di sini untuk perhatian Kementerian yang berkenaan dan pada akhirnya saya sekali lagi ingin menyokong permintaan khususnya untuk membesarkan Pusat Sukan Kuala Lumpur ini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

5.49 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ingin melihat kepada Maksud P.17, Butiran (Projek) 01600 iaitu Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil.

Saya fikir oleh kerana saya daripada luar bandar, saya ingin menumpukan kepada soal sukan di kawasan-kawasan luar bandar. Peruntukan sebanyak \$2 juta yang dikehendaki dalam tahun 1988 untuk membiayai pembinaan Mini Kompleks Sukan di kawasan-kawasan luar bandar, rasa saya ini adalah sebagai satu tambahan yang munasabah, dan wajar, bahkan jika perlu patut ditambahkan lebih daripada itu. Jika dipandang dari segi pentingnya tenaga belia yang perlu digunakan secara maksimum dan berfaedah, pembinaan

Mini Kompleks Sukan di luar bandar amatlah diperlukan pada hari ini. Mini Kompleks Sukan di luar bandar ini akan dapat memberikan peluang kepada belia-belia luar bandar menikmati kemudahan tempat sukan yang lebih baik. Tempat seperti ini juga akan menggalakkan mereka mencebur diri dalam kegiatan kesukanan yang berfaedah. Selain daripada membantu meningkatkan sukan negara, ia juga baik untuk riadah dan berbagai kegiatan yang lain.

Hanya, Tuan Pengerusi, Mini Kompleks Sukan ini hendaknya biarlah lengkap dengan segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan serta yang penting bukan sahaja bangunan yang mahal dan yang lengkap tetapi juga diuruskan dengan baik. Ini bermakna Kompleks-kompleks Mini Sukan ini mestilah ada satu sistem pengurusan yang baik, sama ada pengurusan ini diserahkan kepada pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan atau bersama Jabatan Belia dan Sukan di daerah-daerah yang boleh dari segi perancangan ini, khasnya Jabatan Belia dan Sukan Daerah, akan dapat merancang kegiatan-kegiatan sukan daripada satu masa ke satu masa.

Tanpa perancangan-perancangan daripada Jabatan dan dibiarkan kepada belia-belia sendiri, saya rasa bangunan-bangunan ini tidak akan memenuhi matlamat yang kita kehendaki, dan saya fikir peruntukan yang diberi ini nanti akan hanya sia-sia dan tanpa penjagaan pengurusan yang baik Mini Kompleks Sukan ini akan jadi sia-sia seperti yang saya katakan tadi.

Pada pandangan saya Mini Kompleks Sukan di luar bandar memang telah lama ditunggu-tunggu dan pada hari ini Kerajaan telah memulakan pembangunan-pembangunan dan peranan-perancangan bagi kemudahan kemudahan sukan di bandar-bandar kecil. Ini adalah salah satu langkah yang amat baik dan harus

dialu-alukan dan saya berharap langkah ini akan dapat diteruskan dan peruntukan-peruntukan yang lebih akan diberikan. Cuma satu ingatan saya di sini ialah tidaklah tertumpu kepada suatu daerah sahaja ataupun ke suatu negeri sahaja, bahkan pembangunan ini hendaklah menyeluruh di seluruh kawasan di negara ini. Itulah sahaja perbincangan saya, Tuan pengerusi.

5.52 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan dalam Maksud P.17 – Kementerian Belia dan Sukan, Butiran 02100 – Pusat Latihan Belia, Jitra, tambahan sebanyak \$500,000.

Saya tertarik dengan Butiran ini kerana apa yang difahamkan supaya pembinaan Pusat Latihan Kemahiran dalam bidang kraftangan dan membaiki enjin motor sangkut kepada belia-belia. Ini juga memang wajar kerana apa yang kita nampak bahawa belia-belia kita, lebih-lebih lagi belia-belia yang di luar bandar, masih ramai belia-belia yang mengangguur, yang tidak ada satu tugas pun, maka manakala Pusat Latihan ini dapat dimajukan dan isnya Allah supaya penambahan peruntukan dapat ditambah lagi di masa-masa yang akan datang. Saya kira dapatlah kita membimbing belia-belia ini dalam bidang kraftangan lebih-lebih lagi dalam bidang membaiki enjin motor supaya sedikit – sebanyak dapat juga kita membaiki ataupun memberi peluang kerja-kerja kepada belia-belia kita yang ramai sedang mengangguur di luar bandar khususnya.

Saya suka menyentuh dalam Butiran Projek 01600 – Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan Untuk Bandar-bandar Kecil. Inipun juga – memang wajar sebagaimana apa yang disentuh oleh saudara saya bahawa kita terdapat kekurangan sukan ini, khususnya kepada belia-belia luar bandar, tidak lain

dan tidak bukan disebabkan kerana tidak ada tempat untuk mereka dapat melatih ataupun dapat diberi latihan kepada mereka. Oleh hal yang demikian, banyaklah peluang-peluang mereka terbuang dengan begitu sahaja.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian ini supaya dapat ditambahkan peruntukannya lagi daripada \$2 juta ini di masa-masa yang akan datang dan juga supaya peruntukan ini benar-benar dapat kepada kawasan-kawasan luar bandar supaya ianya benar-benar dapat kita membaiki taraf kesukanan kepada belia-belie di luar bandar.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan ini.

5.56 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong permintaan Kementerian Belia dan Sukan bagi tambahan peruntukan sebanyak \$25,860,620 bagi tujuan-tujuan sebagaimana yang telah dibahaskan.

Saya tidak ada apa-apa hendak beri tambahan maklumat baru kerana semua daripada Ahli Yang Berhormat itu nampaknya menyokong tentang permintaan ini. Namun begitu, sukacita juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa agihan projek-projek kemudahan sukan di bandar-bandar kecil ini insya Allah akan dilaksanakan menerusi recommendation, dengan izin, Tuan Pengerusi, daripada negeri-negeri. Di negeri-negerilah yang lebih mengetahui dan lebih maklum di mukim ataupun di daerah yang amat diperlukan kepada kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan ini.

Tentang permintaan Yang Berhormat dari Rantau Panjang supaya peruntukan ini kalau boleh disampaikan kepada semua kampung. Kalau kita ada peruntukan, insya Allah, kepada semua kampung, tetapi projek ini ialah projek untuk sukan, kadang-kadang kalau kampung-kampung itu terlalu kecil, yang belia-belianya sedikit sangat bilangannya, kita dirikan satu Mini Kompleks Sukan yang berharga kadang-kadang hampir \$10,000 cuma 10 orang main inipun satu perkara yang akan menimbulkan implikasi kepada kewangan kita dan pemikiran kita sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian bercadang supaya kampung-kampung kecil yang berdekatan kita kumpulkan dan kita dirikan sebuah Mini Kompleks Sukan yang boleh digunakan oleh belia-belie di kampung persekitaran. Ini adalah hasrat daripada Kementerian untuk mempertingkatkan prestasi belia kita di seluruh negara khususnya mengenai sukan ini. Lain-lain daripada ini, rasa saya tidak ada lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,860,620 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,860,620 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988.

Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)) (Bil.1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Maksud P.18

Kementerian Perusahaan utama terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Maran.

6.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad binn Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Maksud P.18 Kementerian Perusahaan Utama.

Saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) (Baru) 11000 Projek Penyelidikan dan Pembangunan yang mana peruntukan sebanyak \$2,730,000 dikehendaki oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia bagi membiayai projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan perindustrian getah. Peruntukan sedemikian rupa memang wajar sekali diberikan kepada Kementerian yang berkenaan kerana sebagaimana kita ketahui Malaysia ialah negara yang banyak sekali mengeluarkan getah. Kalau tidak silap saya 80% daripada pengeluaran getah dunia dikeluarkan oleh negara Malaysia.

Sebenarnya hasil getah ini bukannya baru dikeluarkan oleh Malaysia bahkan beratus-ratus tahun dahulu tetapi apa yang kedapatan sekarang ialah hasil getah ini kita jual dan eksport ke luar negeri digunakan oleh negara lain bagi membuat perindustrian getah atau pun membuat barang siap daripada getah yang dikeluarkan oleh negara kita. Sepatutnya kita telah lama mewujudkan perindustrian getah bagi membuat barang siap daripada getah yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Walaupun agaknya lewat tetapi di atas kesedaran ini memang wajar peruntukan sedemikian rupa diberi kepada Kementerian yang berkenaan. Bukan sahaja getah yang kita keluarkan itu boleh dijadikan barang siap tetapi apabila ada perindustrian ini kita boleh

mendapatkan pekerjaan kepada belia-belia kita yang tidak mempunyai pekerjaan kerana pada pendapat saya apabila satu-satu perindustrian getah ini dibuka sudah barang tentu kita akan menggunakan tenaga-tenaga pekerja bagi menjalankan perusahaan itu. Dengan itu secara tidak langsung selain daripada kita boleh mengeluarkan barang siap daripada getah, kita juga menyediakan pekerjaan kepada warganegara kita. Dengan adanya perindustrian ini bukan sahaja kita boleh mengeksport getah mentah daripada negara kita, mungkin kita juga boleh mengeksport barang-barang siap daripada getah daripada negara kita. Dengan ini kita boleh menambahkan hasil pendapatan kepada negara kita.

Selain daripada itu masa sekarang memanglah harga getah sedang melambung tinggi harganya maka sudah barang tentu apabila kita membuat penyelidikan ini, kita akan menentukan getah-getah itu digunakan oleh negara kita, mungkin kalau kita mengeksport barang siap daripada negara kita boleh mendapat keuntungan yang lebih besar lagi daripada kita mengeksport getah mentah.

Jadi kita mengharapkan supaya Institut Penyelidikan Getah supaya membuat kajian yang betul-betul teliti bagi mewujudkan perindustrian ini supaya perindustrian ini benar-benar akan mendapatkan hasil yang lumayan kepada negara kita. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk membuat ucapan tetapi apa yang saya hendak buat di sini ialah untuk menyampaikan satu soalan untuk

dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan atas Butiran (Projek) 11100 – Projek Penyelidikan dan Pembangunan di mana tambahan sebanyak \$2.9 juta telah dikehendaki oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia untuk membiayai projek penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan 'nutrition' atau khasiat minyak kelapa sawit bagi tujuan membanteras kempen anti minyak kelapa sawit.

Apa yang saya ingin bertanya ialah apakah perkembangan terakhir mengenai kempen yang dijalankan oleh negara kita dan khususnya oleh Kementerian yang berkenaan membanteras kempen anti minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh pihak tertentu di Amerika Syarikat. Saya buat pertanyaan ini memandangkan bahawa ini ialah satu perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini beberapa kali yang lalu dan memandangkan kepada betapa mustahaknya perkara ini hendak didedahkan maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya juga berpendapat bahawa adalah mustahak bagi saya mengemukakan atau pun membangkitkan perkara ini dalam saat ini oleh kerana saya difahamkan bahawa satu Rang Undang-undang yang baru sedang dikaji oleh jawatankuasa kecil di dalam Kongres di Amerika Syarikat dengan tujuan untuk mencari jalan baru untuk menentang kempen yang dijalankan dinegara kita iaitu dengan tujuan untuk menjejaskan penjualan minyak kelapa sawit dan saya berpendapat bahawa perkara ini adalah amat serius yang tentunya melahirkan kebimbangan di kalangan rakyat Malaysia dan saya harap bahawa Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi satu gambaran yang terang dan lanjut mengenai perkara ini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang berhormat dari Simunjan.

6.09 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan ini iaitu atas Maksud P.18, Butiran 11000 dan juga 111000. Yang ingin saya sentuh mula-mulanya ialah 111000 Projek Penyelidikan Pembangunan Minyak Kelapa Sawit.

Saya ingin bertanya dengan Kementerian beberapa tahun yang lepas telah diumumkan pengwujudan Pusat Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit di Sarawak dan sebidang tanah telah pun diberi oleh pihak Kerajaan negeri untuk membolehkan PORIM menjalankan mewujudkan projek penyelidikan dan perancangan bagi minyak kelapa sawit di Negeri Sarawak dan saya ingin tahu setakat ini bagaimanakah perkembangan, the latest, dengan izin, yang dicapai oleh pihak PORIM setakat ini ke arah mengembangkan aktiviti penyelidikan dan perancangan minyak kelapa sawit di Negeri Sarawak.

Dan saya juga ingin tahu sejauh manakah dengan wujudnya Pusat Penyelidikan dan Perancangannya ini di negeri Sarawak dapat membantu negeri itu mengembangkan penanaman dan industri minyak kelapa sawit di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum, Sarawak ialah sebuah negeri yang kaya raya dengan tanah, dengan hutan. Ramai yang sudah kaya kerana hutan dan kita harap juga ramai yang akan kaya dengan tanah yang banyak ini dan dengan menanam kelapa sawit di negeri yang kaya dengan tanah. Tuan Pengerusi, oleh itu, saya yakin pihak Kerajaan akan menggunakan peluang pengwujudan Pusat Penyelidikan Minyak

Kelapa Sawit ini untuk mengembangkannya aktiviti industri itu di negeri Sarawak supaya Sarawak suatu hari nanti akan menjadi sebuah negeri di Malaysia ini yang terbesar dalam menghasilkan minyak kelapa sawit. Terengganu pun kalah, iaitu negeri dari mana Yang Berhormat Timbalan Menteri datang.

Tuan Pengerusi, yang satu lagi ingin saya sentuh ialah mengenai keduanya iaitu 11000, Projek Penyelidikan dan Pembangunan Getah di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, harga bahan-bahan utama di masa ini telah beransur pulih dan harga getah pun dalam masa 10 tahun lebih mencapai paras yang tertinggi. Syukur alhamdulillah, Allah s.w.t. membantu kita. Dia tidak membantu dengan mengeluarkan satu yang baik tetapi membantu dengan menurunkan bencana untuk menolong orang Malaysia ini. Bencana yang turun ini ialah penyakit AIDS. Dengan merebaknya AIDS, orang takut, mesti pakai sarung getah untuk membuat kerja dengan tangan-kah dengan apakah dan sebagainya. Oleh kerana itu, permintaan untuk sarung getah tangan dan sarung lain meningkat naik di seluruh dunia. Jadi, dengan itu harga getah bertambah melambung tinggi, syukur, Alhamdulillah. Saya harap ramai yang tidak dapat penyakit AIDS dan dapat dikawal dengan usaha itu. Namun demikian, saya khuatir takut nanti pengeluaran getah kita tidak cukup. Dan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, apakah dengan permintaan getah yang begitu mendadak, melulu, melambung naik, kita yakin boleh mengeluarkan getah setaraf, selaras dengan permintaan luar negeri yang begitu banyak, itu satu.

Yang keduanya, kalau sekiranya kita gagal 'meet the demand', dengan izin, mampukah kita mengawal yang meminta memohon getah ini untuk 'divert to other product' yang menyerupai

getah, getah aslikah, getah bukan tiruankah dan sebagainya? Jadi, saya rasa penyelidikan dan pembangunan dalam aspek getah ini amatlah perlu bagi kita, supaya bukan hanya dari segi teknikalnya kita perlu pesatkan penyelidikan, tetapi dari segi ekonomiknya, masa pendek, masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana satu ketika dahulu kita pernah menebang getah dan mengarahkan orang menebang getah, kayu getah disuruh tebang banyak-banyak gantikan dengan kelapa sawit dan tidak siapa menyangka yang satu ketika harga getah melambung naik kerana diturunkan penyakit AIDS ini. Banyak negeri di dunia ini telah membuat satu undang-undang, peraturan, supaya siapa sahaja yang pakai kerja ataupun siapa sahaja warganegara di negeri itu mesti sediakan sarung tangan getah dan banyak lagi negeri-negeri lain yang berbuat demikian. Jadi, kemungkinan permintaan untuk getah ini akan melambung naik.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang akhir saya ingin membuat komen ialah mengenai penyelidikan kita. Kadangkala, kita orang politik terutama sekali suka membuat pengumuman, minat kita kadangkala buat pengumuman. Kalau ada pendapat ataupun sesuatu penyelidikan yang berhasil, kita umumkan. Kalau minyak kelapa sawit boleh digunakan untuk buat diesel, kita umumkan.

Kalau kita kata getah ini akan dapat menghasilkan ini, kita umumkan. Jadi, kita lupa, lalai bahawa dengan mendedahkan hasil penyelidikan kita kepada dunia begitu melulu, mendadak, orang lain dapat untung daripada kita. Ini kadang-kadang merbahaya bagi kita. Dan akhirnya negeri-negeri lain seperti negara-negara yang sama iklim dengan kita yang mempunyai kawasan tanah yang luas dapat menyaingi kebolehan menghasilkan bahan-bahan utama ini. Jadi, saya berharap untuk

kebaikan rakyat, negara kita keseluruhannya, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk menentukan supaya jangan begitu ghairah mendedahkan hasil peyelidikan negara kita ini. Atas bahan-bahan utama kepada khalayak ramai terutama sekali orang-orang yang berkemampuan daripada luar negeri ataupun negara lain. Janganlah ghairah juga kita apabila pelawat-pelawat kenamaan datang dari luar negeri, kita jemput terus melawat, ini kita punya kebolehan. Melawat lagi PORIM, ini kita punya kebolehan melawat satu lagi RRI, ini kita punya kebolehan dan pergi Kementerian, Timbalan Menteri pun beri juga 'briefing' kepada mereka, ini kemampuan kita. Ini secara langsung ataupun tidak langsung mendedahkan kebolehan kita yang begitu tinggi kepada negara-negara lain hinggalakan suatu ketika nanti mungkin berlaku bahawa mereka boleh menyaingi kebolehan kita dan menyaingi daya persaingan (competitiveness) kita dalam mengeluarkan bahan-bahan utama getah dan minyak kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, itu sahaja pesanan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap menyokong permintaan Kementerian ini untuk mendapatkan peruntukan tambahan seperti yang diminta berjumlah \$5.68 juta di bawah Maksud P.18. Saya sungguh menghargai sumbangan, pandangan daripada rakan-rakan yang telah memberi pandangan-pandangan yang bernas mengenai beberapa aspek daripada peruntukan yang dimintakan.

Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Maran telah membangkitkan soal perlunya kita menggalakkan pengeluaran barang-barang yang telah siap daripada getah khususnya untuk memberi peluang pekerjaan kepada penganggur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu daripada tugas penting Kementerian ini ialah untuk menggalakkan pelabur-pelabur baik dari dalam negeri ataupun luar negeri untuk membuka kilang-kilang di dalam negara kita untuk mengilang atau mengeluarkan barang-barang yang diperbuat daripada bahan yang dikeluarkan dalam negara kita ataupun, dengan izin, resource based industries.

Seperti Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, banyak sambutan yang agak hangat telah ditunjukkan oleh pelabur-pelabur khususnya pelabur luar negeri yang datang untuk membuka kilang-kilang perusahaan termasuk kilang-kilang perusahaan yang berasaskan getah seperti membuat komponen-komponen kereta dan juga mendirikan kilang-kilang mengeluarkan sarung getah dan sebagainya.

Pihak Kementerian akan sentiasa membantu lain-lain Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saling bekerjasama dengan pihak-pihak yang ingin melabur untuk menambahkan pelaburan mereka di dalam bidang yang berkenaan. Saya ingin memberi jaminan bahawa apa juga pertolongan yang perlu yang dikehendaki oleh Pelabur-pelabur itu, pihak kita akan sedia menimbang dan memberikan apa juga bantuan yang diperluan.

Pihak R.R.I. memang sentiasa membuat kajian mengenai barang-barang yang boleh dikeluarkan daripada getah dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada kelapangan untuk melawat R.R.I. di Sungai Buluh, kita boleh aturkan suatu lawatan untuk melihat apakah yang sedang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Getah kita iaitu

bukan sahaja untuk mengeluarkan getah jenis bermutu, menambah memperbaiki pengeluaran getah asli kita, tetapi juga bagaimana caranya kita membuat kajian untuk mengeluarkan barang-barang yang lebih baik daripada getah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menimbulkan pertanyaan mengenai usaha-usaha kempen bagi memburuk-burukkan minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh ASA. Beliau juga ingin tahu apakah benar bahawa usaha-usaha baru yang sedang dibuat di Amerika Syarikat oleh pihak Persatuan Penanam Kacang Soya Amerika Syarikat untuk mengemukakan satu bil baru di Kongres untuk mendiskriminasi minyak sawit.

Saya ingin membuat penjelasan bahawa pihak Kementerian pada masa ini sedang menyokong atau memberi bantuan kepada usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh enam buah institusi penyelidikan di Amerika Syarikat mengenai segenap aspek kesihatan mengenai minyak kelapa sawit dan hasilnya sedang kita tunggu pada masa ini dan apabila hasil itu dapat dikeluarkan, ia sudah pasti akan dapat kita pergunakan untuk melawan kempen yang dijalankan oleh pihak Persatuan Penanam Kacang Soya itu.

Pada masa ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa institusi menunjukkan bahawa minyak sawit telah berjaya menangkis beberapa dakwaan yang dibuat oleh pihak Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat dari segi bahayanya kepada penyakit jantung dan juga tekanan darah dan sebagainya dan juga ujian-ujian yang dijalankan telah menunjukkan sebaliknya bahawa minyak kelapa sawit adalah baik untuk kesihatan manusia dan juga baik untuk jantung manusia.

Jadi kita berharap kempen yang dijalankan oleh pihak PORIM itu akan berterusan melalui rombongan yang akan dikirim dari semasa ke semasa dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saya sendiri akan mengepalai satu misi promosi dan teknikal untuk melawat beberapa buah negara di Timur Tengah termasuk Pakistan, Mesir dan Saudia Arabia dan beberapa buah negara lain. Kita harap melalui usaha-usaha misi seperti ini kita akan dapat membuat penjelasan kepada pengguna-pengguna di luar Amerika Syarikat tentang hakikat sebenarnya mengenai khasiat minyak kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, mengenai pertanyaan Ahli yang Berhormat dari Bukit Bintang sama ada benar rang undang-undang baru sedang diusahakan oleh beberapa orang Ahli Kongres di Amerika Syarikat, saya ingin menjelaskan bahawa daripada laporan-laporan yang kita terima memang benar beberapa orang Ahli Kongres Amerika Syarikat sedang membuat usaha-usaha baru untuk membawa satu rang undang-undang baru ke Kongres Amerika Syarikat selepas usaha pertama mereka gagal pada tahun yang lepas, mereka ingin membuat percubaan baru untuk meluluskan satu bil yang berbentuk mendiskriminasi terhadap minyak tropika seperti minyak sawit, minyak kelapa dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya usaha itu berjaya, ia bukan sahaja akan menjejaskan minyak kelapa sawit kita tetapi juga yang lebih teruk lagi akan menjejaskan minyak kelapa yang dikeluarkan dengan banyaknya oleh Filipina, sebuah negara rakan kita di dalam ASEAN. Oleh yang demikian, Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar minyak sawit, dalam usaha membanteras kempen ASA ini disokong dan dibantu oleh rakan kita daripada negara Filipina dan juga sahabat-sahabat kita daripada Indonesia dan Thailand dan pihak kita di

dalam ASEAN sedang sudah membuat persiapan-persiapan untuk melawan percubaan baru pihak ahli Kongres Amerika Syarikat itu supaya dapat kita bersepadu usaha melobi supaya Kongres tidak meluluskan rang undang-undang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rang undang-undang itu adalah merupakan satu rang undang-undang persendirian iaitu 'private member's bill'. Sistem di Amerika agak berbeza dengan sistem kita di sini di mana di Amerika Syarikat sesiapa juga ahli Kongres boleh membawa satu rang undang-undang untuk diluluskan atau dipertimbangkan oleh Kongres. Tetapi soal sama ada Kongres akan meluluskan atau tidak, itu soalan lain.

Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Simunjan telah menyentuh kemungkinan Sarawak menjadi sebuah negeri pengeluar minyak sawit yang terbesar di Malaysia melebihi daripada Terengganu. Saya tidak akan berkecil hati kalau Sarawak dapat mengeluarkan minyak sawit dengan banyak oleh kerana saiz negeri Sarawak adalah besar dan sudah sepatutnya tanah yang terbiar itu ditanam dengan hasil-hasil tanaman yang boleh mengeluarkan hasil dan pendapatan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung esok.

Dato' Alias bin Md. Ali: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

BANJIR DI KAWASAN PILIHANRAYA SEPUTIH

6.30 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkembangan yang begitu pesat sejak tahun 70an, hakisan tanah dan kelodak-kelodak telah menyebabkan Sungai Kelang, Sungai Kerayong, Sungai Batu, Sungai Gombak dan anak-anak sungai menjadi semakin cetek. Pembetong-pembetong dan parit-parit tersebut dengan kelodak-kelodak dan sampah sarap telah menjadi kawasan-kawasan seperti Jalan Kelang Lama, Kampung Chan Sow Lin, Batu 3½ Jalan Sungai Besi, TUDM dan Brickfields sebagai kawasan "flood prone" di bandar Kuala Lumpur.

Masalah banjir di kawasan tersebut semakin serius sehingga banjir berlaku sebanyak sekurang-kurangnya 20 kali setahun. Keadaan semasa banjir di Batu 3½ Jalan Sungai Besi amat teruk di antara kawasan-kawasan yang lain setiap kali hujan lebat belaku di kawasan Cheras. Selain daripada kawasan-kawasan yang terlibat terdapat sekurang-kurangnya 30 lagi kawasan yang terjejas oleh banjir, seperti Kampung Bohor, Kampung Datuk Keramat, Pantai Dalam, Batu 3½ Jalan Cheras, Batu Hulu, Batu 6 hingga Batu 7½ Gombak, Jalan Tun Razak, Jalan Baru, Jalan Ipoh, Taman Bamboo dan sebagainya. Kebanyakan kawasan-kawasan ini terletak di tepi Sungai Kelang, Sungai Kerayong, Sungai Gombak dan Sungai Batu. Setiap kali dilanda banjir kilat, kawasan-kawasan tersebut ditengge-

lami oleh air sedalam hampir 0.15 meter hingga 2.5 meter. Akibat banjir telah mendatangkan kebimbangan, kekesalan dan kesusahan kepada penduduk-penduduk atau mangsa-mangsa banjir. Lagi pun harta benda turut musnah termasuk kehilangan nyawa, kesesakan lalulintas di jalanraya juga tidak ketinggalan sehingga membawa kerugian dalam produktiviti dan tenaga manusia di kilang-kilang tertentu.

Satu kajian kerosakkan banjir di bandar yang dilaksana untuk menentukan jumlah kerugian akibat banjir memberikan perangkaan yang berikut:

- (1) purata tahunan langsung bagi kediaman yang dirosakkan oleh banjir adalah di antara \$325 – \$13,000 setiap tahun keluarga;
- (2) purata tahunan langsung dari segi perdagangan yang dirosakkan oleh banjir adalah dalam lingkungan \$2,100 hingga melebihi \$84,000.

Daripada rekod perangkaan yang ditunjukkan betapa banyak wang yang dibazirkan dalam setiap tahun bila berlakunya banjir. Maka adalah mustahak untuk Kerajaan merancang sesuatu dengan serta-merta agar mengelak kehilangan nyawa, harta benda dan memelihara imej Bandaraya Kuala Lumpur.

Punca-punca menunjukkan bahawa \$120 juta diperuntukkan dan dibelanjakan dalam kerja-kerja yang berikut:

- (1) mendalamkan Sungai Kelang dari Masjid Jamek ke Jalan Lorney – 2 kilometer;
- (2) mendalamkan Sungai Gombak dari Masjid Jamek ke Jambatan Tun Razak – 3 kilometer;
- (3) mendalamkan Sungai Batu – 1.2 kilometer;
- (4) kerja memperbaiki perparitan di Bangsar dan mendalamkan Sungai Kerayong – 1 kilometer.

Jumlah peruntukan yang disebutkan adalah diberi semasa Rancangan Malaysia Keempat iaitu \$85 juta dan Rancangan Malaysia Kelima iaitu \$37 juta.

Sepertimana yang diketahui bahawa Kerajaan sedar dengan masalah banjir di Ibukota tetapi Kerajaan masih belum dapat mengatasinya setelah kerja-kerja mengawal masalah berkenaan dimulakan semasa Rancangan Malaysia Keempat. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa Kerajaan telah gagal untuk mencapai dalam projek-projek tempatan banjir.

Sejak tahun 1975 semua pemaju perumahan di Kuala Lumpur yang memohon perintah pembangunan atau sebelum pelan pembangunan diluluskan, mereka diminta menyumbang kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terhadap kos memperbaiki perparitan dengan kadar \$5,000 seakar. Semua bayaran yang diterima oleh DBKL akan digunakan untuk meningkatkan atau memperbaiki segala sistem perparitan di seluruh bandar Kuala Lumpur. Sehingga hari ini pihak yang berkuasa belum pernah mengumumkan jumlah sumbangan yang dikutip menurut kadar kemajuan perumahan pada dua dekad yang lalu. Adalah tidak salah jika dianggarkan bahawa jumlah bayaran yang dikutip selama itu tidak kurang dari \$15 juta tetapi adakah semua wang dikutip digunakan dengan sepenuhnya dalam projek-projek tebatan banjir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, 7½ minit sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh minta satu minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh. Ini mengikut Peraturan – 7½ minit sahaja, tidak boleh lebih.

Tuan Liew Ah Kim: Boleh minta satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Gulungkan.

Tuan Liew Ah Kim: Ya, terima kasih. Saya mengambil kesempatan ini untuk mendesak Kerajaan memperuntukkan lagi \$255 juta dalam projek tebatan banjir tanpa kelambatan. Kerja-kerja harus dijalankan untuk membaiki atau meningkatkan pencegahan masalah banjir. Oleh kerana anggaran bahawa sebanyak \$385 juta telahpun di-estimatekan oleh pihak kerajaan, setakat ini Kerajaan telahpun menggunakan sebanyak \$120 juta. Maka ada kekurangan (deficit) sebanyak \$255 juta. Inilah kita minta Kerajaan memperuntukkan supaya segala masalah banjir di Bandaraya Kuala Lumpur itu dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, sungai utama yang mengalir di kawasan pilihanraya Seputih ialah Sungai Kerayong. Oleh sebab wujud pembangunan yang pesat di kawasan Seputih, maka larian air berpunca dari air hujan makin bertambah. Kelodak dari tapak-tapak pembinaan telah menyebabkan Sungai Kerayong menjadi cetek. Keadaan ini bertambah rumit dengan adanya dua sekatan iaitu dua buah jambatan di Batu 3½ Jalan Sungai Besi. Kedua-dua jambatan tersebut terlalu kecil dan tidak dapat melepaskan air banjir yang akhirnya menyebabkan air banjir tersebut melimpah ke atas jambatan dan membanjiri di kawasan sekitar.

Kerajaan memang sedar akan masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku di kawasan Seputih. Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Taliair telah menyediakan satu pelan induk saluran Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1978 dan sejak tahun 1978 hingga kini

Jabatan Parit dan Taliair bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang melaksanakan projek-projek tebatan banjir secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelima penyaluran Sungai Kerayong sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair. Peruntukan sebanyak \$3.5 juta yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah untuk mendalam dan melebarkan Sungai Kerayong dan menggantikan jambatan di Batu 3½ Jalan Cheras.

Keseluruhan projek ini terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama bertujuan menyelesaikan masalah banjir kilat di Batu 3½ Jalan Cheras yang dijangka siap pada bulan September 1988. Sedang peringkat kedua pula bertujuan menyelesaikan masalah banjir disekitar kawasan Batu½ Jalan Sungai Besi dan akan dijalankan sebaik-baiknya 200 unit rumah setinggan yang menghalang kerja-kerja di situ dapat dipindahkan.

Kem Tahanan Perlindungan Kamunting – Kemudahan Kesihatan.

6.41 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada Ucapan Penangguhan Yang Berhormat dari Bukit Bintang semalam, saya akan menuju kepada sudut yang ahli mengenai kemudahan kesihatan di Kem Tahanan Perlindungan Kamunting yang disebutkan sebagai kem untuk bercuti untuk setengah-setengah orang oleh setengah-setengah ahli Barisan Nasional yang menyebutkan bagi mereka untuk bercuti itu pergi ke Club Mediterranean. Bagi kami untuk Kem Tahanan. Itulah sikap yang bukan-bukan yang tidak berdemokratik.

Selama lima bulan terlempang di dalam kem Tahanan Perlindungan Kamunting saya bersama-sama dengan rakan seperjuangan politik serta lain-lain tahanan terpaksa hidup di bawah keadaan yang serba kekurangan. Namum begitu kami adalah terus tegap dan cekal dan dapat bertahan dengan corak hidup sebegini. Keseksaan mental dari terputusnya hubungan bebas dengan dunia luar dan ditegah dari menceburkan diri dalam kegiatan politik adalah sesuatu yang kami terduga dan bersedia menghadapi serta mengatasi. Tetapi rungutan kami adalah berhubung dengan keadaan kemudahan kesihatan yang tersedia ada di dalam kem.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang semalam mengenai kekurangan koordinasi untuk rawatan tahanan yang sakit teruk, yang cemas dan untuk kepakaran terutamanya bagi Yang Berhormat dari Tanjong.

Di sini saya hendak menuju kepada satu aspek lagi iaitu perkhidmatan rawatan psikologi dan psikaitrik yang kekurangan di dalam kem. Tidak wujud perkhidmatan rawatan psikologi dan psikaitrik sama ada di dalam kem ataupun di Hospital Daerah Taiping. Terutamanya pada akhir-akhir ini iaitu pada 18hb Jun tahun ini ada tambah satu aspek yang teruk yang menekan jiwa dan fikiran orang-orang tahanan iaitu terdapat 10 orang tahanan Filipina di Kem Kamunting. Mereka terdiri dari 9 lelaki dan seorang perempuan. Dan sekarang mereka ditempatkan di kawasan 5 Kem Tahanan Perlindungan Kamunting bersama-sama dengan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong dan lain-lain.

Daripada 9 orang ini, dua daripada mereka boleh bertutur sedikit-sebanyak tetapi masih kurang memuaskan dalam Bahasa Malaysia dan yang lainnya langsung tidak dapat bertutur dalam

bahasa kebangsaan kita. Tetapi yang penting sekali adalah mereka ini dipercayai perompak, pencuri, penyeludup senjata dan mungkin juga pernah membunuh. Umur orang tahanan Filipina adalah dilingkungan 16 hingga 50 tahun.

Kami langsung tidak mengetahui mengapa mereka ini turut ditahan bersama dengan tahanan yang lain di kawasan 5 Kem Kamunting dengan menahan kumpulan orang yang berbahaya ini bersama-sama dengan tahanan tersebut maka adalah suatu deraan jiwa dan fikiran, tekanan politik yang memerlukan perkhidmatan rawatan psikologi dan psikaitrik yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan ini pihak Kementerian Dalam Negeri mesti menjelaskan kepada kita mengapa perkara ini berlaku. Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri sengaja berbuat demikian sebagai taktik seksaan psikologi dan psikaitrik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan bahawa sekumpulan lagi yang terdiri dari 10 orang Filipina, ahli-ahli MNLF (Moro National Liberation Front) akan dihantar ke Kem Kamunting tidak lama lagi. Orang-orang tahanan Filipina tersebut adalah orang asing. Mereka tidak seharusnya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan hendaklah menghadapkan mereka ke mahkamah ataupun mengusir mereka dari tahanan atau dari tanahair kita. Tambahan pula mereka tidak patut ditempatkan bersama-sama dengan tahanan politik seperti Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Ahli dari Tanjong dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya taraf penjagaan kesihatan bukanlah selalunya memuaskan. Oleh itu Kerajaan

an seharusnya mempertingkatkan lagi taraf kesihatan dan rawatan bagi para tahanan di Kem Tahanan Perlindungan Kamunting mengikut standard international setiap seorang tahanan patut dibenarkan berjumpa dengan doktor pilihannya sendiri pada setiap hari.

Dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri pula memang ada peruntukkan perundangan yang mengatakan bahawa setiap kem tahanan mesti mempunyai doktor bertauliahnya yang tersendiri. Kesemuanya ini tidak wujud di Kem Tahanan Kamunting ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Internal Security (Detained Persons) Rules 1960, dengan izin, di sini saya akan sebutkan tiga syarat yang tercatat di dalam Peraturan-peraturan I.S.A. ini.

Yang pertama, "8 – Appointment of Medical and Dental Officers", dengan izin,

"The Minister charged with the responsibility for health shall appoint a Medical Officer and a Dental Officer for each place of detention." Dan bagi Medical Officer itu tidak wujud di Kem Kamunting. (*Tepuk*)

Ada satu lagi. "58 – Medical Officer to inspect place of detention at least once in every month. The Medical Officer shall inspect every part of the place of detention with special reference to the sanitary state of the place of detention, the health of the detained person, and adequacy and proper cooking of the diet and he shall ensure that the body weights of detained persons are properly recorded and shall periodically review them." (*Tepuk*)

Jadi dalam tahanan itu saya tidak nampaklah ada satu tinjauan atau pemeriksaan daripada Medical Officer yang tercatat di dalam peraturan-peraturan ini. Jadi satu kelemahan, satu kecuaiian Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi Peraturan 60:

"Examination of Food and Water

The Medical Officer shall frequently examine the food of the detained persons, cooked and uncooked, and he shall report in writing to the Superintendent as to the quality of the provisions and any deficiency in the quality or defect in the quantity of the water or any other cause which may affect the health of the detained persons."

Jadi kesemua tiga syarat ini tidak dipenuhi. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang wujud kerana kecuaiian Kementerianannya. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*).

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya ingatkan kepada Wakil Kepong bahawa Akta ISA adalah dibahas dan diluluskan oleh Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat di dalam Parlimen yang maha mulia ini. Parlimen ini diwujudkan oleh sistem demokrasi. Dengan itu tidak wujud jika Akta ini dilaksanakan ianya membelakangkan demokrasi.

Tajuk Ucapan Penangguhan Yang Berhormat dari Kepong ialah 'Kemudahan Kesihatan dalam Kem Tahanan Perlindungan Kamunting', tetapi nampaknya Yang Berhormat telah mengambil peluang merewang-rewang atas perkara-perkara yang terkeluar daripada tajuk. Bagaimanapun saya mengambil ingatan atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua. Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960 telah

menetapkan cara-cara bagaimana kemudahan-kemudahan rawatan perubatan kesihatan patut diberi kepada orang-orang tahanan. Kaedah-kaedah ini adalah sentiasa diikuti oleh pihak berkuasa bagi menjamin bahawa orang-orang tahanan mendapat rawatan perubatan dengan sempurna dan mencukupi. Pada kebiasaannya orang-orang tahanan yang mengadu mengenai masalah kesihatannya mereka diberi rawatan oleh Pembantu Hospital di pusat tahanan dan oleh Pegawai Perubatan Hospital Daerah Taiping yang datang melawat sebanyak 3 kali dalam seminggu di klinik yang disediakan. Sekiranya serius, mereka akan dibawa ke Hospital Daerah Taiping tetapi kini setelah persaraan Pembantu Hospital pada tahun lalu, pihak Kem Tahanan tidak lagi mempunyai Pembantu Hospital sebagai penggantinya dan juga tiada lawatan oleh Pegawai Perubatan dari Hospital Daerah Taiping kerana kekurangan Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, pada masa ini tindakan sedang diambil untuk menempatkan semula seorang Pembantu Hospital di pusat tahanan dan juga seorang Pegawai Perubatan dari Hospital Daerah Taiping melawat klinik ini di pusat tahanan seperti dahulu. Itu menjawab sepertimana yang telah dipohon oleh Yang Berhormat tadi.

Walaupun ketiadaan Pembantu Hospital dan Pegawai Perubatan ditempatkan khas di pusat tahanan pada masa kini, tetapi pihak pusat tahanan ada menyediakan alat-alat kemudahan pertolongan cemas bagi membolehkan pihak pusat tahanan memberi rawatan awal sekiranya perlu. Orang-orang tahanan yang didapati sakit atau mengadu mengenai masalah kesihatan mereka akan dibawa oleh pihak pusat tahanan ke Hospital Daerah Taiping untuk mendapatkan rawatan perubatan. Pihak berkuasa pusat tahanan sentiasa menyediakan pegawai-pegawai dan kenderaan untuk membawa orang-

orang yang sakit ke Hospital Daerah Taiping dengan seberapa segera tanpa mengira masa sama ada siang ataupun malam. Mereka akan dibawa untuk menemui Pegawai Perubatan di hospital berkenaan dan jika sekiranya Pegawai Perubatan yang berkenaan mengesahkan orang tahanan memerlukan rawatan-rawatan tertentu termasuklah rawatan pakar, maka pihak pusat tahanan sentiasa mematuhi dan mengikuti perakuan Pegawai Perubatan berkenaan untuk menghantar dan membawa orang-orang tahanan tersebut untuk mendapat rawatan sebagaimana yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan sama ada di Hospital Besar Ipoh atau dimana-mana hospital yang diperakukan. Pihak berkuasa pusat tahanan sudah semestinya tidak akan dapat mengikuti kehendak-kehendak orang-orang tahanan untuk dirujuk atau mendapatkan rawatan pakar semata-mata kerana desakan atau atas permohonan orang-orang tahanan sahaja. Pihak berkuasa pusat tahanan akan mengambil tindakan berdasarkan kepada perakuan yang akan dibuat oleh Pegawai Perubatan yang memeriksa orang-orang tahanan tersebut.

Untuk makluman Dewan, pihak Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (International Committee of Red Cross) telah melawat Pusat Tahanan Kamunting pada 6hb hingga 8hb Mei, 1986 dan pada keseluruhannya berpuas hati dengan keadaan di pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya orang-orang tahanan adalah mendapat layanan yang lebih istimewa daripada orang-orang biasa atau orang-orang kampung yang terpaksa menunggu lama untuk mendapat rawatan tetapi tidak bagi orang-orang tahanan yang mendapat rawatan segera daripada pihak hospital.

Wakil Rakyat Kepong juga telah mengatakan bahawa wujud kecuaiian KDN dari segi kesihatan ini. Ingin saya

memberitahu Yang Berhormat dari Kepong bahawa kalaulah wujud kecuiaan selama Wakil Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang, tinggal di sana 11 kali, pihak pusat tahanan telah memberi rawatan kepada beliau – 11 kali, dan saya mempunyai, apa dia, bila, tarikh, penyakit apa dan sebagainya. Yang Berhormat Karpal Singh 10 kali. Jamaluddin atau Joshua Othman 10 kali dan Yang Berhormat P. Patto 4 kali. Kalaulah kita mengabaikan dan kecuiaan kita lakukan, tentu sekali dalam masa yang begitu singkat kita telah memberikan rawatan yang begitu rapi kepada orang-orang tahanan di Kamunting. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Menteri Kesihatan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) beliau mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,
Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 29hb Jun, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.57 petang.